



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Y.B. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera Kembali ke Rahmatullah [Ruangan 6417]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6417]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6448]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Jadual—

Kepala B. 37 [Ruangan 6449]

Kepala B. 39, B. 40, B. 41, B. 42, B. 43, B. 44 dan B. 45 [Ruangan 6485]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6447]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Kepala P. 37 [Ruangan 6449]

Kepala P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 [Ruangan 6486]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEHEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 6hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUAY.B. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN
PATERA KEMBALI KE
RAHMATULLAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan amat dukacitanya dimaklumkan iaitu Ahli bagi kawasan Kimanis, Yang Berhormat Pengiran Tahir bin Pengiran Patera telah kembali ke Rahmatullah pada 2hb Disember, 1976.

Saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bertaffakur selama satu minit, dan bagi Ahli-ahli yang beragama Islam menghadihkan Fatihah seberapa yang ikhlas.

(Majlis bertaffakur selama satu minit dan yang beragama Islam menghadihkan Fatihah)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANSURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI—
TUNTUTAN CUEPACS

1. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah sebenar wang Negara yang terlibat dengan tuntutan yang dibuat oleh CUEPACS terhadap Kerajaan mengikut Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, mengikut perkiraan Kerajaan sehingga hari ini jumlah wang Kerajaan yang terlibat untuk

melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali adalah ditaksirkan dalam lingkungan \$600 juta (enam ratus juta ringgit) pada tahun yang pertama.

Jumlah ini adalah meliputi kakitangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Penguasa-penguasa Tempatan dan anggota Pasukan Keselamatan.

Oleh kerana tuntutan CUEPACS itu adalah berlebihan daripada apa yang diperakukan oleh Suruhanjaya itu, maka tambahan wangnya akan melebihi daripada jumlah wang yang disebutkan tadi.

PROJEK GAS CECAIR ASLI DI
BINTULU

2. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan mengenai projek gas Cecair Asli di Bintulu dalam Bahagian Keempat, Sarawak.

Menteri Tak Berpottfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Projek Gas Cecair Asli di Bintulu, melibatkan pembinaan sebuah loji percecairan untuk mencairkan gas asli tak bersekutu (non-Associated Gas) daripada Central Luconia Province di dasar laut berdekatan dengan Sarawak. Gas Cecair asli ini akan dijual ke Jepun dengan kapal-kapal tangki yang dibina khas untuk tujuan tersebut.

Perundingan-perundingan di antara ketiga bakal pemegang saham projek ini iaitu PETRONAS, Shell International Gas dan Mitsubishi Corporation telahpun dijalankan untuk menyelesaikan beberapa perbezaan dasar sebelum satu perjanjian usaha bersama dibuat.

Pada masa ini, ketiga-tiga pihak tersebut sedang menjalankan penilaian bersama terhadap kemungkinan-kemungkinan ekonomi

bagi projek tersebut memandangkan kepada perubahan-perubahan keadaan gas cecair asli dunia.

Bagi memudahkan lagi perjalanan projek ini, sebelum satu perjanjian usaha bersama dibuat, PETRONAS sebagai pemegang saham yang terbesar di dalam projek ini, telahpun membuat perundingan-perundingan dengan pihak perunding antarabangsa yang terkenal bagi kerja-kerja rekabina dan pengawasan, pembinaan kemudahan-kemudahan percairan di Bintulu.

YUNIT-YUNIT BERGERAK PENERANGAN

2. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan Yunit-yunit Bergerak Penerangan di air dan daratan yang memberikan perkhidmatan sekarang mengikut Negeri-negeri. Nyatakan juga bilangan yang akan ditambah pada tiap Negeri di Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bilangan Yunit-yunit Bergerak Penerangan di air dan daratan yang memberikan perkhidmatan sekarang mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

	Yunit Darat	Yunit Sungai
1. Perlis ...	3	-
2. Kedah ...	19	-
3. P. Pinang ...	10	-
4. Perak ...	22	1
5. Selangor ...	12	-
6. Wilayah Persekutuan ...	7	-
7. Negri Sembilan ...	10	-
8. Melaka ...	6	-
9. Johor ...	21	-
10. Pahang ...	16	3
11. Trengganu ...	11	-
12. Kelantan ...	14	1
13. Ibu Pejabat ...	1	-
Jumlah Semenanjung Malaysia ...	152	5

	Yunit Darat	Yunit Sungai
14. Sabah ...	26	8
15. Sarawak ...	18	27
Jumlah kesemuanya ...	196	40

(b) Pada tahun 1977—sebanyak 6 buah Yunit Bergerak lagi akan ditambah mengikut kesesuaian daerah-daerah.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini bercadang untuk mengadakan sekurang-kurangnya sebuah yunit bergerak di udara menggunakan helikopter bagi kegunaan masa-masa yang tertentu?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd Isa: Tuan Yang di-Pertua, belum ada cadangan seperti itu buat masa ini oleh sebab Majlis Keselamatan Negara juga menggunakan yunit-yunit T.U.D.M. bagi kecemasan seperti itu.

BANTUAN BAJA KEPADA PETANI-PETANI

4. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa belanja membeli baja oleh petani-petani sekarang ini adalah sangat tinggi dan dengan sebab itu kos mengendalikan pertanian di desa adalah lebih tinggi daripada hasil yang diperolehi dan ini telah menyebabkan penghijrahan bakal-bakal pak tani muda dari desa-desa ke pekan-pekan, dan jika sedar adakah beliau akan menimbang memberi subsidi atau mengucualikan cukai ke atas baja.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudahpun ada menjalankan rancangan bantuan baja kepada petani-petani. Petani-petani yang mengusahakan ladang atau kebun yang luas tanahnya tidak kurang dari satu setengah ekar ($1\frac{1}{2}$ ekar) dan tidak pula lebih dari lima ekar (5 ekar) adalah diberi bantuan baja dengan percuma oleh Kerajaan melalui rancangan "Farm Crops Subsidy".

Petani-petani boleh juga mendapatkan bantuan baja samada dengan mendapatkan wang pinjaman atau pemberian daripada persatuan-persatuan peladang mengikut jenis-jenis projek pertanian yang diusahakan olehnya. Sekiranya sesuatu projek pertanian itu

difikirkan "viable" oleh persatuan-persatuan peladang, petani-petani boleh mendapat pinjaman untuk membeli baja, dan bagi rancangan-rancangan yang risikonya agak tinggi dari segi pendapatan dan bencana alam seperti banjir dan kemarau, mereka boleh mendapat wang pemberian (grant) daripada persatuan-persatuan peladang.

Untuk pesawah-pesawah pula, Kerajaan memberi subsidi atas baja urea apabila harga baja urea itu melebihi \$330 setan c.i.f. (cost, insurance, freight).

Mengenai soal pengecualian cukai ke atas baja pula, pada masa ini hanya cukai tokok (surtax) sebanyak 5% sahaja dikenakan ke atas baja yang biasanya digunakan oleh petani-petani dan cukai ini adalah kecil.

PEMAJU PERUMAHAN

5. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan pemaju-pemaju rumah di Wilayah Persekutuan yang lesen mereka telah digantung atau dibatalkan oleh Kementerian beliau sejak tahun 1974 kerana melanggar Akta Pemaju-pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 dan nyatakan bilangan dan nama-nama mereka yang lesen mereka telah dibaharui dalam tempoh yang sama dan juga sebab-sebab pembaharuan itu dibuat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu bagi saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sungguhpun ada perbekalan di dalam Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1966 bagi tindakan untuk mengantung dan membatalkan lesen, tetapi ini bukanlah caranya sahaja yang terbuka untuk menguatkuasakan Akta tersebut. Tiap-tiap kes yang berkenaan perlu dipertimbangkan menurut keadaan dengan mengambil kira jenis dan beratnya kesalahan yang dilakukan itu. Di samping itu langkah-langkah yang perlu diambil itu mestilah juga dapat melindungi kepentingan yang sah pembeli-pembeli serta peranan positif yang dimainkan oleh pemaju itu membantu usaha Kerajaan mengatasi masalah perumahan, terutama bagi golongan pendapatan rendah. Memandangkan faktor-faktor tersebut, maka ada kalanya dianggap wajar bagi lesen-lesen ter-

had diberi kepada pemaju-pemaju perumahan yang mungkin telah melanggar undang-undang tersebut secara tidak serious dengan dikenakan syarat-syarat yang merupakan denda.

Adalah benar bahawa selain daripada langkah-langkah pentadbiran yang tersebut tadi, lain-lain tindakan boleh diambil terhadap pemaju perumahan yang telah melanggar undang-undang, seperti langkah-langkah berikut ini:

- (a) menolak permohonan untuk memperbaharui lesen kerana telah melanggar Akta/Kaedah yang berkenaan;
- (b) membuat laporan kepada pihak Polis di Balai Polis yang berkenaan sebagai langkah permulaan bagi mendakwa pemaju berkenaan di Mahkamah kerana melanggar undang-undang berkenaan.

Mengenai perkara (a) di atas, satu daripada tiga kes di mana permohonan pemaju-pemaju perumahan untuk memperbaharui lesen-lesen mereka ditolak adalah di Wilayah Persekutuan (iaitu pemaju yang bernama Venkateswara Sdn. Bhd.). Lesen tersebut kemudiannya telah diluluskan secara terhad setelah Yang Berhormat Menteri menerima rayuan menurut seksyen 16 Akta berkenaan dan kelulusan tersebut diberi menurut syarat-syarat yang ketat. Yang Berhormat Menteri telah membenarkan rayuan tersebut setelah mempertimbangkan kepentingan pembeli-pembeli yang sah. Sayugia dinyatakan bahawa menurut seksyen 16 Akta tersebut keputusan Yang Berhormat Menteri tidak boleh dipersoalkan di mana-mana Mahkamah. Mengenai perkara (b) pula, setelah laporan-laporan dibuat kepada pihak Polis, dua kes telah didakwa di Mahkamah dan pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan telah didapati salah dan didenda.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus.

(Soalan No. 6 Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tidak hadir).

KENDERAAN MEMOTONG DI SEBELAH KIRI

7. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa pada masa ini potong memotong antara kenderaan di jalanraya di

bandar Kuala Lumpur ini menjadi kelam-kabut kerana boleh potong sebelah kiri dan kanan. Tidakkah pihak Kementerian akan mengeluarkan syarat-syarat bagi pemandu cara-cara memotong kereta dan sekiranya ada yang melanggar syarat-syarat ini akan diambil tindakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Keadah No. 5 L.N. 166/1959 Ordinan Lalulintas, 1958 adalah wajar bagi tiap-tiap kenderaan untuk memotong di sebelah kanan. Peraturan ini biasanya dipatuhi semasa memandu di lebuhraya dan juga di jalan-jalan yang mempunyai satu haluan (lane) sahaja. Memandangkan keadaan jalan-jalanraya di bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai banyak lorong-lorong (lane) maka jika sekiranya pihak berkuasa menguatkuasa Kaedah No. 5 L.N. 166/59 maka ini akan menimbulkan lagi kesesakan jalanraya oleh sebab tiap-tiap kenderaan apabila hendak memotong terpaksa masuk ke lorong-lorong kanan.

Oleh yang demikian, pihak berkuasa tidak mengambil apa-apa tindakan di atas kenderaan-kenderaan yang memotong di sebelah kiri dan Kaedah No. 5 L.N. 166/59 adalah dilonggarkan terutama sekali di jalan-jalanraya yang mempunyai 3 atau 4 lorong.

ORANG-ORANG MASUK KE MALAYSIA SECARA HARAM

8. Tuan Tan Cheng Bee (Di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang masuk ke Semenanjung Malaysia secara haram dalam masa 10 bulan yang lalu; dan
- (b) cara dan tempat mereka masuk ke Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tempoh 10 bulan yang lalu jumlah bilangan orang-orang yang masuk secara haram yang dapat dikesan dan diambil tindakan ialah 1,490 orang.
- (b) Mereka masuk melalui jalan Darat dan Laut. Dari jumlah tadi 834 orang telah

masuk melalui Jalan Darat di kawasan-kawasan seperti berikut:

(i) Kawasan Sekitar Padang Besar	210
(ii) Kawasan Sekitar Chang-loon	50
(iii) Kawasan Sekitar Keroh				6
(iv) Kawasan Sekitar Rantau Panjang	568

Selainnya, iaitu 656 orang telah dapati masuk melalui Jalan Laut dan mendarat di kawasan-kawasan berikut:

(i) Kawasan Sekitar Kuala Perlis	20
(ii) Kawasan Sekitar Pulau Pinang	6
(iii) Kawasan Sekitar Pantai Kelang	31
(iv) Kawasan Sekitar Pantai Melaka	52
(v) Kawasan Sekitar Pantai Johor Bahru dan Pontian				547

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Daripada angka-angka yang masuk secara haram tadi adakah itu termasuk pelarian Vietnam dan Kemboja?

Datuk Shariff Ahmad: Tidak termasuk.

PERKHIDMATAN TALIPON

9. Tuan Oon Gin Sun minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa perkhidmatan talipon di dalam negeri ini tidak memuaskan pada keseluruhannya jika dibandingkan dengan tahun sudah dan apakah langkah-langkah beliau bercadang hendak ambil bagi memperbaiki kecekapan perkhidmatan tersebut.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Talikom sedar atas kepentingan untuk sentiasa meninggikan mutu dan memperluas-kan lagi perkhidmatan supaya kegunaan talipon dapat diberi kepada semua yang berkehendakkan dengan mutu perkhidmatan yang bertambah baik.

Untuk memenuhi dasar ini, Jabatan tersebut telah merancang projek-projek yang besar supaya dapat ia:

- memenuhi keperluan-keperluan daripada pemohon-pemohon yang sedang menunggu;
- memberi kemudahan kepada mereka-mereka yang berkehendakkan perkhidmatan talipon, iaitu untuk menemui permintaan yang akan datang, dan
- membaiki dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan kepada semua pelanggan-pelanggan.

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, Jabatan Talikom sedang:

- menambah dan memperbesarkan rangkaian-rangkaian "trunk and junction" antara semua pusat-pusat ibusawat, melalui alat-alat kebel, multiplex, VHF (Very High Frequency) dan Microwave radio;
- menambah dan memperbesarkan ibusawat-ibusawat talipon di seluruh negara;
- penambah dan memperbesarkan rangkaian-rangkaian kebel pelanggan (subscribers cable network).

RANGKAIAN TRUNK DAN JUNCTION

Perbelanjaan projek-projek rangkaian "trunk and junction" untuk tahun 1976, 1977 dan 1978 adalah kira-kira sebanyak \$150 juta, dan ini akan memperolehi kira-kira 63,000 saluran dan setengah daripada saluran-saluran tersebut di jangka siap pada:

1976	2,000 saluran
1977	25,800 saluran
1978	37,200 saluran

Projek-projek rangkaian microwave radio yang besar untuk merangkaikan ibusawat-ibusawat juga dijalankan termasuk projek-projek seperti berikut:

		Jangka siap
Kuala Lumpur ke Johor Bharu (termasuk kawasan-kawasan di Johor Utara)	1800 saluran	1978
Kuala Lumpur ke Ipoh ...	600 saluran	1977/1978
Kuala Lumpur ke Bukit Mer-tajam (termasuk bandar-bandar Ipoh dan P. Pinang)	1800 saluran	1978
Kuala Lumpur ke Kuantan (termasuk kawasan-kawasan K. Trengganu dan Kota Bharu)	1800 saluran	1977
Kuala Lumpur ke Kuantan (untuk perkhidmatan luar Negeri)	1800 saluran	1977

G. Pulau ke G. Serapi ...	100 saluran	Jangka siap 1979
Kuala Lumpur ke Ipoh ke P. Pinang ke Kedah Peak. (Rancangan Pembaharuan—Renewal Project)	1800 saluran + 2 saluran TV	1980
Kuala Lumpur ke Johor Bharu (Rancangan Pembaharuan—Renewal Project)		

Dengan pembinaan rangkaian-rangkaian trunk tersebut, dapatlah sambungan-sambungan dari sebuah ibusawat kepada ibusawat yang lain dikuatkan lagi dan ini akan melicinkan panggilan-panggilan talipon di antara ibusawat-ibusawat, iaitu antara pelanggan-pelanggan di seluruh negeri ini.

RANCANGAN IBUSAWAT-IBUSAWAT TALIPON

Ibusawat-ibusawat talipon juga sedang diperbesarkan dan ditambahkan lagi rancangan ini melibatkan perbelanjaan kira-kira sebanyak \$330 juta, dan ibusawat-ibusawat baru yang dibina, apabila siap akan memperolehi talian-talian tambahan iaitu:

Tahun 1975	...	28,990 talian telah disiapkan	} jumlah 341,890 talian.
Tahun 1976	...	63,900 talian dijangka siap	
Tahun 1977	...	165,000 talian dijangka siap	
Tahun 1978	...	18,000 talian dijangka siap	
Tahun 1979	...	66,000 talian dijangka siap	

RANGKAIAN KEBEL PELANGGAN

Rancangan-rancangan kebel pelanggan juga sedang ditambahkan dan ini akan memakan belanja sebanyak \$260 juta, dan jumlah pasangan kebel yang akan didapati untuk menemui permintaan-permintaan talipon ialah kira-kira 350,000 dan ini dijangka siap:

100,000 pasangan kebel	...	1976
150,000 pasangan kebel	...	1977
100,000 pasangan kebel	...	1978

Dengan pelaksanaan projek-projek tersebut yang hampir lebih kurang tiga kali ganda jika dibandingkan dengan muatan yang ada pada hujung 1975, maka ternyatalah bahawa Jabatan Talikom sedang mengambil tindakan yang perlu untuk menambahkan alat-alat yang penting supaya Jabatan tersebut dapat mengawal keadaan dan mengatasi masalah-masalah pemberian perkhidmatan talipon kepada kesemua yang berkehendakannya dan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan pada keseluruhannya.

Mutu perkhidmatan talipon juga diberi perhatian yang berat oleh kesemua pegawai dan kakitangan yang berkaitan dan tindakan

khas dan segera diberikan kepada mana-mana alat ibusawat dan lain-lainnya supaya mutu perkhidmatan talipon sentiasa dapat dikawal. Dengan siapnya ibusawat-ibusawat baru yang besar di Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi, perkhidmatan di bandar Kuala Lumpur juga akan bertambah baik.

Kakitangan-kakitangan seperti juruteknik dan pembantu teknik adalah berkurang dan juga sebilangan besar daripada juruteknik-juruteknik termasuk jurutera-jurutera adalah muda dan tidak begitu berpengalaman. Akan tetapi Jabatan Talikom telah dan sedang menjalankan beberapa kursus, termasuk kursus khas untuk semua pegawai-pegawai dan kakitangan tersebut di Pusat Latihannya di Kuala Lumpur.

Kursus-kursus khas di luar negeri juga diberi kepada kakitangan supaya dapat mereka mengetahui dengan lebih mendalam lagi selok-belok dalam beberapa segi kejuruteraan suis (switching engineering).

PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI

10. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana perkembangan pembangunan Universiti dengan jumlah penuntut yang diambil dalam masa lima tahun yang lalu dan samada kadar perkembangan benar-benar mencukupi bertambahnya bilangan penuntut-penuntut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya apa yang dimaksudkan terhadap perkataan "perkembangan pembangunan" itu ialah perkembangan dari segi perbelanjaan pembangunan bagi membina infrastruktur, bangunan, alat-alat dan kemudahan maka saya kira adalah tidak wajar dengan semata-mata membandingkan perbelanjaan pembangunan dengan bilangan penuntut bagi menentukan kadar perkembangan universiti kerana ianya tidaklah dapat memberikan gambaran yang sebenar-benarnya. Bagi universiti yang baru membangun seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia belanja pembangunan adalah tinggi sedangkan pengambilan penuntut dan bilangan penuntut yang keluar adalah kecil. Bagi universiti yang telah lama tertubuh seperti Universiti Malaya pengambilan pe-

nuntut dan bilangan penuntut yang keluar adalah besar sedangkan jumlah perbelanjaan pembangunan adalah lebih rendah. Selain dari itu terdapat lain-lain faktor yang menghadkan bilangan pengambilan penuntut umpamanya masalah mendapatkan kakitangan pengajar yang mencukupi, dasar mengenai pengambilan penuntut, keperluan gunatenaga manusia mengikut kehendak negara dan sebagainya.

LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH

11. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah kemajuan-kemajuan yang telah tercapai setakat ini dalam rancangan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, sejak Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ditubuhkan di dalam tahun 1973, sebanyak 17 projek-projek pertanian telahpun diluluskan yang mempunyai jumlah keluasan sebanyak 113,857 ekar. Sehingga sekarang ini, 9 daripada 17 projek yang disebutkan di atas telahpun dimajukan. Keluasan kawasan yang telah dimajukan setakat ini dan projek-projek yang berkenaan adalah seperti berikut:

Projek	Keluasan yang telah dimajukan
1. Neram II (FELDA) ...	4,716 ekar
2. Rasau Kerteh (FELDA)	11,201 ekar
3. Jerangau Barat (FELDA)	4,068 ekar
4. Seberang Tayor (Tambahan) (FELDA) ...	895 ekar
5. RISDA Ulu Paka ...	10,500 ekar
6. FELCRA Ulu Chukai ...	2,000 ekar
7. MARDI—F.E.S. Pasir Semut	500 ekar
8. Syarikat Oriental Enterprise	30 ekar
9. Syarikat Ternak Desa	50 ekar
JUMLAH ...	33,960 ekar

Jumlah keluasan sebanyak 113,857 ekar sebagaimana yang disebutkan di atas bukanlah merupakan keluasan yang akan dimajukan bagi tahun ini. Jumlah ini ialah

merupakan keluasan keseluruhan projek-projek sebagaimana yang diluluskan. Tiap-tiap projek ini mempunyai pemeringkatan pembangunan (development phasing) yang tersendiri. Pada keseluruhannya, pembangunan projek-projek pertanian ini selalunya dibuat secara berperingkat-peringkat yang akan memakan masa selama 4 hingga 5 tahun sehingga kesemua keluasan yang diluluskan itu diusahakan.

Dua projek perindustrian sedang dimajukan sekarang ini di dalam Kawasan Trengganu Tengah. Projek-projek tersebut ialah Kompleks Perkayuan Pesama yang telahpun berjalan. Kerja-kerja pengeluaran balak sedang diteruskan daripada kawasan yang telah diluluskan seluas 50,000 ekar. Sebuah kilang sedang dibina di kawasan Perindustrian Jakar, Kemaman. Kedua ialah projek Kuari Trengganu Tengah yang mana pesanan alat-alat telah pun dibuat dan Kuari ini dijangka akan mula berjalan dalam masa tidak berapa lama lagi.

Mengenai kemajuan infrastruktur, terdapat beberapa projek yang sedang dimajukan sekarang ini. Pertama pembinaan fizikal 3 buah pusat-pusat bandar baru sedang diusahakan sekarang ini. Setakat ini kerja-kerja pembersihan hutan dan pengukuran sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada penghujung bulan April, 1977. Kedua ialah projek Jalan Jerangau/Jabor/Tanjong Gelang yang mana kerja-kerja perancangan dan pemilihan pemborong-pemborong telah pun siap dijalankan. Pembinaan jalan dijangka akan dimulakan pada bulan Januari, 1977.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa 13 kawasan yang dimajukan sebagaimana yang disebutkan tadi adalah kawasan perusahaan yang sebenar-benarnya diusahakan oleh Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ataupun Kawasan Perusahaan Pertama Komplek itu kebetulan sahaja ada di kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah tetapi bukan diusahakan oleh Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah seperti kata orang ambil nama sahaja?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi kawasan-kawasan itu diusahakan oleh FELDA, FELCRA, RISDA, MARDI dan Syarikat Oriental Enterprise peringkat ternakan desa iaitu syarikat perbadanan awam dan swasta.

Mengikut dasar Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, Lembaga ini memberi perhatian yang berat atas penyertaan Bumiputra di dalam perusahaan dalam kawasan ini dan jika sekiranya satu-satu projek dimana tidak ada penyertaan Bumiputra, maka pihak Lembaga bolehlah mengambil syer di dalam syarikat ini sebagai holding in trust untuk Bumiputra.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah menjadi polisi pihak Lembaga ini untuk menentukan mana-mana projek yang diusahakan itu mesti sebahagian peratus daripada syernya dipunyai oleh pihak Lembaga ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya Lembaga ini mempunyai syer untuk dia sendiri. Tetapi ia boleh memegang syer ini sebagai holding in trust untuk Bumiputra pekerja-pekerja kerana salah satu daripada dasar Lembaga ini ialah supaya syer-syer dari projek-projek dalam Lembaga ini diberi kepada pekerja-pekerja di dalam projek-projek tersebut.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Setahu saya pihak Lembaga berkeras berkehendakkan supaya dia mempunyai syer dalam mana-mana projek. Jadi, dengan jawapan Menteri tadi bolehkah pihak Menteri memberi arahan kepada Lembaga supaya mengikut polisi yang disebutkan oleh Menteri tadi.

Dr Suksiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya apa yang saya perkatakan tadi merupakan dasar Lembaga ini tetapi seterusnya bukanlah bermakna apabila Lembaga itu mengambil syer ini bukanlah syer-syer ini hanya kepunyaan Lembaga sahaja tetapi Lembaga memberikan syer ini kepada pekerja-pekerja di dalam Lembaga, iaitu Lembaga memegang saham-saham ini in trust untuk bumiputra atau pekerja-pekerja.

KAWASAN KEMAJUAN TALIAIR, KELANTAN

12. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar sebahagian dari petani-petani di kawasan KADA di Kelantan telah tidak mendapat cukup air untuk sawah mereka dalam tahun

1975 dan 1976. Jika benar apakah sebabnya dan bila masalah ini dapat diatasi. Apakah langkah KADA untuk memperbaiki keadaan tanah di kawasan KADA supaya dapat ditingkatkan hasil pengeluaran padi di kawasan itu sebanyak 1,000 gantang pada seekar.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah nama penuh bagi perkataan KADA itu?

Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim: KADA—Kawasan Kemajuan Taliair di Kelantan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar bagi tahun 1975 akan tetapi, bagi tahun 1976, satu kawasan lebih kurang 10,000 ekar telah tidak dapat bekalan air bagi tanaman luar musim. Ini disebabkan pam-pam air, yang sedang mengalami beberapa masalah teknikal, telah tidak berupaya membekalkan air yang diperlukan oleh kerana bencana kemarau yang berpanjangan. Perkara ini telah pun dijelaskan dalam Dewan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 8-7-1976.

Agak sukar kita hendak mengatasi keadaan dalam seperti kemarau. Walaupun demikian bagi jangka pendek, Kementerian saya telah mengambil tindakan bagi mengadakan bekalan air secara sementara sambil pam-pam dibaiki. Secara jangka panjang pula, Kementerian sedang mengkaji cara-cara bagi memperbaiki sistem pengairan di kawasan ini supaya tanaman padi dua kali setahun sentiasa terjamin.

Memanglah tujuan Kementerian hendak meninggikan hasil pengeluaran di kawasan ini seberapa yang boleh. Akan tetapi, sukar sedikit hendak dijamin kenaikan kepada 1,000 gantang seekar itu. Ini disebabkan tanah di kawasan ini, pada keseluruhannya ialah kelas II dan di setengah-setengah tempat berkeadaan masam-kelat pula. Keadaan banjir yang selalu dialami serta kawalan air yang belum sempurna juga mengakibatkan hasil pengeluaran rendah.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha sememang sentiasa dijalankan untuk memperbaiki keadaan tanah itu. Satu cara ialah menggunakan baja kapur, bagi mengurangkan keadaan masam, serta campuran baja yang sesuai dan mencukupi. Bagi maksud ini, bantuan-bantuan kredit dan subsidi ada disediakan. Dari segi kawalan air pula, ran-

cangan bagi memperbaiki sistem perairan di kawasan ini telah dimasukkan ke dalam rancangan Malaysia Ketiga di bawah Projek Pembangunan Kelantan Utara.

RANCANGAN PERAIRAN LEMAL

13. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa kawasan perairan Lemal dalam rancangan Kemubu keadaan taliairnya tidak begitu sempurna. Hingga kini kerja-kerja menanam padi dua kali setahun tidak berjalan dengan serentak dan sudah dua musim mengalami kegagalan. Jika sedar apakah langkah-langkah dan rancangan segera telah difikir oleh Kerajaan untuk mengatasinya.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Sistem pam air yang cacat dan bukan taliair yang menjadi masalah. Sememangnya tujuan jangka panjang rancangan perairan di Lemal hendak membolehkan petani menanam dua kali setahun. Walau bagaimanapun, dengan keadaan pam air yang belum sempurna itu, kita belumlah lagi dapat mencapai dua musim bagi keseluruhan 23,000 ekar tanah di Lemal. Pada masa ini, lebih kurang 15,000 ekar sahaja yang dapat ditanam dua kali setahun.

Suka saya menyatakan di sini bahawa bagi memperbaiki keadaan ini Kerajaan telahpun menentukan adanya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bawah Projek Pembangunan Kelantan Utara peruntukan bagi memperbaiki sistem bekalan air bagi kawasan ini. Ini adalah berdasarkan tambahan infrastruktur dan kemudahan pengairan yang lebih sempurna.

BANK PERDAGANGAN

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapa buah bank-bank yang ada dalam Malaysia sekarang dan berapa jumlah modal tiap-tiap sebuah serta nyatakan jumlah modal yang ditanam di dalam dan di luar negeri oleh tiap-tiap bank tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat 36 buah bank-bank perdagangan yang menjalankan perniagaan di Malaysia. Daripada jumlah

ini 19 buah daripadanya adalah bank-bank tempatan dan yang lainnya adalah cawangan bank-bank asing. Modal yang dibayar bagi tiap-tiap bank yang ditubuh di dalam negeri ini adalah seperti berikut:

Ban Hin Lee Bank	...	\$ 6,000,000
Bank Buruh	...	10,000,000
Bank Bumiputra	...	40,000,000
Bian Chiang Bank	...	4,500,000
Development & Commercial Bank	...	15,000,000
Perwira Habib Bank	...	5,000,000
Hock Hua Bank (Sarawak)	...	5,000,000
Hock Hua Bank (Sabah)	...	3,000,000
Kong Ming Bank	...	4,000,000
Kwong Lee Bank	...	6,156,000
Kwong Yik Bank	...	8,000,000
Malayan Banking	...	45,000,000
Oriental Bank	...	2,000,000
Pacific Bank	...	3,000,000
Public Bank	...	16,000,000
Southern Banking	...	10,000,000
United Asian Bank	...	10,000,000
United Malayan Banking Corporation	...	30,000,000
Wan Tat Bank	...	2,000,000
Jumlah	...	\$224,657,000

Berhubung dengan cawangan bank-bank asing yang terdapat di Malaysia, mereka dikehendaki mempunyai modal kerja bersih minima (minimum net Working Fund) sebanyak \$2 juta di mana jumlah ini boleh ditambah bergantung kepada kegiatan perniagaan yang dijalankan di negara ini. Untuk makluman jumlah modal kerja bersih yang disatukan bagi semua cawangan bank-bank asing di Malaysia seperti pada 30-6-1976 ialah sebanyak \$684.5 juta.

Jumlah pelaburan dalam negeri ini oleh bank-bank tempatan ialah sebanyak \$219.9 juta berbanding dengan pelaburan di luar negeri hanya sebanyak \$6.1 juta. Pelaburan dalam negeri ini oleh cawangan bank-bank asing ialah sebanyak \$163.6 juta dan tidak ada pelaburan di luar negeri oleh cawangan bank-bank asing di negara ini.

Tuan Azaharul Abidin bin Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah bank tempatan kita dibuka cawangan-cawangannya di luar negeri, dan kalau ada, di negeri mana?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Saya minta ulangi sekali lagi.

Tuan Azaharul Abidin bin Abdul Rahim: Adakah bank tempatan kita dibuka cawangan-cawangan di luar negeri, dan kalau ada di negeri mana?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan tambahannya terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Minta notis?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Ya.

SEKOLAH TINGGI NAN HWA

15. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- sebab-sebab permohonan Sekolah Tinggi Nan Hwa di Sitiawan, Perak, untuk mendirikan bangunan tambahan telah ditolak pada 22hb Jun, 1976;
- samada beliau sedar sekolah tersebut telah memohon semula untuk mendirikan bangunan tambahan tersebut pada 9hb Ogos, 1976 melalui suratnya yang dialamatkan kepada Timbalan Menteri Pelajaran, jika ya, mengapa setakat ini tidak ada sebarang jawapan daripada Timbalan Menteri Pelajaran; dan
- apakah keputusan muktamad yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- Permohonan Sekolah Tinggi Nan Hwa di Sitiawan untuk mendirikan bangunan tambahan itu ditolak oleh kerana bancia (enrolment) murid di sekolah ini adalah kecil, bilik darjah dan kemudahan-kemudahan yang ada memang sudah mencukupi.
- Surat rayuan yang saya terima daripada pihak sekolah ini terpaksa dikaji semula oleh Bahagian Pembangunan Kementerian Pelajaran dan juga oleh Jabatan Pelajaran Perak dan perkara ini mengambil masa juga.
- Seperti yang dikatakan atau yang dinyatakan terdahulu, sekolah ini tidaklah memerlukan bangunan tambahan itu.

SOALAN No. 16 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azaharul Abidin.

Tuan Azaharul Abidin bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik Soalan No. 16.

(Soalan No. 16 ditarik balik)

PENERBANGAN PERCUMA MAS KEPADA MENTERI/TIMBALAN MENTERI

17. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada benar Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik serta keluarga mereka dibenarkan menaiki kapalterbang MAS dengan percuma dan juga menyatakan sejak bermulanya operasi MAS, jumlah perjalanan-perjalanan percuma yang telah diberi kepada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Setiausaha-setiausaha Politik dan keluarga mereka dan nyatakan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak MAS atas penerbangan-penerbangan percuma ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan penerbangan percuma dengan MAS sebanyak 2 kali dalam setahun untuk tujuan cuti tahunan diberi kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri serta isteri dan anak-anak dalam tanggungan mereka sahaja dan tidak diberi kepada Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik.

Sejak kemudahan ini diberi, jumlah perjalanan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri adalah sebanyak 15 kali kesemuanya.

Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak MAS sehingga masa ini ialah \$226,789.00

LAPURAN IBRAHIM ALI

18. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa dengan terlaksananya Tanggagaji Ibrahim Ali, Kerajaan akan menampung lebih berat lagi perbelanjaan berulang tiap-tiap tahun, dan jika sedar, adakah Kerajaan akan

memberi pertimbangan supaya sebarang cukai yang bakal dinaikkan untuk menepati perbelanjaan yang meningkat naik itu, tidak akan mendatangkan kesusahan kepada orang-orang luar bandar yang memang sedia dalam keadaan kesusahan dan juga kepada orang-orang miskin yang lainnya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Sekiranya Lapuran Ibrahim Ali dilaksanakan perbelanjaan berulang tiap-tiap tahun akan meningkat dan Kerajaan terpaksa mencari jalan untuk menampung kenaikan perbelanjaan ini. Kerajaan sememang mengambil berat kedudukan orang-orang yang menghadapi kesusahan dan mereka yang berpendapatan rendah sebelum ianya melaksanakan sebarang cadangan cukai yang baru. Oleh itu asas-asas percukaian yang diutarakan oleh Kerajaan ialah atas kemampuan penduduk-penduduk membayar sebarang cukai.

BASMI KEMISKINAN

19. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar rakyat sedang menunggu untuk melihat bukti-bukti konkrit yang membuktikan akuan Kerajaan bahawa Kerajaan berniat membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum, samada akuan ini difahami oleh Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan dan dilaksanakan dengan sewajarnya, dan untuk permulaan samada pengambilan ke dalam pusat-pusat pengkajian tinggi, perkhidmatan awam, pasukan tentera dan badan-badan berkanun akan mencerminkan komposisi masyarakat berbilang kaum kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum adalah salah satu objektif Dasar Ekonomi Baru. Projek-projek ke arah tujuan ini telah dimulakan sejak pelancaran Rancangan Malaysia Kedua dan bukti-bukti konkrit sebagaimana, Ahli Yang Berhormat kehendaki itu adalah seperti yang ternyata dalam Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga. Projek-projek seperti pembukaan tanah untuk rancangan-rancangan pertanian subsidi-subsidi seperti baja, rancangan-rancangan untuk nelayan, pembinaan rumah-rumah murah, pembekalan air dan letrik, pembukaan pusat-pusat bandar baru dan pekerjaan-pekerjaan yang diwujudkan dalam sektor-sektor lain adalah beberapa bukti yang nyata akan hasrat Kerajaan bagi tujuan tersebut.

Dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan melalui projek-projek tersebut, Kerajaan tidak menimbangkan dari segi faedah untuk satu-satu kaum. Langkah-langkah tersebut telah diambil untuk membasmi kemiskinan yang terdapat dalam kumpulan-kumpulan miskin seperti yang ditentukan (identify) dalam penjelasan dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Bab IX. Kerajaan yakin langkah-langkah ini telah dan akan terus memberi kesan terhadap taraf hidup mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, segala peruntukan pembangunan yang telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan di samping menyusun semula masyarakat, samada secara langsung atau tidak. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dalam hal ini, Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan sewajarnya memahami niat dan akuan Kerajaan itu.

TANGGAGAJI BARU ANGGOTA POLIS

20. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan sebenar wang Negara yang perlu dikeluarkan bagi membayar tunggakan dan kenaikan gaji yang dibuat oleh Kesatuan Anggota-anggota Polis, Tentera dan lain-lain Pasukan Keselamatan sesuai dengan taraf dan perkhidmatan mereka kepada Negara dan adakah Kerajaan telah memberikan keutamaan kepada tuntutan serupa ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jumlah Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi tahun ini bagi melaksanakan pembayaran tanggagaji baru anggota-anggota Polis berpangkat Ketua Inspektor ke bawah dan pembayaran elau sementara kepada anggota-anggota Angkatan Tentera berpangkat Pegawai Warrant ke bawah mulai 1hb Januari, 1976 ialah sebanyak \$38.4 juta bagi Polis dan \$30 juta bagi Angkatan Tentera. Dalam perkara ini Kerajaan memang telah memberi keutamaan kepada Pasukan Keselamatan dan juga menimbang dengan sebaik-baiknya anggota-anggota dari pangkat rendah. Tanggagaji baru bagi pegawai-pegawai Polis dan tentera yang lain adalah sedang dalam kajian yang berasingan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebagaimana yang telah diterangkan tadi, peruntukan-peruntukan bagi membayar gaji baru bagi Pasukan Polis dan Tentera berpangkat rendah yang telah dipersetujukan mulai 1hb Januari, 1976 tetapi saya ingin mendapat penjelasan, mengapakah perlaksanaan itu belum dapat dijalankan sehingga pada hari ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Polis sedang menyiapkan borang-borang option, oleh kerana tiap-tiap pegawai mesti mendapat option samada beliau hendak menukar kepada tanggagaji baru ataupun tidak. Borang ini sedang disiapkan oleh pihak Polis.

DAKWAH ISLAMIAH KEPADA BELIA DAN BELIAWANIS

21. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan yang telah dan akan dilaksanakan kepada Belia dan Beliawanis dalam negeri ini mengenai Dakwah Islamiah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah suatu Kementerian yang berusaha bagi menjadikan belia-belia dan beliawanis-beliawanis Negara kita ini sebagai suatu jenerasi muda yang bertanggungjawab dan sanggup berdikari bagi mencapai matlamat dan tujuan Negara. Dalam bidang ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai usaha bagi memberikan pelajaran bimbingan kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita dan untuk tujuan ini satu tempat latihan belia dan beliawanis telah diadakan di Pertak.

Adapun berkenaan dengan latihan belia dan beliawanis dalam pencapaian melayakkan diri dalam bidang-bidang yang tertentu dan sanggup berdiri di atas kaki sendiri diadakan di Khemah Latihan Dusun Tua.

Walaupun demikian aktiviti-aktiviti dakwah terhadap belia-belia dan beliawanis-beliawanis adalah merupakan suatu kegiatan yang penting di dalam pimpinan belia-belia ini samada di Pertak ataupun di Dusun Tua; dalam pada itu kegiatan-kegiatan dakwah yang dilaksanakan oleh badan-badan belia dan beliawanis-beliawanis pada peringkat negeri-negeri dan daerah-daerah dengan mengadakan pertandingan bersyarah nasyid, mentafsir Al-Quran dan juga Pertandingan Membaca Al-Quran. Ini merupakan aktiviti-aktiviti yang dilahirkan oleh badan-badan belia dan beliawanis di peringkat masing-masing.

Dalam kegiatan dakwah pada keseluruhannya terhadap belia dan beliawanis di bawah Kementerian ini, maka Kementerian tersebut sentiasa mendapatkan kerjasama yang erat dengan institusi-institusi dakwah, seperti Instituti Dakwah dan Latihan Islam di Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri dan juga Yayasan Dakwah Islamiah; dan pada peringkat negeri pula mendapat kerjasama yang erat dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri. Maka nyatalah bahawa rancangan-rancangan belia dan beliawanis di dalam membentuk keperibadian mereka lahir dan batin dijalankan dengan begitu rapi dan sempurna oleh Kementerian ini dan kita mengharapkan bahawa belia dan beliawanis kita pada masa yang akan datang akan menjadi belia dan beliawanis yang berdisiplin dan berdikari, sanggup menghadapi zaman dan cabarannya serta dapat mempertahankan keperibadian dari sudut lahiriah dan bathiniyah.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa masalah ini adalah masalah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadi adakah pihak yang berkenaan menganggapkan bahawa belia dan beliawanis ini adalah mereka yang berhenti sekolah sahaja. Dan bagaimanakah dengan mereka yang masih dibangku sekolah? Adakah program untuk mereka ini?

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak istilahkan tentang belia dan beliawanis ialah wanita-wanita atau pemuda-pemuda yang masih dalam peringkat belia. Kalau mereka masih dibangku sekolah kita dapat berikan latihan-latihan rohaniah dan fizik di sekolah dengan beberapa pelajaran tertentu di dalam

bidang pembentukan akhlak. Tetapi yang kita sebutkan di sini ialah tentang belia dan beliawanis yang telah keluar daripada bangku sekolah, tetapi mempunyai minat di dalam membentuk diri sendiri, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai dua tempat untuk mereka itu di latih. Di dalam kedua-dua tempat inilah Yayasan Dakwah, Instituti Dakwah, Kegiatan Dakwah diberikan kepada mereka supaya mereka bukan sahaja lahirnya kuat, tetapi juga batinnya kuat.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Yang Berhormat sedar setengah-setengah belia menggunakan Dakwah Islamiah untuk menentang dasar-dasar Kerajaan?

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang perkara ini sehingga Yang Berhormat itu dapat memberi butir-butirnya yang boleh dipertanggungjawabkan.

ROMPAKAN BERSENJATA

22. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah beliau akan menambah peraturan yang ada supaya mereka yang melakukan rompakan bersenjata dipercepatkan perbicaraan dan menghukumkan dengan hukuman bunuh. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, soal perbicaraan di Mahkamah bukanlah dalam bidangkuasa saya. Dalam soal ini saya tidak boleh campurtangan kerana Mahkamah itu bebas. Dari pengalaman saya, Jabatan Kehakiman sentiasa memberi keutamaan kepada kes-kes yang penting. Tidaklah benar bahawa Jabatan Kehakiman tidak mempercepatkan perbicaraan kes rompakan bersenjata dan kadang-kadang kelambatan itu oleh sebab hendak diadakan siasatan awal (*preliminary inquiry*) yang juga mengambil masa dikebanyakan Mahkamah Majistret.

Belum ada cadangan lagi untuk meminda undang-undang untuk membolehkan Mahkamah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap seseorang yang melakukan rompakan dengan bersenjata maknanya sebarang senjata seperti pisau, kayu dan lain-lain. Tetapi jika pensalah itu menggunakan senjata maka hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah ialah penjara seumur hidup serta sebat enam kali sekiranya ia mengacukan senjata itu kepada mangsa rompakan-nya dan boleh dijatuhkan dengan hukuman bunuh sekiranya pensalah itu melepaskan tembakan samada kena atau tidak boleh di-hukum bunuh. Ini adalah diperuntukan dalam Akta Senjata (Penalti Lebih Berat), 1971.

TANAH LOT 1811, MUKIM PETALING, WILAYAH PERSEKUTUAN

23. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada benar atau tidak hampir semua tanah di Lot 1811 di Mukim Petaling, Batu 4½, Jalan Kelang Lama, Wilayah Persekutuan akan terlibat oleh projek pengalihan sungai, Sungei Kerayong yang dicadangkan (oleh pihak JPT) dan juga oleh projek jalan perhubungan (link-road) yang menyambung Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban (oleh pihak JKR) dan jika ya, nyatakan samada beliau akan mengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan supaya meng-wartakan bidang tanah yang berkenaan (iaitu Lot 1811) dengan tujuan dapat menyegerakan projek-projek yang dicadangkan itu supaya dapat menyelesaikan masalah banjir dan kesesakan lalu-lintas di kawasan tersebut.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, Jabatan Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan, belum lagi ada menerima sebarang permohonan dari mana-mana Jabatan Kerajaan untuk tindakan Pengambilan Balik Tanah Lot 1811 Mukim Petaling.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

24. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bertambahnya bilangan penagih-penagih dadah dalam negara ini, adakah Kerajaan bercadang mengadakan "kursus kilat" bagi semua sekolah untuk menasihatkan penuntut-penuntut mengenai bahaya penglibatan dadah.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang mengadakan kursus kilat bagi semua sekolah untuk menasihatkan murid-murid mengenai penglibatan dadah oleh kerana pendekatan seperti itu boleh menjadi berten-tangan dengan tujuan asal kursus sedemikian diadakan.

Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai mengenai pencegahan salah-gunaan dadah di sekolah-sekolah. Pendekatan-pendekatan yang digunakan ialah pendekatan yang bertujuan menolong murid-murid mengatasi masalah-masalah yang dialami oleh mereka dari masa ke semasa, dan di samping itu menanam nilai-nilai dan sikap-sikap yang boleh menguatkan mereka untuk mengatasi penglibatan dalam salahgunaan dadah. Pendekatan-pendekatan yang sedang digunakan untuk mencegah salahgunaan dadah adalah termasuk:

1. Rancangan Pendidikan Kesihatan di Sekolah-sekolah.
2. Kegunaan Perkhidmatan Panduan dan Rundingcara.
3. Menyediakan kakitangan Pendidikan Kesihatan dan Panduan Pelajaran dan Kerjaya untuk memainkan peranan di dalam pencegahan salahgunaan dadah di kalangan murid-murid.
4. Menyediakan bahan-bahan yang sesuai berbentuk risalah dan alat pandang dengar untuk digunakan oleh guru dengan kumpulan-kumpulan tertentu di sekolah.

KILANG PERTANIAN

25. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membanyakkan pen-dirian kilang-kilang memproses hasil perta-nian seperti kilang Ubi Kayu dan lain-lain di Pantai Timur. Jika ada, apakah kilang itu dan di mana akan didirikan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, ya, di mana perlu dan sesuai. Umpamanya FAMA akan mendirikan Pusat Memproses Kelapa Kering di Bachok, Pusat Memproses Kacang Tanah di Pasir Mas, Kilang Minyak Kelapa di Bachok dan Pusat Memproses Kerepek Pisang di Kuala Krai.

Di samping itu Kerajaan melalui FIDA adalah menggalakkan pihak swasta mendirikan kilang-kilang. Sehingga ini sebanyak lima buah kilang sedang berjalan iaitu: dua buah Kilang Kacang Tanah di Kuala Ibai, Kilang Tepong Ubi dan Hampas Ubi Kayu di Kuantan, Kilang Pellets Ubi Kayu di Kuantan juga dan Kilang Gula di Kota Tinggi. Selain daripada ini lapan belas buah lagi projek telah diluluskan permohonannya dan dalam berbagai peringkat perlaksanaan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi ada menyebutkan bahawa banyak kilang-kilang yang telah dibuat dan akan dibuat, apa yang saya ingin mendapat penjelasan mengenai kilang ubi kayu yang ada di Kuantan itu, adakah sekarang ini masih berjalan dengan lancar ataupun berjalan hidup segan mati tak mahu.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya belum melawat kawasan itu, tetapi mana yang saya dapat tahu adalah berjalan dengan cukup maju.

PENGHUNI RUMAH PANJANG

26. Tuan Sibat anak Tagong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kewujudan Perkampungan menyatakan samada sekiranya pinjaman perumahan bagi penghuni-penghuni rumah panjang akan dimulakan di Sarawak.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak.

HOSPITAL BUKIT MERJATAM

27. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah binaan tambahan kepada Hospital Bukit Mertajam disegerakan disebabkan hospital itu sekarang ini telah terlalu sesak dan pesakit-pesakit dapat dilihat tidur di atas katil-katil yang tidak sempurna di lorong-lorong dalam wad dan juga diberanda-beranda hospital.

Datuk Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang masalah kesesakan di Hospital Bukit Mertajam. Oleh kerana itu, tambahan kepada Wad 7 (2 tingkat) sejumlah \$160,000 dan kelengkapan berjumlah \$60,000 telah diluluskan dalam tahun 1975. Pembinaan tam-

bahan ini hampir-hampir siap dan apabila siap akan menampung sejumlah 40 buah katil.

Sebuah Wad Blok 4 tingkat di kawasan hospital untuk 134 orang pesakit akan dibina. Pelan tapak projek ini telah disediakan oleh JKR, Pulau Pinang dan sedang dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

PEMANDU-PEMANDU BAS MINI

28. Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa pemandu-pemandu Bas Mini pada ketika ini boleh berhenti di mana-mana sahaja. Adakah pihak Kementerian mengadakan satu Undang-undang supaya perkhidmatan Bas Mini ini mempunyai tempat perhentian yang tertentu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa pemandu-pemandu bas mini pada ketika ini boleh berhenti di mana-mana sahaja. Semua bas mini adalah dikehendaki berhenti di perhentian bas untuk menurun akan mengambil penumpang-penumpang lebih-lebih lagi jika tempat-tempat yang bas itu berhenti di dalam daerah perniagaan pusat. Pihak pengusaha-pengusaha bas mini telahpun diberi tahu tentang perkara ini. Di samping itu, pihak polis dan pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan sedang mengambil tindakan terhadap pemandu bas mini yang melakukan kesalahan seperti itu. Walau bagaimanapun, sedikit konsesi telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha untuk mengambil atau menurun penumpang-penumpang jauh sedikit dari perhentian yang telah ditentukan. Kebenaran ini telah diberi adalah atas permintaan serta kepentingan orang ramai. Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam Dewan ini pada 19hb November, 1976 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, tindakan sedang diambil untuk mengadakan tempat-tempat perhentian yang khas bagi bas-bas mini di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaku beliau tidak sedar, sekarang ini bila sudah diberi tahu beliau sudah sedar. Jadi, saya hendak minta penjelasan, bilakah tindakan ataupun syarat-syarat hendak dikenakan kepada pemandu-pemandu

bas mini supaya mereka berhenti ataupun membuat perhentian seperti bas-bas biasa bilakah tindakan hendak dijalankan?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, tindakan sedang diambil untuk menyiapkan tempat-tempat perhentian khas.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 29 adalah diberi di bawah ini).

SEKIM FAEDAH KEMALANGAN PEKERJA-PEKERJA

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa bayaran kepada buruh-buruh yang cedera anggota seperti patah tulang sangatlah tidak memuaskan, kerana terlampau sedikit. Apakah usaha untuk mengatasi hal ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum terdapat dua sekim di mana pekerja-pekerja boleh membuat tuntutan dan faedah-faedah apabila mereka ditimpa kemalangan sewaktu menjalankan tugas. Yang Pertama ialah melalui Akta Pampasan Pekerja, kedua melalui faedah di bawah Sekim Pertubuhan Keselamatan Sosial. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Dungun tidak menyatakan apa-apa sekim atau faedah yang tertentu, maka saya akan menerangkan kedua-dua faedah tersebut.

Di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, jumlah bayaran pampasan yang boleh dibayar kepada seseorang pekerja yang ditimpa kemalangan seperti patah tulang, adalah bergantung kepada kecederaan tersebut ataupun kehilangan upaya berikutan dengan kecederaan tersebut dan pendapatan purata bulanan pekerja itu. Jika sekiranya patah tulang tersebut tiada mengakibatkan apa-apa Kehilangan Upaya Separuh Kekal (Permanent Partial disablement), sebagaimana yang disahkan oleh seorang pegawai perubatan, maka jumlah pampasan yang perlu dibayar ialah hanya pada tempoh pekerja itu disahkan tidak berupaya menjalankan kerjanya. Ini bermakna bahawa jumlah pampasan yang akan dibayar adalah mengikut kadar $\frac{1}{3}$ dari pendapatan purata sebulan atau \$65 dibayar tiap-tiap setengah bulan sehingga pekerja-pekerja tersebut disahkan layak menjalankan kerjanya semula.

Di dalam kes kecederaan yang mengakibatkan kehilangan upaya separuh kekal, jumlah pampasan yang dibayar akan dikira mengikut peringkat kehilangan upaya pekerja tersebut. Jumlah ini biasanya ditafsir oleh Persuruhjaya tertakluk kepada persetujuan pekerja dan majikannya. Jika ada mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan tafsiran ini, kes itu akan dikemukakan kepada Arbitrator (Yang Dipertua Mahkamah Session) untuk keputusannya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan kadar (quantum) bayaran pampasan pekerja telah diluluskan oleh Dewan ini pada persidangan yang lepas dan akan dikuatkuasakan pada 1-1-1977.

Mengenai faedah di Sekim Keselamatan Sosial pula, saya sedar ada sebilangan kecil pekerja yang cedera anggota tidak mendapat bayaran memuaskan kerana terlampau sedikit di bawah Sekim Insuran Bencana Pekerjaan.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum kadar faedah perubatan dan tunai bawah Sekim Keselamatan Sosial adalah ditetapkan oleh seksyen-seksyen tertentu dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 yang telah diluluskan oleh Dewan ini. Dalam kes bayaran tunai bagi kecederaan sementara, seperti patah tulang, kadarnya ialah 60% dari gaji harian sehingga kecederaan itu sembuh seperti sedia kala. Sebenarnya kadar 60% ini adalah lebih tinggi daripada kadar yang telah ditetapkan oleh Convention 102 Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Selain daripada faedah tunai, seseorang pekerja itu berhak juga untuk mendapat rawatan yang cukup di atas perbelanjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial sehingga ianya sembuh seperti sedia kala.

Sungguhpun faedah-faedah yang diberi di bawah Sekim Keselamatan Sosial ini bolehlah dikatakan lumayan, terdapat beberapa kes di mana oleh sebab gaji yang diterima oleh sebahagian kecil pekerja-pekerja itu agak rendah, kadar 60% ini tidak memberi apa-apa makna. Pihak Kementerian memang sedar masalah ini dan Pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCO) telah diarah mengkaji kemungkinan mengadakan satu kadar minima bagi kes-kes yang sedemikian. Dengan cara ini adalah diharapkan masalah bayaran terlalu sedikit itu akan dapat diatasi.

PERUNTUKAN TANAH KEPADA KAMPUNG BARU

29. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakannya oleh sebab rakyat di Kampung-kampung Baru sangat perlukan tanah, samada beliau boleh berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkaitan, bagi menjamin peruntukan tanah kepada Kampung-kampung Baru.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sun): Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sememangnya menjadi hasrat dan cita-cita Kementerian saya berusaha untuk mendapatkan tanah-tanah terutamanya yang berhampiran dengan kampung-kampung baru yang mengalami keadaan sempit atau sesak disebabkan bertambahnya penduduk-penduduk kampung tersebut. Namun demikian, kejayaan bagi mencapai hasrat dan cita-cita ini adalah tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapat tanah di sekeliling kampung-kampung baru tersebut. Masaalahnya, adalah lebih rumit lagi sekiranya sesebuah kampung baru itu dikelilingi oleh tanah-tanah milik persendirian atau oleh pihak swasta yang menggunakannya dengan baik dan/atau mengeluarkan hasil yang sungguh berguna kepada masyarakat dan negara.

Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri telah berhubung dan berbicara dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan bagi mengatasi masalah ini. Saya dapat tahu kebanyakan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri itu sedang merancang dan/atau telah mengambil beberapa langkah di mana terdada dan perlu bagi mencapai maksud ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (29hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada petang ini kita akan sambung membahaskan berkenaan dengan peruntukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Kementerian Kesihatan akan dibincangkan pada satu hari yang lain—tidak hari ini. Oleh sebab itu, selepas daripada Kementerian Perusahaan Awam diluluskan, kita akan bicarakan Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri sehingga diluluskan pada petang ini. Sekiranya diluluskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebelum pada pukul 6.30 petang, kita akan bincangkan Kementerian Penerangan.

Pada masa Dewan ini ditangguhkan minggu yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah mula membuat ucapan beliau selama 7 minit, jadi saya jemput Yang Berhormat boleh menyambung dengan seberapa ringkas pada petang ini.

Kepala B. 37—

Kepala P. 37.

3.38 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya yang telah saya mulakan pada waktu Dewan ini ditangguhkan pada 29hb November, 1977 yang lalu. Jadi saya ingin menegaskan bahawa dalam ucapan saya yang lalu bukanlah saya mendesak supaya satu jawatankuasa penyiasat untuk menyiasat kedudukan Kilang Nenas Kebangsaan yang kedua di Pulau Sebatan hanya saya mengatakan banyak pendapat-pendapat mengatakan elok Kerajaan mengadakan satu jawatankuasa penyiasat, bagi menengok perjalanan kilang tersebut sejak awal-awal kilang itu dibuka. Sebagai Wakil Rakyat tentulah kurang bijak bagi saya tergopoh-gopoh menyokong ataupun memandang sepi pandangan mereka atau penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Pada hemat saya satu jalan tengah patut diambil iaitu patut pihak yang berkenaan mengambil satu tindakan tegas untuk mengatasi keadaan ini, samada dibuka semula dengan rancangan yang tertentu ataupun sebagainya. Jadi, melalui Dewan yang mulia ini saya ingin mendapat sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bilakah agaknya kilang ini akan dibuka dan apakah rancangan yang akan dijalankan untuk mengatasi keadaan sebagaimana yang saya katakan tadi. Kalau dibiarkan keadaan itu berlanjutan, saya bimbang kepercayaan rakyat terutama penanam-penanam nenas kepada Kerajaan akan pudar dan yang tentunya kita bimbang mesin-mesin yang ada di kilang tersebut akan menjadi besi buruk kalau tidak digunakan.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan Kepala P. 37, muka surat 265, Pecahan-kepala (6) MARA, Aktiviti (1) hingga (4).

Saya suka hendak menyentuh sedikit apa yang telah diperkatakan selama ini iaitu mengenai Pejabat MARA. Misalnya, di Batu Pahat, Pegawai MARA yang ditempatkan di sana hanya seorang sahaja, tidak ada kerani pula. Tidak tahulah sekarang, yang ada cuma Budak Pejabat dan pegawai ini ditugaskan untuk tiga daerah Batu Pahat—Keluang dan Pontian, beliau terpaksa melawat ketiga-tiga daerah. Biasa bila rakyat berjumpa semasa pegawai itu tidak ada di Batu Pahat, Budak Pejabat tidak dapat hendak mengambil, berjalan atau mewakili pegawai itu untuk menerima rayuan rakyat dan sebagainya. Saya harap sekurang-kurangnya dapat seorang pembantu, saya sedar kesulitan dari segi kewangan hendak menubuhkan pejabat di tiap-tiap daerah, hendak mengadakan pegawai tetapi kalau ditempatkan seorang pegawai dan penolongnya ataupun sekurang-kurangnya seorang kerani di mana bila rakyat hendak berjumpa untuk memohon bantuan dan sebagainya yang mereka menganggap bahawa MARA lah satu-satu badan tempat mereka mengantungkan pengharapan dapatlah diterima pengaduan mereka semantara pegawai yang sebenar dapat bertugas di pejabat, tetapi kalau dapat di tiap-tiap daerah itulah seelok-eloknya supaya dapat melancarkan usaha-usaha ditempatkan MARA terutamanya dalam rancangan Dasar Ekonomi Baru mengikut Rancangan Malaysia Ketiga.

Seterusnya dalam Aktiviti (12) Bangunan-bangunan MARA, saya dapati juga rancangan-rancangan yang telah dibuat di tiap-tiap daerah nampaknya terlampau lambat. Misalnya, di Batu Pahat sendiri Bangunan MARA ini sudah dirancang sebelum saya menjadi Wakil Rakyat lagi tetapi sampai sekarang perkara itu masih terbengkalai lagi. Dan pada tahun 1974, pada masa saya sebagai Setiausaha Politik Wakil Rakyat yang berkenaan diminta membanci bumiputra yang berkehendakkan bangunan yang dicadangkan, iaitu Bangunan Kompleks Kedai ataupun Gerai MARA, bumiputra di sana berebut-rebut mendaftarkan diri dan mengharap-harapkan sangat tetapi lebih 2 tahun rancangan yang tersebut masih belum dapat digerakkan lagi. Saya harap memandangkan penyertaan bumiputra terutamanya bagi peniaga-peniaga kecil yang sudah mula mengambil bahagian di bidang perniagaan. Setengah-setengah pekan-pekan ataupun bandar-bandar masaalah tanah susah dan sukar hendak didapati tetapi dengan adanya

bangunan-bangunan MARA ini dapatlah rakyat kita ataupun bumiputra menjalankan usaha-usaha mereka.

Mengenai dengan Pecahan-kepala yang sama, iaitu Perkhidmatan Pengangkutan, saya suka hendak menyebutkan mengenai Pengangkutan Bas MARA. Maksud saya bukanlah Bas Ekspres tetapi bas yang di jalan-jalan baru yang, kebanyakannya telah diserahkan kepada syarikat bumiputra. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini oleh kerana jalan-jalan yang baru ini biasanya jalan yang kurang baik—lekak-lekok dan sebagainya, menyebabkan bas-bas lekas rosak, ada yang patah shaft dan sebagainya, yang terpaksa syarikat bumiputra menggunakan belanja yang banyak untuk maintenance sedangkan harga spare partsnya melambung tinggi. Apa yang saya ketahui, waktu MARA menjalankan perkhidmatan ini MARA mendapat pengecualian iaitu mengurangkan bayaran road tax dengan alasan jalan kurang baik tetapi bila diserahkan kepada syarikat persendirian (private) pengecualian ini tidak ada. Saya mengharapkan melalui MARA supaya dapat merujuk kepada Kementerian yang berkenaan bagi menimbangkan perkara ini. Dengan sebab itulah kurangnya bas di kawasan luar bandar, teksi-teksi biasanya tidak suka mengambil penumpang jarak dekat menyebabkan rakyat kekurangan pengangkutan. Sekiranya perkara ini dapat difikirkan saya percaya tentulah keadaan ini dapat diperbaiki.

Mengenai dengan pengangkutan juga, iaitu Perkhidmatan Lori Malaysia. Namanya besar sangat—Lori Malaysia, yang dahulunya saya dapat tahu daripada lori Syarikat Bumirel iaitu Usahasama bumiputra dan Railway yang diberi peluang. Saya dapat tahu lori itu besar-besar sampai 10 roda dan perjalanan-nyapun jauh-jauh tetapi apa yang saya diberitahu Syarikat ini tidak untung. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan mengenai dengan kedudukan Lori Malaysia ini. Adakah sebahagian daripada lori ini telah diserahkan kepada bumiputra yang layak menjalankan perusahaan itu atau masih lagi berjalan seperti dahulu juga. Saya sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada masa yang lalu bahawa badan-badan yang di bawah Kementeriannya akan disusun semula, akan diselaraskan antara satu dengan lain kerana semua daripada badan-badan ini tujuannya adalah sama. Penyusunan semula ini saya rasa satu perkara

yang amat baik. Kita tidaklah menidakkan kebolehan ataupun apa yang telah dilakukan oleh MARA pada masa-masa yang lalu tetapi sebaliknya pula kita tidak boleh juga menafikan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam badan ini. Oleh kerana MARA seperti saya katakan tadi sebagai satu badan yang amat penting bagi menengokkan dan memberi bantuan kepada penyertaan kaum bumiputra dalam bidang perniagaan dan sebagainya, saya sekali lagi mengharapkan supaya penyusunan baru dapat diadakan terutamanya dalam badan-badan yang khusus berhubung dengan rakyat bumiputra.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Bank Pembangunan, saya berpendapat eloklah didirikan cawangannya di bandar-bandar yang menjadi pusat pembangunan seperti di Batu Pahat, kerana saya banyak mendapat rayuan terutamanya dan pihak-pihak bumiputra yang mereka tidak dapat layanan yang sepenuhnya daripada bank-bank yang telahpun diarahkan supaya memberi kemudahan pinjaman. Ada setengahnya pinjaman yang patut dikenakan bunga (interest) 10% dikenakan sampai 11% atau 12%.

Tuan Pengerusi: Ini sekarang atau dahulu?

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Sekarang ini, baru berlaku dalam 1-2 minggu ini. Mereka berjumpa dengan pihak yang berkenaan, pihak bank mengatakan tidak dapat circular lagi.

Tuan Pengerusi: Dia tidak ada circular daripada Gabnor Bank Negara agaknya . . .

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: kalau bantuan

Tuan Pengerusi: Sabar! Tuan Pengerusi bercakap diamlah dahulu. Kalau dua-dua orang bercakap siapa boleh dengar?

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Minta maaf, saya tidak dengar Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Beritahu bank itu barangkali dia belum dapat lagi Surat Pekeliling daripada Gabnor Bank Negara.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Ini saya setuju tetapi yang tidak elok pihak bank mengatakan kalau awak tidak dapat

mengikut apa yang bank saya beri, awak carilah bank yang lain, jangan jumpa saya. Ini satu perkara yang tidak elok kepada bumiputra yang hendak mengambil bahagian dalam bidang ini. Kalau mereka belum dapat circular mereka patut mengatakan dengan cara terus-terang: Setakat ini yang kami boleh beri, kami belum dapat circular yang baru. Tetapi janganlah cakap kasar seolah-olahnya pihak bumiputra yang datang ini seperti hendak meminta sedekah kepada mereka. Patut kita perbaiki keadaan ini.

3.50 ptg.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan waktu kita membahaskan peruntukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini untuk menarik perhatian bahawa pada orang-orang Melayu Pulau Pinang yang selalu bergantung dan berharap mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi oleh mereka, khususnya dalam bidang sosial dan ekonomi, soal tanah tumpangan, soal rumah untuk melindungi kepala mereka, soal peluang-peluang perniagaan samada secara kecil atau besar, seterusnya soal kekurangan wang, kekurangan modal, kekurangan kebolehan, pengalaman dan sebagainya.

Saya dapati bahawa badan-badan yang di bawah kelolaan Kementerian Perusahaan Awam inilah mempunyai peranan yang amat penting dan mustahak dan berguna yang dapat menjalankan usaha di lapangan ini. Segala badan-badan yang ada dalam kelolaan Kementerian Perusahaan Awam ini samada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri misalnya, saya suka membuat rayuan, iaitu kalaulah boleh daripada kedudukan di Pulau Pinang itu banyak dapat diusahakan menerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi ataupun Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang, sekiranya Menteri yang berkenaan boleh memberi arahan khusus supaya Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang ini dapat menjalankan kerja, usahanya seperti juga dengan lain-lain Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Antara kerja-kerjanya mengutamakan, menumpukan usaha khusus untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Kita faham, kita sedar, kita insaf bahawa di bawah keadaan politik dan Perlembagaan Pulau Pinang itu, umat Pulau Pinang dikira sama. Tidak boleh diadakan keutamaan (special position) atau kelebihan ataupun ke-

istimewaan. Ini kita terima. Akan tetapi, kita juga tahu bahawa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Malaysia sudah ada Dasar Ekonomi Barunya yang meliputi semua seluruh negeri bukan sahaja di sini, di Sabah dan Sarawak juga yang kita harap bahawa Dasar Ekonomi Baru ini dapat dikuatkuasakan, dapat dilaksanakan dengan tegasnya, juga di Pulau Pinang sebagaimana telah dijalankan di lain-lain tempat dan oleh sebab keadaan yang istimewa Pulau Pinang itu, barangkali ditunjuk, diperintah, diarah supaya Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang ini menjadi badan yang akan memikul, akan menanggung atau kewajiban khususnya untuk melaksanakannya. Kalau boleh susunan Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang ini juga patut dilengkapkan samada perbadanan seperti yang ada pada hari ini dapat menjalankan kerja dengan sempurnanya, dapat menunaikan, dapat memenuhi Dasar-dasar Ekonomi Baru ini ataupun samada patut cara pembentukan, cara keanggotaannya patut difikirkan semula, dirombak, diubah supaya boleh perbadanan ini mengandungi pihak-pihak yang dianggap dapat menjalankan kerjanya lebih tepat sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru tadi.

Saya juga berasa bahawa Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) juga dapat memainkan peranan yang lebih tegas, lebih berhasil di Pulau Pinang sesuai dengan tujuan-tujuannya dan maksud-maksud yang saya telah katakan tadi. Setakat ini nampaknya cuma satu sahaja rancangan yang telah diura-urakan oleh UDA, akan tetapi sehingga hari ini sungguhpun berbagai-bagai langkah kononnya sudah dijalankan dalam kawasan Tanjung Tok Kong, yang saya kenal betul kerana tempat itu kampung saya sendiri yang telah dijanjikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri yang telah pergi ke tempat itu, telah tengok, telah perintah, telah tunjuk, sudah hampir lima tahun rancangan ini sehingga hari ini belum lagi nampak ternyata, belum nampak bertapak, belum nampak berdiri, belum lagi materialise belum lagi dapat kita lihat dengan mata kepala kita. Saya minta bukan sahaja perjanjian ini ditepati dan segala rancangan yang telah dirancang itu dijalankan, akan tetapi saya harap dan saya minta pihak UDA akan bersimpati dengan kedudukan umat Melayu Pulau Pinang dan akan mengambil langkah-langkah yang barangkali boleh menolong; kita tidak harap semata-mata, barangkali kita kena usaha sendiri, akan tetapi sebagai catalyst, sebagai pendorong, sebagai satu

kuasa yang boleh tolong menolak, tolong bergerak, tolong membangunkan supaya dapat kita membangun lebih segera dan lebih berkesan.

Begitu juga MARA. Saya tahu MARA telah banyak berusaha, banyak bekerja, akan tetapi bagaimanapun, saya terpaksa menegur kerana banyak lagi yang dapat dijalankan. Saya takut oleh sebab saudara saya di sebelah ini akan mengatakan, kenapa tidak khabarkan. Bukan salah dia, bukan salah perbadanan akan tetapi yang perlunya ialah satu new attitude, satu rasa, satu sikap, satu pemandangan yang baru commuted mahu betul-betul membantu dan tolong umat Melayu di Pulau Pinang bukan secara sebagai melepaskan kewajiban sahaja sebagaimana yang telah dibuatkan sekarang ini, akan tetapi lebih daripada itu sebagai satu bebanan atau satu kewajiban yang bertambah berat daripada kerja biasa. Itu yang saya minta. Jadi, saya tidak kata MARA tidak menjalankan kerja, setakat kerja yang telah dijalankan oleh MARA, ya, saya ucapkan terima kasih—memuaskan. Akan tetapi yang saya minta supaya dibuat lebih sedikit lagi daripada apa yang setakat kewajiban sebagai satu usaha yang luar biasa yang barangkali sebagai tambahan daripada biasa. Itu yang saya buat rayuan bukan sebagai desakan ataupun sebagai tuntutan, hanya sebagai rayuan.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak payah saya ulas segala perbadanan-perbadanan samada perbadanan-perbadanan yang terkandung di sini atau badan-badan lain seperti PERNAS, Bank Bumiputra dan lain-lain tetapi yang perlu ialah adanya satu sistem, satu peraturan untuk mengkoordinasi, menyatu, menyelaraskan segala usaha-usaha badan-badan yang di bawah naungan Kementerian ini dan juga lain-lain badan dan lain-lain Jabatan, lain-lain Kementerian dan agensi-agensi yang boleh membantu dan menolong meninggikan taraf sosial dan ekonomi orang Melayu di Pulau Pinang selain daripada penduduk-penduduk lain di Pulau Pinang itu yang boleh segala badan-badan ini sama-sama bergerak pada satu-satu pelan, pada satu-satu rancangan tertentu, oleh kerana barangkali kalau tidak ada tempat lain untuk menjalankan co-ordination ataupun penyelarasan ini, saya minta apalah kiranya Kementerian ini sementara masa sanggup menjadi tempat tumpuan dan menjadi pusat untuk menyelaraskan segala penyelarasan yang saya minta tadi itu se-

hingga suatu masa di mana barangkali akan terbit, akan tertubuh satu badan yang tertentu yang akan menanggung, akan menerima kewajiban ini. Itulah rayuan saya atas nama penduduk-penduduk Pulau Pinang yang sentiasa berharap kepada Kerajaan Pusat menerusi Badan-badan ini menolong mereka.

4.00 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 37, muka surat 265, Pecahan-kepala 1—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Peruntukan tahun 1977 ialah sebanyak \$124 juta manakala peruntukan tahun 1976 ialah sebanyak \$82 juta. Kelebihan sebanyak \$42 juta.

Satu daripada aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri ialah mengadakan projek perumahan, samada berbentuk teres (terrace) atau berkembar (semi-detached)—Projek-projek perumahan yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang adalah sangat terkenal sekarang ini.

Di bandar Kuala Lumpur, harga tanah adalah mahal, maka dengan sebab itu harga rumah mahal. Begitu juga di ibu-ibu Negeri. Sebaliknya, projek perumahan yang bukan di dalam bandar, maka ia tidak seharusnya mahal, kerana tanahnya murah, dan dengan sebab itu harganya tidak boleh disamakan dengan di bandar.

Tuan Pengerusi, projek perumahan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang cukup bagus. Tetapi yang mendukacitakan ialah harga rumah kos rendah adalah mahal. Orang Melayu yang umum mengetahui pendapatannya kecil, adalah sukar untuk membelinya.

Satu contoh, tanah kampung orang Melayu yang dibeli oleh PDC (Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang) dan dibuat projek perumahan. Rumah-rumah itu dijual dan diberi quota sebanyak 30% kepada orang-orang Melayu semula. Yang lain-lainnya itu dijual kepada orang ramai. Oleh kerana rumah-rumah itu mahal, maka orang-orang Melayu tak mampu membelinya. Akhirnya mereka terpaksa berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan di manakah akhirnya mereka ini kelak?

Tuan Pengerusi, Kerajaan Persekutuan dalam memberikan pinjaman ini hendaklah memperhatikan bahawa projek perumahan

hendaklah dijual balik kepada penduduk-penduduk di situ, terutama orang-orang Melayu, kerana di Pulau Pinang tidak ada tanah Rezeb Melayu, tidak seperti Negeri Kelantan ada Rezeb Melayu. Di samping itu Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang sepatutnya melaksanakan projek-projek perumahan harga murah sahaja. Manakala projek-projek rumah harga sederhana dan tinggi bolehlah diusahakan oleh pemaju-pemaju swasta. Ini juga harus dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan dan seterusnya kepada perbadanan-perbadanan yang lain.

Compact houses yang berharga \$10 ribu hingga \$15 ribu bolehlah dibuat oleh Perbadanan ini dan dijual semula kepada orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan itu. Deposit bayaran rumah daripada 20% hendaklah diturunkan kepada 10% supaya membolehkan orang-orang Melayu yang berpendapatan kecil itu memiliki rumah.

Tuan Pengerusi, Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan seharusnya hendaklah membuat rumah-rumah yang murah juga untuk diberikan kepada mereka di Kelantan yang tidak ada rumah. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Kelantan telah memberi tanah kepada orang-orang perseorangan di Jalan Raja Dewa. Selepas itu ada lagi tanah-tanah Kerajaan Negeri sepatutnya dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan supaya dapat orang-orang di Kelantan itu menduduki rumah-rumah yang berharga murah di atas tanah Kerajaan yang masih ada di Kampung Sireh pada hari ini. Sebabnya hari ini di Kelantan boleh dikatakan banyak orang-orang Melayu kita yang tidak ada tanah untuk menduduki sepertimana yang kita tahu di dalam Buluh Kubu dekat Istana Balai Besar, kawasannya sesak, mereka duduk menumpang di tanah-tanah itu, dan kebanyakan orang-orang di Negeri Kelantan menyewa tanah-tanah orang yang berada. Sepatutnya, Perbadanan Kemajuan Negeri membuat rumah-rumah murah supaya dapat kita menyesuaikan keadaan yang ada sekarang ini, yang mana kita tahu pada masa dahulu kebakaran telah berlaku, Fire Brigade hendak menolong kebakaran itu tidak dapat, sebagaimana kebakaran yang besar berlaku di Buluh Kubu dan juga di jalan Kebun Sultan baru-baru ini disebabkan rumah-rumah itu bersesakan kerana tidak ada planning langsung di situ.

Saya berharap Menteri yang berkenaan dapat berikhtiar supaya Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan dapat mengadakan rumah-rumah murah untuk penduduk-penduduk dalam bandar Kota Bharu.

Tuan Pengerusi, muka surat 265 juga, Pecahan-kepala 4—Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

UDA banyak menukarkan corak bandaraya Kuala Lumpur. Tujuan besarnya ialah membanyakkan orang Melayu berniaga di kawasan-kawasan strategi samada memiliki bangunan atau menyewa bangunan kedai. Usaha ini hendaklah dilipat-gandakan lagi. Nasihat dan bimbingan kepada peniaga-peniaga Melayu ini adalah perlu. Peniaga-peniaga kecil Melayu perlu diberi perhatian. Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Melayu boleh dihubungi untuk menarik mereka lebih ramai lagi berniaga di bandar-bandar. Ini bukan sahaja dapat meramaikan lagi peniaga-peniaga Melayu, malahan mempercepatkan lagi penyertaan 30% orang Melayu dalam bidang perniagaan.

Tuan Pengerusi, projek perhentian bas yang baharu di Jalan Pudu dengan meletakkan bas out-station di bawah satu bangunan yang besar harus diberi pujian. Saya ingin mengesyorkan bahawa satu Perhentian Pusat Bas (Central Bus Station) hendaklah difikirkan supaya semua bas-bas daripada semua tempat dapat ditempatkan di bawah satu bangunan yang sama. Pada masa ini ada dua bas perhentian luar. Satu di Jalan Pudu dan satu lagi di Jalan Pekeliling. Sekiranya tanah sukar didapati, maka satu jalan bawah tanah (sub-way) boleh diikhtikarkan. Perancang-perancang bandar (town planners) boleh memikirkan hal ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 266, Pecahan-kepala 7—Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad (FIMA). Saya mengalu-alukan kegiatan FIMA mengenai usaha memajukan kawasan ladang gajus seluas 6,378 ekar di Besut, Trengganu dan 2,622 ekar di Pahang. Kos menanam gajus ini adalah rendah dan hanya berkehendakkan tanah berpasir. Ia memberi peluang pekerjaan kepada nelayan-nelayan untuk menambahkan pendapatan. Saya mengharapkan agar FIMA juga mengusahakan "Ladang Menanam Kacang Tanah" di Pantai Timur khasnya di negeri Kelantan. Ia tidak mengeluarkan perbelanjaan yang besar dan tanah berpasir mudah didapati di Pantai Timur.

Tanaman ini, kalau dapat dijalankan adalah memberi pekerjaan kepada nelayan dan petani-petani selain dari menambahkan pendapatannya pada hari ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Awam.

4.10 p/g.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin berucap dengan ringkas sahaja mengenai anggaran Kementerian Perusahaan Awam yang berjumlah \$434.2 juta dan saya ingin merujuk sedikit kepada Kepala P. 37 Pecahan-kepala 1—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga Pecahan-kepala 6—Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pertama Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa memandangkan begitu besarnya wang rakyat yang dibelanjakan ke atas Kementerian ini adalah perlu dan penting diadakan suatu kawalan kewangan dan pengurusan yang ketat di semua perbadanan awam seperti MARA, UDA, PKEN-PKEN dan sebagainya dan juga langkah-langkah mestilah diambil untuk menentukan bahawa semua wang digunakan dengan wajarnya dan menguntungkan kepada orang-orang yang benar-benar memerlukan dan tidak dirampas oleh orang yang mampu dan berada.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa banyak projek dirancang dan dijalankan oleh perbadanan ini, langkah-langkah juga mestilah terlebih dahulu diambil untuk menentukan samada projek itu praktikal atau viable. Projek yang tidak praktik atau viable hendaklah dibatalkan. PKN sebagai contoh mestilah menceburkan hanya dalam projek yang praktik dan viable dan menguntungkan kepada golongan di peringkat bawah dan pertengahan. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya semua PKN patut memberi tumpuan kepada projek perumahan yang tidak mahal kepada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Kementerian Perusahaan Awam mesti memainkan satu peranan penting di bawah Dasar Ekonomi Baru kita adalah dengan itu penting bahawa Dasar Ekonomi Baru ini janganlah terlampau membantu orang-orang kaya dan mampu. Saya merujuk kepada MARA sebagai contohnya. MARA ada membina

rumah-rumah kedai di seluruh negara untuk membantu orang-orang Melayu berdikari di dalam perniagaan di kawasan bandar tetapi nampaknya orang-orang Melayu yang mampu dan kaya atau mereka yang ada hubungan dengan orang atasan di dalam Kerajaan yang mendapat keuntungan daripada pembinaan rumah-rumah kedai itu. Perkara seperti ini janganlah berlaku lagi kerana apa-apa faedah yang diberi oleh MARA, orang-orang miskin dan benar-benar tidak mampu patut diberi keutamaan dan mendapat bantuan. Tuan Pengerusi, saya tidak percaya dalam membuat tuduhan yang tidak berasas oleh sebab saya sedia membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri contoh-contoh apa yang saya sebutkan tadi.

Akhirnya Tuan Pengerusi, memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh Kementerian ini di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru sebagai cara untuk menyusun semula masyarakat, saya ingin mencadangkan di sini bahawa kita patut mempunyai satu pentadbiran atau agensi peniaga-peniaga kecil seperti yang ditubuhkan di Amerika Syarikat yang dinamakan "Small Business Administration" untuk membantu semua peniaga kecil dari semua kaum di negara kita. Pentadbiran peniaga kecil itu boleh dijalankan dengan cara yang dijalankan oleh MARA sekarang akan tetapi dengan approach yang berlainan dan sementara usaha MARA diarahkan kepada hanya bumiputra tanggungjawab pentadbiran peniaga kecil adalah membantu semua peniaga kecil dari berbagai kaum dan saya menggesa Yang Berhormat Menteri supaya memberikan pertimbangan yang serius kepada cadangan saya dan mengambil langkah untuk menubuhkan pentadbiran peniaga kecil di bawah Kementerian beliau supaya orang-orang yang tidak berada daripada semua kaum boleh menikmati faedah.

4.15 p/g.

Tuan Embong bin Yahaya (Ledang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong belanjawan Kementerian Perusahaan Awam yang berjumlah \$434.2 juta, saya suka menyentuh terutama sekali Kepala B. 37, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, iaitu memandangkan harapan pertama sekali bumiputra terhadap MARA semenjak tertubuhnya berbelas tahun tidak lain dan tidak bukan hendak melihat supaya bumiputra

akan bersama-sama berkecimpung dalam perniagaan sekurang-kurangnya 30% mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Dalam menyentuh pentadbiran ini, saya suka pihak Kementerian ini mengkaji balik cara pengambilan pegawai-pegawai atau sikap pegawai yang bekerja dalam Kementerian ini termasuk semua yang terlibat dengan kemajuan perdagangan bumiputra kerana ada kita dapati, barangkali tidak semua, oleh sebab perniagaan yang dijalankan oleh Kementerian ini ialah harta Kerajaan, ada pegawai-pegawai yang bersikap acuh tidak acuh terhadap kemajuan bumiputra yang dibuat melalui MARA kerana pada sangkaan mereka kalau rugi pun ialah wang Kerajaan, bukan wang sendiri. Jadi saya minta supaya setiap orang bagi pihak UDA atau MARA dalam Kementerian ini memikirkan bahawa mereka adalah terlibat dengan wang Kerajaan atau wang rakyat yang banyak itu untuk khususnya memajukan bumiputra dan berikhtiar bagaimana hendak mencapai matlamat itu menjelang tahun 1990. Kerana kalau tidak dicapai sehingga tahun itu saya tak tahu bagaimana perasaan orang Melayu terhadap MARA dan UDA dan sebarang perusahaan awam yang didirikan oleh Kerajaan atau badan-badan berkanun. Kalau boleh pegawai MARA bersikap sebagai ahli perniagaan bukan sebagai orang makan gaji dengan Kerajaan, bekerja tidak kira masa, melayani orang sebagai ahli perniagaan, menolong orang sebagai ahli perniagaan, bukan sebagai orang makan gaji dan mengatakan, "Aku datang dengan kelulusan yang tinggi, walaupun orang Melayu tak maju aku tak peduli, walau MARA tumbang aku tak peduli". Semuanya ini, saya harap mesti ditukar kalau boleh pengambilan pegawai tidak mesti berdasarkan kelulusan tinggi sahaja tetapi berdasarkan dedikasi, kebolehan orang yang masuk ke dalam MARA walaupun pengetahuannya rendah sedikit, tetapi oleh sebab dia seorang yang berusaha, yang betul-betul bekerja dengan dedikasi dan bersemangat yang tinggi, orang ini lebih berguna daripada orang yang berpelajaran tinggi yang duduk di kerusi yang tidak memikirkan apa akan terjadi kepada rancangan MARA dan orang Melayu.

Menyentuh Kepala P. 37, Pecahan-kepala 6—Majlis Amanah Rakyat Pertama sekali berhubung dengan latihan dan pentadbiran kita boleh beri pujian kepada MARA kerana telah melatih anak-anak bumiputra begitu

tinggi dan ramai tetapi kita minta pihak latihan atau Maktab MARA memikirkan dari semasa ke semasa untung rugi yang didapati selama ini kerana kita dapati banyak penuntut MARA lebih ramai gagal daripada yang lulus. Ini mesti dicari punca-punca dan sebabnya kerana Kerajaan melibatkan wang yang sangat banyak dan harapan rakyat cukup besar terhadap Maktab MARA tetapi apa boleh buat kadang-kadang kita melihat sedih sekali kelulusan yang diterima oleh penuntut MARA. Jadi cubalah Kerajaan kaji balik bagaimanakah kemajuan kolej MARA itu boleh setanding sekurang-kurangnya dengan Kolej Tunku Abdul Rahman. Tidaklah hanya 10%-15% sahaja yang lulus.

Yang kedua, saya menyentuh berkenaan dengan biasiswa. Saya minta dikaji balik cara peraturan ataupun borang biasiswa kerana dalam borang perjanjian biasiswa itu syaratnya ada dikehendaki penjamin yang bergaji tidak kurang daripada \$400 sebulan dan orang yang dalam perkhidmatan Kerajaan, umurnya tidak kurang daripada 40 tahun. Anak-anak Melayu yang hendak minta biasiswa MARA ini kebanyakannya anak orang miskin. Saya rasa kalau sekiranya MARA tetap berkehendakkan penjamin macam itu tak banyaklah anak Melayu akan dapat scholarship, kerana borang itu dibawa ke sana ke mari tidak ada orang hendak menjamin. Borang perjanjian scholarship itu sekurang-kurangnya hendaklah sebagaimana JPA di mana bapa atau ibu sendiri boleh menjamin. Ini senang dengan tak payah mengira berapa banyak hartanya kerana sudah berlaku ada seorang anak miskin minta cari penjamin kerana MARA hendak beri scholarship dan seminggu lagi hendak pergi ke Amerika, hendak mencari penjamin. Siapa hendak menjamin, kalau budak itu lari daripada kolej si penjamin itu kena membayar \$10,000 hingga \$20,000. Kalau MARA betul-betul hendak menghantar anak Melayu yang miskin keluar negeri, terus hantar. Tak usah lagi memberi syarat penjamin sehingga budak itu tidak boleh pergi. Sudah tahu budak yang hendak dihantar itu miskin, mesti juga cari penjamin. Apabila kita fikir dia layak pergi, dia lulus dapat A hantar terus dan MARA menanggung apa akibatnya. Apa guna kita beri syarat kepada anak orang miskin hingga begitu sampai emaknya menangis hendak mencari penjamin. Saya ingat patut MARA kaji balik

sistem perjanjian scholarship dengan anak-anak yang hendak pergi ke luar negeri terutama anak-anak yang miskin.

Berhubung dengan UDA dan juga berkenaan dengan perniagaan seluruhnya, matlamat kita atau harapan orang Melayu ialah hendak melihat 30% penyertaan bumiputra mengikut Dasar Ekonomi Baru. Adakah MARA berfikir bahawa apabila sampai tahun 1990 matlamat ini akan tercapai? Kalau kita melihat dengan UDA membangunkan bangunan yang tinggi-tinggi yang tidak boleh dapat diduduki oleh bumiputra, bolehkah kita capai pada tahun 1990 dan kalau tidak dicapai, adakah MARA dan UDA tidak terlibat dengan pertanyaan rakyat; apa yang MARA buat selama 20 atau 30 tahun, atau adakah kakitangan seluruhnya boleh lepas bahawa aku makan gaji dan aku tak tahu apa dasar. Dengan sebab itu saya rasa patut UDA mengorak langkah lebih kencang lagi membuat bangunan-bangunan kedai yang rendah di kampung-kampung atau di bandar-bandar kecil yang ramai bumiputra. Tukar sedikit dasar, di sana ramai orang-orang Melayu yang hendak berniaga tetapi kalau dengan bangunan yang besar mereka tak mampu hendak menyewa. Buatlah bangunan kecil seperti yang MARA buat di Melaka dahulu atau di setengah-setengah tempat bangunan dua tingkat dan beri keistimewaan sewa yang agak murah. Barangkali di sana bumiputra dapat masuk berniaga. Kalau sekiranya UDA dan MARA membuat rancangan bangunan meningkat langit, ambil tanah Kerajaan dan akhirnya beri kepada saudagar yang bukan bumiputra, MARA akan dituduh bukan memajukan bumiputra tetapi merugikan.

Berkenaan dengan cara perniagaan MARA melibatkan diri dalam perniagaan kita tengok di sini hanya satu dua kilang sahaja yang ada iaitu syarikat makanan, limbungan kapal dan kraftangan. Saya rasa sudah sampai masanya MARA tidak hanya memikirkan perniagaan kecil-kecil semacam ini dan setiap tahun berkelahi dengan bumiputra meminta balik hutang, tetapi MARA patutlah menjengkal tangannya lebih jauh kepada perniagaan-perniagaan yang besar dengan pelabur-pelabur asing, buat joint venture dengan pelabur-pelabur asing. Menteri Perdagangan ada beritahu bahawa pada tahun hadapan ada 300 lebih pelabur asing yang akan datang melaburkan modal ke negeri kita dan telah membuat permohonan. Apakah sikap MARA terhadap hal ini? Apakah faedah yang MARA

dapat daripada pelabur asing yang membuka kilang-kilang yang besar dalam kontek memberi bumiputra bersama-sama melibatkan diri dalam perniagaan? Adakah ini terpulang kepada Kerajaan sahaja? Oleh sebab Kerajaan telah memberi tagan \$200 juta kepada pelabur bumiputra patutlah MARA mengambil inisiatif mengumpulkan semua perusahaan-perusahaan bumiputra baik kecil ataupun besar, membentuk satu badan baru dinamakan Badan Pelabur Bumiputra yang dianjurkan oleh MARA bersama-sama dengan UDA dan Kementerian Perdagangan. Ini merupakan satu badan gergasi bumiputra yang akan mengambil usahasama (joint venture) dengan setiap pelabur asing yang hendak melabur di Malaysia. Dengan jalan itu maka nampak bumiputra melibatkan diri lebih besar dalam perniagaan bukan sahaja di Malaysia bahkan dalam dunia internasional. Umpamanya Jerman hendak datang melabur. Apabila badan pelabur bumiputra yang saya katakan tadi sudah ada masuk campur, maka Kerajaan akan beritahu pelabur asing itu; kalau engkau hendak melabur sekarang, sila berunding dengan pihak joint venture yang ada menunggu di Malaysia yang bumiputra boleh menyertainya bersama-sama. Janganlah kita hanya biarkan taukeh-taukeh yang kaya sahaja membuat joint venture dengan pelabur asing dan kita hanya melihat sahaja dengan berkata kita tak mampu dan tidak akan mampu membuat ini, oleh sebab kita tidak ada inisiatif hendak membentuk badan ini. Cuba kumpulkan betul-betul merupakan tenaga gergasi bumiputra, dan inilah yang membuat contact dengan seluruh pelabur asing. Cuba UDA, MARA dan Kementerian Perdagangan dalam bahagian kemajuan bumiputra memikirkan ini.

Saya rasa kalau tidak difikirkan seumpama ini sampai 20 tahun lagi pun kita tidak akan melihat bumiputra terlibat dengan pelabur-pelabur asing yang besar-besar. Wang \$200 juta itu sangatlah baik untuk jadi modal pelabur dan patutlah wang itu dikumpulkan dalam Komplek Kewangan bersama-sama dengan MARA memikirkan bagaimana menguruskannya. Saya ulangkan lagi sekali supaya difikirkan bagaimana pelabur bumiputra boleh mengambil bersama-sama perdagangan yang begini besar yang hendak datang ke negeri kita, terutama apabila adanya perusahaan minyak. Berapa banyak syarikat yang berkaitan dengan minyak seperti, baja kimia dan sebagainya. Semuanya berkehendakkan pelabur asing datang. Apakah kita

mahu mendengar sahaja cerita bahawa di negeri kita ada 300-400 pelabur asing tetapi kita hanya memandang dengan mata yang putih dan kita mengaku diri kita tidak mampu. Kita tak mahu sampai ke peringkat kita tidak mampu selagi kita belum berikhtiar, dan yang patut berikhtiar dalam hal ini ialah Kementerian Perusahaan Awam yang ada kaitan dengan bumiputra. Kalau mereka tidak buat ini mereka akan ditanya dan disoal, tidak terlepas, apabila sampai tahun 1990. Kita tak mahu MARA dan UDA hanya menghabiskan masanya dengan berkelahi dengan bumiputra kerana perdagangan yang kecil-kecil berkenaan dengan untung dan rugi: engkau tak bayar duit aku engkau mesti balikkan hutang, habis begitu sahaja sampai masa 20 tahun. Tetapi perniagaan yang besar-besar orang lain yang dapat.

Tuan Pengerusi: Kalau Yang Berhormat dapat ringkaskan, barangkali Ahli Yang Berhormat yang lain dapat bercakap.

Tuan Embong bin Yahaya: Ada sedikit sahaja lagi. Akhirnya saya menyokong peruntukan ini dan menutup ucapan saya dengan harapan yang besar supaya pihak Kementerian ini mengkaji semula selok-belok perniagaan yang berjalan sekarang adakah perjalanan yang seumpama ini memuaskan hati kita ataupun seperti yang saya katakan tadi MARA patutlah mengubah sikap merupakan satu gergasi yang besar menjengkau tangannya ke lapangan dunia international supaya Majlis Amanah Rakyat ini benar-benar merupakan satu badan yang boleh bumiputra melangkah kaki yang lebih jauh dalam dunia perniagaan. Siapa yang hendak membuat perniagaan kecil, jalan. Siapa yang hendak membuat perniagaan yang sedang, jalan. perniagaan di kampung, jalan. Tetapi perniagaan international juga berjalan.

Kita mahu MARA mengajak bumiputra seberapa boleh supaya faedah itu dapat kepada ramai. Sebab itu sudah sampai masanya MARA menganjurkan satu pertubuhan bumiputra, badan pelabur bumiputra yang besar dan kalau tak ada wang gunakan wang \$200 juta yang diberi ini, mengambil bahagian dalam perusahaan daripada 200-300 pelabur asing yang hendak datang ke negeri kita. Itulah sahaja ucapan saya dan saya harap bahawa pihak Kementerian memberi perhatian berat dalam perkara ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Bangun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas hendak bercakap fasal MARA?

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ya.

Tuan Pengerusi: Sila.

4.30 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan-peruntukan kepada Kementerian Perusahaan Awam di bawah Kepala B. 37 dan Kepala P. 37. Di samping itu, saya mengambil peluang ini memberi beberapa pandangan berkaitan dengan tugas-tugas Kementerian ini yang telah diberi tanggungjawab untuk mengawasi dan menyelaraskan perjalanan dan kegiatan beberapa buah Badan-badan Berkanun, termasuk MARA yang saya sekarang ini menjadi Pengerusinya.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya telah sebutkan dalam Dewan yang mulia ini tiga minggu yang lalu Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini adalah berupa rancangan lima tahun yang terpenting bagi rakyat dan penduduk-penduduk di luar bandar dalam negeri ini. Saya telah tegaskan bahawa dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini telah sampai masanya setinggi-tinggi keutamaan diberi kepada segala projek-projek dan kegiatan-kegiatan yang bertujuan dan yang boleh sebenar-benarnya meninggikan lagi pendapatan dan darjah hidup orang-orang kita yang duduk di luar bandar dan dengan itu mengurangkan perbezaan di antara keadaan mereka dengan keadaan dan ekonomi penduduk-penduduk di dalam kawasan bandar. Kita tidak nafikan bahawa semenjak merdeka banyak kemajuan telah tercapai dan banyak kemudahan-kemudahan yang telah diberi kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang tidak dirasakan oleh mereka dalam masa penjajah dahulu, tetapi perbezaan yang masih dialami sekarang masih belum memuaskan lagi. Ini boleh dibuktikan bila kita melawat ke kampung dan kawasan-kawasan di luar bandar.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya anggapkan peranan yang akan dimainkan oleh Kementerian ini dan segala Badan-badan Berkanun di bawah jagaannya dalam masa Rancangan

Malaysia Ketiga ini sebagai peranan yang terpenting untuk masa hadapan dan untuk menentukan untung nasib penduduk-penduduk di luar bandar dalam negeri ini. Saya berkata demikian sebabnya Kementerian ini dan Badan-badan Berkanun yang tersebut adalah terlibat semata-mata dengan daya usaha pembangunan negara. Saya tahu ada di antara Badan-badan Berkanun ini seperti UDA misalannya memusatkan koperasinya di dalam bandar tetapi projek-projek yang mereka jalankan dan yang akan dijalankan ada akibatnya dan sepatutnya tidak lari daripada kepentingan bumiputra dan penduduk-penduduk di luar bandar. Seperti memberi peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar ada tempat berniaga di dalam bandar dan juga tempat menjualkan barang-barang tanaman dan keluaran mereka tidak payah lagi menjual di gerai-gerai yang kecil dan buruk-buruk sahaja ataupun di kaki lima kedai. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian ini akan sebenar-benarnya mengawasi dan menyelaraskan perjalanan dan kegiatan-kegiatan segala Badan-badan Berkanun yang di bawah jagaannya termasuk MARA sendiri. Ini adalah penting kerana berjuta-juta ringgit wang negara diperuntukkan kepada Badan-badan seperti ini tiap-tiap tahun.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Dan jikalau berlaku penyelewengan dan jikalau projek-projek yang dijalankan memesungkan daripada tujuan-tujuan yang asal rakyat dan negara yang rugi dan penduduk-penduduk yang sebenarnya hendak dipimpin dan dibantu bukan golongan yang kecil sahaja terus berasa hampa dan tidak puas hati. Walaupun projek-projek yang dilaksanakan dipandang sekali lalu menurut dasar-dasar dan objektif-objektif yang ditentukan tetapi jikalau prioriti dan keutamaan yang diberi tidak sesuai dengan kepentingan orang ramai yang lebih berkehendakkan pimpinan dan bantuan itu kepada saya ini adalah berupa sebagai kegagalan dan penyelewengan dan saya telah tegaskan tadi bahawa dalam masa Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini prioriti dan keutamaan hendaklah diberikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga khasnya Bumiputra dan mereka yang duduk di luar bandar yang masih patut dibimbing supaya, insya Allah, menjadi setanding dengan usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga yang lain. Oleh itu, saya harap

seperti yang telah disebutkan oleh dua, tiga orang rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi pegawai-pegawai dan mereka yang bertugas dalam Kementerian ini dan dalam Badan-badan Berkanun yang berkenaan hendaklah menyelaraskan diri dan sikap mereka sesuai dengan hasrat dan cita-cita rakyat dan negara, tidak cuma membanggakan kebesaran sesuatu projek sahaja atau hanya megah dengan beberapa banyak wang yang telah dilabur dan berapa banyak untung dan faedah yang boleh didapati.

Seperti yang telah disebutkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Ledang dalam ucapannya tadi apabila processing atau apabila keputusan hendak dibuat melabur \$3 juta, \$4 juta dan \$5 juta mestilah dianggarkan bukan wang Kerajaan tetapi wang kita sendiri ataupun sekurang-kurangnya wang bapa kita, wang pak chik kita, wang pak ngah kita. Dengan sikap yang demikian tentulah kajian yang dibuat akan lebih mendalam, akan lebih halus dan projek-projek yang dipersetujui akan mungkin tidak gagal dan lebih membawakan untung dan faedah kepada rakyat dan negara yang hendak dibantu itu. Dan lagi jikalau projek-projek itu menguntungkan hanya golongan yang kecil atau pemodal-pemodal asing dan pemodal-pemodal tempatan dalam bandar sahaja, kepada saya tidak ada faedahnya dan tidak ada manfaatnya kepada rakyat dan negara.

Saya juga berharap Badan-badan Pusat seperti EPU apabila mengkaji dan mengaseskan projek-projek Badan-badan ini hendaklah jangan lebih-lebihnya berpandu kepada beberapa untung dan return yang boleh didapati tetapi yang lebih penting hendaklah dijadikan juga sebagai perincian, adakah projek-projek itu memberi faedah kepada golongan yang ramai dan juga adakah seimbang dengan dasar negara yang memberi keutamaan, setinggi-tinggi keutamaan kepada projek-projek yang bertujuan memberi lebih peluang dan meningkatkan lagi darjah dan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian ini akan sentiasa mengawasi segala projek-projek yang telah dijalankan oleh Badan-badan yang tersebut dengan tujuan menentukan perkara-perkara yang saya sebutkan ini dan akan sedia mengambil langkah menahan, mengkensel atau meminda jika difikirkan perlu. Saya percaya dalam undang-undang

yang menubuhkan Badan-badan Berkanun itu tugas-tugas dan objektif-objektif satu-satu badan itu ada disebutkan tetapi secara am dan berleluasan sahaja. Oleh itu, pengawasan adalah penting bukan sahaja untuk menentukan apa prioriti dan keutamaan yang diberi tetapi juga untuk mengelakkan duplikasi dan menyelaraskan koordinasi di antara kegiatan-kegiatan yang dikendalikan oleh badan-badan tersebut. Masaalah duplikasi dan kurang koordinasi ini jikalau tidak dijagai mungkin menimbulkan salah faham di antara sama sendiri dan tanding-bertandingan di antara badan-badan tersebut yang sepatutnya bekerjasama dan bersaing dalam menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan-ucapan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang di antara lain, telah menyebutkan beberapa perkara berkenaan dengan MARA. Untuk menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan itu dalam Dewan yang mulia ini adalah sebenarnya menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri sendiri. Tetapi saya mengambil peluang di sini ingin menyebutkan dua tiga perkara.

Pertama, rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi merayu dan meminta supaya pegawai-pegawai dan kami sekalian yang bertugas di dalam MARA mengambil sikap baru iaitu sikap progressive, positive dan bertimbang rasa dengan orang ramai dan sesiapa seumpamanya ada berunding dan perkiraan dengan kami. Pandangan dan kritik yang ikhlas serta membina ini saya terima dengan baik, tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat rakan saya itu yang juga menjadi Pengerusi sebuah Badan Berkanun yang lain, dia telah menjaga pegawai-pegawai yang bertugas dalam Badan Berkanun yang ianya menjadi Pengerusi. Jadi, kami harap mereka akan dapat menjadi contoh kepada kami dalam perkara ini.

Kedua, saya suka menyebutkan pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ledang berkenaan dengan dasar dan tujuan atau target Kerajaan supaya menjelang tahun 1980 penyertaan bumiputra dalam ekonomi, perniagaan dan perusahaan dalam negeri ini mencapai sekurang-kurangnya 30% dari segi equity, pengurusan, services dan juga dalam segi agensi-agensi dan sebagainya.

Pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya tadi, saya dalam MARA menerima dengan baik, tetapi satu perkara sahaja yang saya suka menjelaskan iaitu untuk mencapai target yang saya sebutkan tadi bukanlah hanya tanggungjawab MARA. Untuk mencapai target ini adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berkuasa dalam negeri ini, Kementerian-kementerian dan beberapa Badan-badan Berkanun dan jentera-jentera yang lain. MARA adalah cuma menjadi salah satu daripada jentera-jenteranya dengan objektif-objektif dan tugas-tugas yang tertentu. MARA tujuannya lebih mengutamakan bumiputra dan penduduk-penduduk di luar bandar di samping menjalankan tugas-tugas yang dibebankan ke atas MARA itu priority MARA, bias MARA adalah lebih kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Sungguhpun begitu, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi, cuma saya ingin menjelaskan untuk mencapai target ini adalah satu tanggungjawab yang terbesar tanggungjawab negara bukannya boleh dibuat oleh satu-satu agensi seperti MARA. MARA adalah menjadi satu agensi di antara beberapa agensi yang bertugas dan bertanggungjawab untuk mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang menjadi hasrat kita semua serta menjadi cita-cita kita semua.

Itulah sahaja, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah memberi beberapa pandangan yang jujur dan ikhlas berkenaan dengan cara-cara mentadbir MARA. Saya memberi pengakuan di dalam Dewan yang mulia ini pandangan-pandangan yang diberikan ini akan kami simpankan di dalam ingatan kami dan kami akan jadikan panduan dan pimpinan kepada kami untuk mengendalikan MARA iaitu satu pertubuhan yang penting di antara agensi-agensi Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan.

4.47 p/mg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tolong ringkaskan sedikit, sebab pada pukul 5.00 petang Yang Berhormat Menteri akan menjawab dan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap.

Datuk Albert Mah: saya ingin menyentuh Kepala Bekalan B. 37, Pecahan-kepala 1100 dan 4100. Banyak Badan-badan Berkanun kita yang mempunyai anak-anak syarikat di dalam bidang perniagaan, perkilangan, bank-bank dan lain-lain aktiviti-aktiviti perniagaan.

Banyak yang mencuba dalam bidang seperti itu buat pertama kalinya dengan mempunyai sedikit pengalaman atau tanpa pengalaman. Pegawai-pegawai kanan Kerajaan dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan adalah dilantik untuk berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah. Juga ada orang-orang yang berpangkat diminta untuk berkhidmat di dalam Lembaga-lembaga itu yang mana mereka sebok dengan perniagaan mereka sendiri. Orang-orang yang begitu biasanya menganggap kewajipan-kewajipan kepada Lembaga lain lebih mustahak, tetapi sebagai yang kedua kepada tugas mereka yang pertama, yang mana mereka diwajibkan dengan secara langsung. Pegawai-pegawai kanan Kerajaan kita sibuk dengan kerja di Jabatan-jabatan mereka sendiri dan mesyuarat-mesyuarat di antara Jabatan-jabatan Kerajaan sehari-hari dan lain-lain tugas. Oleh kerana mereka sudahpun diwajibkan dengan sepenuhnya di dalam aktiviti-aktiviti mereka, iaitu menengok Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan mereka kerana aktiviti-aktiviti Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, mereka tidak ada masa bagi mesyuarat-mesyuarat Lembaga yang mana mereka telah mengubal Tambahan pula, hanya satu jam ataupun dua jam sahaja pada satu-satu mesyuarat Lembaga itu yang diadakan sekali dalam sebulan ataupun tiga bulan mungkin tidak berguna langsung. Tambahan pula, ada pegawai-pegawai rendah telah dipanggil untuk menghadiri mesyuarat begitu apabila pegawai-pegawai kanan Kerajaan tidak dapat menghadiri. Pendek kata, kakitangan-kakitangan Kerajaan ini tidak dapat berkhidmat dalam Lembaga ini dengan berkesan sebagaimana yang mereka kehendaki.

Banyak kes-kes Badan-badan Berkanun juga syarikat-syarikat sendirian dan awam yang tidak berjalan dengan bagus kerana mereka kekurangan know-how dan pengalaman. Saya ingin mencadangkan supaya kita dapat mengatasi perkara ini dengan mengamalkan satu sistem yang mana telah dikembangkan di negeri-negeri Barat di mana sekumpulan Pengarah-pengarah Profesional telah digaji dengan sepenuh masa dan bekerja sekurangnya satu hari dalam seminggu di dalam setiap lima atau enam syarikat persendirian dan awam yang mana mereka berkhidmat sebagai Pengarah. Kelayakan untuk perlantikan Pengarah-pengarah Professional itu adalah pengalaman dalam pentadbiran yang praktik, keputusan yang sihat, ketulinan peribadi dan saudagar-saudagar yang berpengalaman.

Badan-badan Berkanun kita dan anak-anak syarikat-syarikat sendirian atau awam berkehendakkan sekumpulan orang yang seperti itu. Tugas-tugas mereka termasuklah menyusun semula Lembaga, mesyuarat-mesyuarat, keahlian, tanggungjawab dan tugas-tugas kerja Lembaga; membantu dalam mengaturkan kewangan, pertolongan, membincang kontrek-kontrek yang besar, penggabungan dan memperolehi dan mengendalikan masaalah-masaalah dengan orang-orang peringkat atas.

Oleh kerana banyak wang yang dibelanjakan oleh Badan-badan Berkanun kita dan anak-anak syarikat, Jawatankuasa Odit yang mengandungi Pengarah-pengarah Profesional yang dicadangkan ini perlulah ditubuhkan. Jawatankuasa Odit begitu boleh diadakan tiga hingga lima Pengarah. Jawatankuasa Odit ini sentiasa memelihara perhubungan dengan Juru Odit-Juru Odit Dalam dan Juru Odit-Juru Odit Luar. Mereka juga menolong Lembaga sebagai satu badan untuk mendapat yang lebih luas dalam apa yang berlaku di dalam syarikat. Faedah mempunyai seorang Pengarah Professional adalah nyata. Beliau bukan pentadbir tetapi ada terbabit dengan perkara-perkara yang lebih daripada Pengarah-pengarah yang luar. Beliau adalah seorang "watch-dog" di dalam bilik Lembaga dan menentukan polisi-polisi Lembaga itu diselenggarakan.

Sebagai penutup, saya berharap cadangan saya ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

4.52 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: (Maran): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini. Dan oleh kerana masa saya terlalu suntuk, maka saya akan menyentuh satu dua perkara sahaja.

Di bawah P. 37, muka surat 265, Pecahan-kepala 4—UDA. Tuan Pengerusi, saya mohon Kementerian ini supaya memikirkan semula apakah tugas Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang saya ringkaskan dengan PKEN. Apakah tugas PKEN ini sebenarnya?

Tuan Pengerusi: Bolehlah sebutkan nama penuhnya PKEN itu?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan saya ringkaskan PKEN. Samada peranan PKEN ini semata-mata untuk menggerakkan aktiviti ekonomi dalam negeri-negeri masing-masing ataupun di samping menggerakkan aktiviti ekonomi mereka ini adalah badan yang ditubuhkan sebagai mendapat keuntungan. Ini, Kementerian harus fikirkan. Jadi kita telah pernah dengar dalam Dewan yang mulia ini bahawa Ahli-ahli telah menyatakan bahawa rumah-rumah kediaman, rumah-rumah kedai, rumah murah juga yang telah dibina oleh PKEN telah menjadi mahal. Ini ialah disebabkan oleh PKEN di tiap-tiap negeri itu mengenakan harga tanah kepada pembeli. Jadi kadang-kadang ada rumah murah patut harganya \$5,000, harganya sampai dua kali ganda. Jadi ini adalah satu perkara yang saya rasa serious. Kementerian ini patut mengkaji semula akan tugas ataupun peranan yang patut dimainkan oleh PKEN ini. Dan yang paling menyusahkan rakyat, bahawa PKEN ini mempunyai monopoli dalam negeri masing-masing iaitu jikalau mereka ini berkehendakkan satu-satu tempat, satu-satu tapak rumah, mereka ini akan diberi keutamaan. Dan pihak-pihak lain seperti UDA mereka ini terpaksa meminta tapak menerusi PKEN jikalau hendak membina satu-satu bangunan.

Di sini saya suka mengucapkan tahniah kepada UDA dan juga Perbadanan Kemajuan Jengka di mana UDA dan Jengka ini telah menubuhkan satu syarikat dan bersetuju mendirikan 300 yunit kedai di bandar pusat Jengka.

Tuan Pengerusi, konsep ini patut menjadi contoh kepada tiap-tiap PKEN. Di dalam projek ini Perbadanan Kemajuan Jengka telah memberi tapak-tapak kepada UDA dan UDA mengeluarkan expertise dan kewangannya bagi mendirikan 300 yunit rumah itu. Harga tanah ini tidak dikira pada peringkat ini tetapi setelah rumah itu siap maka barulah harga tanah itu dikira dan jikalau dimasukkan harga tanah dengan kosnya sekali, harga tanah itu akan dikira paling minima. Jadi inilah caranya di mana pembeli rumah bumiputra khususnya dapat membeli rumah-rumah kedai dengan harga at cost. Dan keuntungannya banyak kepada semua pihak. Kepada Perbadanan Jengka ini, mereka tidak payah mengeluarkan modal yang begitu banyak cuma \$10,000 sebagai working capital dan UDA mengeluarkan \$10,000 untuk working capital. Bagi memodali projek yang sebenarnya UDA sendiri akan meminjam daripada mana-mana bank jua pun dan dengan kemudahan yang ada pada UDA itu, maka projek ini boleh dilaksanakan tanpa susah-payah. Ini satu contoh yang patut ditiru oleh PKEN tiap-tiap negeri.

Konsep ini, dikenali sebagai konsep PER-UDA iaitu nama syarikat joint-venture di antara PKEN dan UDA. Tetapi dukacita Peruda ini tidak mendapat sambutan daripada tiap-tiap buah negeri. Barangkali ada dua tiga buah negeri yang belum masuk PER-UDA ini dan ada juga negeri yang masuk itu pula was-was dengan konsep ini dan mereka sentiasa mementingkan harga tanah yang telah diberikan secara percuma oleh Kerajaan Negeri kepada mereka. Jadi, saya berharap Kementerian ini dapat melaksanakan konsep PERUDA ini di dalam membina rumah samada rumah kediaman, rumah kedai atau rumah murah di tiap-tiap negeri samada dengan cara PKEN menerima konsep ini sebagai satu perkara mandatory ataupun pihak Menteri sendiri hendaklah berjumpa dengan pihak berkuasa Negeri supaya mereka ini menerima konsep ini dan dengan demikian kita dapat menolong peniaga-peniaga khususnya peniaga-peniaga bumiputra membeli tempat-tempat berniaga dengan jalan yang paling murah.

Jadi, itulah dia harapan saya, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya melafazkan sokongan saya kepada peruntukkan Kementerian itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus cuma boleh bercakap lima minit, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

4.57 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam masa yang singkat ini saya hanya menyebut di bawah Peruntukkan Kementerian ini satu dua perkara sahaja.

Pertama sekali di bawah P. 37, Pecahan-kepala I—Pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Negeri. Saya terlebih dahulu mencupikan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini yang bertanggungjawab kepada Perbadanan-perbadanan Negeri yang memberi nasihat secara jujur pada anggapan saya yang pertama sekali mengenai penutupan perusahaan-perusahaan yang sentiasa menanggung kerugian. Jadi, Kementerian ini bertindak segera untuk menasihati supaya menutup peniagaan-peniagaan yang diusahakan oleh Perbadanan Negeri yang sentiasa menanggung kerugian seperti kilang garam di Trengganu dan ada lagi beberapa buah perniagaan yang saya fikir patut Kementerian ini mengkaji dan menasihati supaya ditutup segera yang mana sentiasa menanggung kerugian. Sebab kalau kita ini berniaga tentulah hendak mencari untung. Kalau berniaga tiap-tiap hujung tahun menerima lapuran kerugian lebih baik ditutup sahaja perniagaan yang diperniagakan oleh Perbadanan Negeri seperti ini. Dan di dalam hal ini, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat kajian ataupun menubuhkan Jawatankuasa untuk mengkaji, menyiasat di manakah salah, di manakah tidak kenanya perniagaan-perniagaan yang dibuat oleh Perbadanan-perbadanan Negeri ini yang sentiasa rugi.

Jadi, kalau wang rakyat kita curahkan bukan untung yang dapat tetapi rugi yang dapat lebih baik tidak usah kita galakkan. Sebab, kalau hendak dipandangkan dari segi kakitangan yang ada, yang dilantik memper-tanggungjawabkan kepada perbadanan ini memang kelulusannya tinggi-tinggi dan bijak-bijak pandai belaka tetapi saya tidak faham di mana tempatnya yang boleh jadi rugi. Kesimpulannya, saya mintalah Kementerian ini supaya mengkaji dan menyiasat, kalau sudah nampak tidak boleh cari untung ditutup sahaja cepat-cepat sebagaimana pe-

nutupan kilang garam itu amat baik, kalau kita sudah rugi satu juta ringgit lebih umpamanya kalau kita biarkan mungkin sampai dua tiga juta, daripada bertambah rugi berjuta-juta lebih baik tutup sahaja. Ini satu perkara yang bijak dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya suka sebutkan ialah mengenai Majlis Amanah Rakyat (MARA). Dalam hal ini saya berterima kasih juga kepada pihak MARA kerana dapat berbakti kepada rakyat begitu banyak sekali. Tetapi walau bagaimanapun tabiat manusia ini ada tempat yang tidak kena, jadi tempat yang tidak kena inilah saya hendak sebutkan sedikit. Pertama, mengenai bangunan-bangunan MARA yang didirikan di negeri-negeri. Satu perkara yang menjadi hairan benar-benar kepada saya, MARA membuat bangunan untuk dibahagi kepada bumiputra ataupun peniaga-peniaga kecil berniaga. Kononnya, dalam bangunan itu MARA sendiri ditempatkan berniaga yang saya fikir di bawah Lembaga Kraftangan Malaysia (BMB) berniaga di dalam bangunan MARA dan ajak bumiputra lain berniaga di dalam bangunan MARA itu. Tiba-tiba saya rasa terperanjat bila saya tengok dari satu masa ke satu masa peniaga-peniaga di dalam bangunan itu tidak bertambah segar, tidak bertambah maju. Tiba-tiba saya tengok yang di bawah MARA ini sendiri lari daripada bangunan MARA itu pergi sewa bangunan lain berniaga. Jadi saya hendak mencari puncanya di mana MARA buat macam ini. Kalaulah MARA sendiri cabut lari pergi berniaga di tempat lain apatah lagi nasib orang-orang yang miskin, yang tidak dibantu oleh Kerajaan, apa nasib mereka ini, tolong fikirkan. Saya merayu dan meminta tolong difikirkan supaya hamba Allah yang tumpang berniaga di bawah payung MARA itu dapat tumpang hidup dan berteduh sama, jangan pula pakai payung itu dibawa lari. Jadi, hamba Allah yang berniaga kecil-kecil ini di mana hendak menumpang. Saya minta supaya tolonglah kaji, tolonglah fikir bagaimana caranya supaya mereka ini dapat hidup—yang mendapat bantuan MARA pun hidup, BMB pun hidup, yang di bawah Kraftangan pun hidup dan orang ramai yang tumpang berniaga di dalam bangunan MARA itupun tumpang hidup sama. Janganlah sekali-kali pihak MARA kalau sudah nampak berat cabut lari ke tempat lain, peniaga-peniaga yang lain tidak dapat hendak lari kerana

tidak mampu fasal tidak ada bapa hendak menolong, jadi hendak lari ke mana. Nasib-nasib seperti inilah yang saya minta ditimbangkan supaya dapat nasihat. Saya mempunyai kepercayaan penuh kepada pihak MARA sebab apa yang saya diberitahu yang bertanggungjawab di bawah MARA ini memanglah ahli-ahli belaka dan memang bijak pandai takkanlah tidak dapat mengatasi perkara-perkara yang kecil seperti ini untuk membantu peniaga-peniaga kecil di bawah MARA ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak minta ialah mengenai bantuan pinjaman kepada pelajar-pelajar. Saya minta supaya pelajar-pelajar ugama yang ada di luar negeri juga diberi pinjaman. Setahu saya sehingga sekarang ini amatlah terbatas sekali pinjaman-pinjaman yang diberi kepada pelajar-pelajar ugama di luar negeri. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini merayu khasnya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat ditimbangkan pinjaman kepada pelajar-pelajar ugama kita di luar negeri khasnya di Timur Tengah yang kekurangan wang ringgit ataupun ibubapanya miskin tetapi oleh kerana semangat pelajar-pelajar itu tinggi mereka tetap belajar bersungguh-sungguh. Kalau diselidiki mereka memang sukar atau susah benar untuk meneruskan pelajarannya sehingga tamat. Oleh itu, saya merayulah kepada Kementerian ini sekurang-kurangnya kalau tidak dapat diberi pertimbangan pada tahun yang pertama dan kedua, diberilah juga pertimbangan pada tahun ketiga dan berikutnya supaya pelajar-pelajar itu dapat meneruskan pelajaran mereka sehingga tamat.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Saya telah beri masa lebih kepada Yang Berhormat.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.06 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas teguran-teguran dan seruan-seruan yang telah dibuat oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan saya cuba dengan seberapa ringkas menjawab

setengah-setengah perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan sekiranya apa yang tertinggal itu saya akan mengambil perhatian dan akan melaksanakan pengesyoran-pengesyoran itu di mana kita dapat jalankan seberapa yang boleh.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menimbulkan soal kekurangan pegawai MARA yang bertugas di kawasan itu. Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telahpun menjawab berkenaan dengan soal-soal yang telah ditimbulkan berkenaan dengan MARA, Tuan Pengerusi, tetapi izinkan saya menjawab sedikit lagi untuk menambah jawabannya. Memang diakui bahawa MARA sekarang ini menghadapi masaalah kekurangan pegawai. Kekurangan ini bukan berlaku di Tanjong Karang sahaja tetapi di lain-lain tempat juga termasuk di Ibu Pejabat MARA sendiri yang mengalami kekurangan kakitangan. Kami menyedari bahawa pegawai MARA di peringkat daerah ini memang mustahak kerana merekalah yang menjadi barisan depan dalam melaksanakan tugas dan dasar MARA dalam membantu rakyat di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak MARA sekarang ini sedang menjalankan kajian komprehensif berhubung dengan organisasi objektif. Dasar dan kegiatannya bertujuan untuk memperkemas dan mengkokohkan lagi kejenteraan pentadbirannya bukan sahaja di peringkat ibu pejabat, tetapi juga di peringkat daerah. Adalah diharapkan apabila kajian ini selesai MARA akan dapat menjalankan kegiatannya dengan lebih sempurna dan teratur bagi memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan soal kekurangan peruntukan yang diberikan kepada MARA untuk biasiswa dan pinjaman pelajaran dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga menyebut berkenaan dengan biasiswa dan pinjaman MARA. Pihak MARA mengakui bahawa peruntukan yang disediakan di bawah rancangan biasiswa dan pinjaman pelajaran untuk tahun 1977 ini memang tidak mencukupi jika ditinjau dari segi jumlah pelajar-pelajar Bumiputra yang berkeelayakan dan patut mendapat biasiswa dan pinjaman pelajaran ini. Mengikut peruntukan yang diberikan tahun depan pihak MARA hanya akan dapat mengeluarkan 490 biasiswa dan 280 pinjaman pelajaran sahaja. Adalah juga dinyatakan di

sini bahawa MARA bukanlah satu-satunya sahaja badan Kerajaan yang mengeluarkan biasiswa untuk pelajar-pelajar Bumiputra, lain-lain badan seperti Lembaga Letrik Negara, Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga mengeluarkan biasiswa dan pinjaman dan juga yayasan-yayasan yang lain yang ditubuh ataupun dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Berhubung dengan hal ini saya suka menjawab berkenaan dengan pengesyoran Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus sekejap tadi iaitu patut MARA memberikan pinjaman ataupun biasiswa kepada pelajar-pelajar ugama di luar negeri. MARA memang ada memberi keutamaan, pada masa ini MARA bercadang hendak mengeluarkan biasiswa untuk pelajar-pelajar dari segi teknik, kedoktoran dan professional. Maka dengan sebab itu, MARA pada masa ini tidak bolehlah menimbangkan berkenaan dengan permohonan untuk melanjutkan pelajaran ugama di luar negeri. Saya berharap dengan sebab kekurangan peruntukan ini Ahli-ahli Yang Berhormat akan sokong Kementerian saya untuk mendapat tambahan yang lebih pada tahun-tahun akan datang berkenaan dengan biasiswa ini.

Satu lagi perkara yang disentuh berhubung dengan sebuah syarikat pengangkutan Bumiputra di kawasan Tanjong Karang, menurutnya telah tidak dapat berjalan dengan baik dan beliau meminta MARA campurtangan menghidupkan semula syarikat berkenaan. Saya mendapat tahu syarikat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang ditubuhkan oleh Bumiputra. Perkara ini saya akan arahkan MARA mengkaji dan apabila dapat diidentifikasi masalah-masalahnya sudah tentu MARA akan memberi tunjuk ajar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak pengurusan syarikat itu datanglah berjumpa dengan Bahagian Kenderaan MARA bagi mengemukakan masalah-masalahnya.

Berhubung dengan perusahaan pengangkutan, Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan soal sebuah syarikat bas di kawasanya yang dahulunya dikendalikan oleh MARA tetapi sekarang telah diserahkan oleh MARA kepada pengusaha Bumiputra tempatan. Menurut Ahli Yang Berhormat itu syarikat tersebut telah tidak dapat berjalan dengan baik sejak diambilalih oleh pengusaha Bumiputra itu. Saya rasa

perkara ini juga memerlukan kajian yang mendalam kenapa syarikat itu tidak boleh maju. Adalah tidak adil kalau kita hendak meletakkan kesalahan itu kepada MARA sahaja. Saya difahamkan syarikat tersebut semasa berada dalam pengurusan pihak MARA dahulu telah berjalan dengan baik dan memuaskan. Kenapa pula selepas dikendalikan oleh pengusaha Bumiputra kita syarikat tersebut mengalami berbagai-bagai kesulitan. Tentulah sesuatu yang tidak menyenangkan berlaku dalam syarikat ini. Adalah menjadi dasar MARA untuk memastikan sesuatu syarikat itu sebelum ianya diserahkan kepada Bumiputra ianya benar-benar ada membuat keuntungan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, beberapa buah syarikat bas MARA yang telah diserahkan kepada Bumiputra telah berjalan dengan baik. Mungkin Ahli Yang Berhormat tahu bahawa di Kuala Trengganu terdapat sebuah syarikat bas MARA yang telah diserahkan kepada Bumiputra yang berjalan dengan baik. Sebuah lagi ialah Syarikat Bas Pinang Tunggal di Butterworth. Syarikat ini dahulu diuruskan oleh MARA tetapi telah diserahkan kepada Bumiputra dan nampaknya sehingga hari ini syarikat tersebut berjalan dengan memuaskan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan soal Lori Malaysia. Memanglah diakui bahawa Lori Malaysia ini merupakan salah satu dari anak syarikat MARA yang agak uzur sedikit pada masa ini. Bagaimanapun, tindakan sedang diambil untuk mengkaji semula kegiatan dan kestabilan syarikat itu supaya ianya dapat diperbetulkan. Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga menyebut berkenaan dengan Lori Malaysia ini dan ini mengandungi sama jawapan saya kepada masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun ialah mengenai Khidmat Nasihat dan Bimbingan yang dijalankan oleh MARA untuk peniaga-peniaga Bumiputra. Kami menghargai teguran dan syor Ahli Yang Berhormat itu yang menekankan mustahaknya kegiatan Khidmat Bimbingan Perniagaan untuk ahli-ahli perniagaan Bumiputra. Sukacita dinyatakan di Dewan ini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, MARA melalui Bahagian Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterpraisnya akan memberi perhatian utama terhadap rancangan memberi bimbingan dan

latihan selok-belok perniagaan kepada para peniaga dan pengusaha Bumiputra. Melalui rancangan ini kita berharap akan dapat melahirkan lebih ramai lagi Bumiputra mengambil bahagian yang cergas dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Selain daripada MARA terdapat juga badan-badan Kerajaan lain juga mengadakan latihan dan kursus dari masa ke semasa untuk para peniaga Bumiputra. Badan-badan tersebut termasuklah PERNAS-EDAR, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bagi pihak MARA sendiri selain dari bimbingan dan latihan perniagaan yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Nasihat seperti saya sebutkan tadi, kita juga ada menganjurkan latihan perniagaan untuk pekedai-pekedai runcit yang diadakan di Instituti Kemahiran MARA, di Kampung Pandan. Latihan ataupun kursus ini dikelolakan bersama oleh MARA, PERNAS-EDAR dan sektor swasta. Tujuannya ialah untuk memberi pengetahuan asas kepada peruncit dan bakal-bakal peruncit mengenai selok-belok perniagaan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga telah menimbulkan kegiatan PERUDA di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Beliau berharap walaupun PERUDA akan bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri tetapi sekiranya individu-individu Bumiputra yang memerlukan bantuan mereka janganlah diketepikan, katanya. Mengenai perkara ini sememangnya kita tidak akan mengenyepikan sebarang permohonan mendapatkan bantuan dari Bumiputra perseorangan walau dengan penubuhan PERUDA. PERUDA akan melaksanakan projek pembangunan harta yang sesuai di negeri-negeri, di samping itu bantuan bagi Bumiputra melaksanakan projeknya berjalan seperti biasa asalkan projek itu berkemampuan untuk maju dilaksanakan dan memenuhi syarat-syaratnya yang ditentukan. Salah satu syaratnya ialah tanah ataupun tapak bangunan yang dicadangkan oleh seorang individu itu kalaulah luar sedikit daripada kawasan strategik (strategic area) maka sukarlah sedikit bagi pihak MARA ataupun perbadanan yang lain seperti UDA untuk menolong Bumiputra individu itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat menyentuh berkenaan dengan kilang nenas yang kedua di Pulau Sebatang Pontian yang dipunyai oleh PCM, iaitu yang telah ditutup oleh sebab kos operasi yang

tinggi yang menyebabkan kerugian besar dan juga oleh sebab kekurangan bekalan nenas oleh pekebun-pekebun kecil untuk ditinkan. Di akhir-akhir ini bekalan nenas daripada semua pekebun-pekebun kecil di kawasan berhampiran seperti Pontian dan Pulau Sebatang tidak cukup menampung perjalanan kilang yang pertama di Pontian Kechil. Di samping bertanggungjawab ke atas aspek sosial, iaitu membeli nenas pekebun-pekebun kecil, FIMA juga terpaksa berhadapan dengan kenyataan ekonomi (economic reality). Untuk membolehkannya memainkan peranan sosialnya, kilang-kilangnya yang ada itu perlulah berjalan dengan secara ekonomik. Walau bagaimanapun, FIMA sedang berusaha untuk menggunakan kilangnya di Pulau Sebatang itu untuk tujuan-tujuan lain supaya dapat memberi pekerjaan kepada rakyat di sekitarnya. FIMA juga sedang berusaha untuk mengadakan sebuah ladang nenas sendiri sebagai menampung keperluan kilang nenasnya dan dengan cara ini adalah di jangka kilang yang ada akan berjalan dengan baik lagi dan ini akan menambahkan lagi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga menyentuh berkenaan dengan rumah-rumah kedai (bazaar) di Rengit yang telah dicadangkan katanya semenjak beberapa tahun dahulu. Projek ini telahpun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Pada masa ini Pegawai MARA Negeri sedang mengurus untuk mendapatkan tapak supaya rancangan ini dapat dilaksanakan dalam tahun 1977 atau 1978. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu juga menolong supaya dapat mempengaruhi ataupun meminta Kerajaan Negeri mempercepat memberi tapak ini supaya dapat dibina dalam tahun 1977 ataupun 1978.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga menyatakan bahawa MARA telah mendapat pengecualian berkenaan dengan cukai jalan (road tax) apabila MARA sendiri menjalankan basnya. Ini sebenarnya tidak betul. MARA menjalankan perusahaan bas ini seperti juga dengan syarikat-syarikat kenderaan yang lain. Tidak ada pengecualian road tax yang didapati daripada Kerajaan oleh MARA. Beliau mencadangkan supaya Lori Malaysia ini dijual kepada sesiapa pun. Itu memanglah dasar Kerajaan bahawa kalau Lori Malaysia akan dapat keuntungan pada masa akan datang tentulah akan dijual kepada Bumiputra. Pada masa ini berhubung dengan

Lori Malaysia ini, satu kajian sedang dibuat dan seorang Pengarah Kerja yang baru telah dilantik dan dengan ini perjalanan Lori Malaysia pada masa kebelakangan ini sudah bertambah maju dan diharapkan progress ataupun kemajuannya dapat dicapai dengan hebat lagi pada masa-masa akan datang dengan pengawasan yang lebih cekap oleh pengurusan Lori Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas menyentuh berkenaan dengan cadangan projek Tanjong Tokong yang telah dijanjikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri kita dahulu. Kelambatan menjalankan projek ini saya rasa saya telah terangkan di dalam Dewan ini iaitu dengan sebab kita tidak mendapat persetujuan dari Kerajaan Negeri lebih cepat lagi. Tetapi suka saya maklumkan seperti yang saya telah jawab dalam soalan dalam Dewan ini beberapa hari atau beberapa minggu yang lepas iaitu kita telahpun mendapat persetujuan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan projek ini dan insya-Allah projek ini akan dapat dilaksanakan dengan seberapa cepat yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat meminta supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri membina rumah-rumah murah di negeri-negeri masing-masing. Ini memanglah satu daripada dasar ataupun tujuan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Di sini suka saya menyentuh iaitu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan begitu juga perbadanan-perbadanan lain adalah di dalam keadaan dilemma atau dalam keadaan tidak sihat kerana di dalam Dewan ini ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengkritik badan-badan ini mengalami kerugian dalam perusahaannya termasuklah juga membuat pembinaan-pembinaan rumah. Kalaulah badan-badan ini sahaja menumpukan pembinaan rumah murah sudah tentu akan mengalami kerugian kerana rumah-rumah murah ini bayaran baliknya sangatlah sukar dan tentulah mengambil masa yang panjang. Jadi, tentulah perbadanan-perbadanan ini juga terpaksa mendirikan bangunan-bangunan untuk rakyat pendapatan sederhana juga untuk menampung harga rumah-rumah murah yang didirikan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, inilah hasrat Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri dan juga UDA bagi membina rumah-rumah murah seberapa banyak yang boleh mengikut kemampuan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu yunit pentadbiran peniaga-peniaga kecil. Pada hemat saya ini tidaklah mustahak oleh sebab MARA sudahpun menjalankan tugas ini dan kalau sekiranya peniaga-peniaga kecil yang bukan Bumiputra untuk hendak meminta nasihat daripada MARA memanglah MARA akan bersedia memberi nasihatnya.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyentuh berkenaan dengan Instituti Teknologi MARA. Sebenarnya institut ini tidak lagi di bawah kawalan MARA bahkan di bawah Kementerian Pelajaran sendiri. Jadi, saya tidaklah akan menjawabnya.

Tuan Pengerusi, pengesyoran daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera saya ambil ingatan dan kita akan mengkaji dan sekiranya kita dapat mempraktikkan dalam negara ini insya Allah kita akan melaksanakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah menanyakan samada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini tugasnya untuk hendak mendapat keuntungan sahaja ataupun untuk hendak mengadakan perkhidmatan sosial juga. Sebagaimana saya telah jawab tadi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri terpaksa menjalankan tugasnya untuk mendapatkan keuntungan dan daripada keuntungan itu dibelanjakan untuk perkhidmatan sosial kepada masyarakat terutama masyarakat luar bandar ataupun masyarakat yang kurang sihat.

Beliau juga mengesyorkan supaya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bersama-sama dengan UDA menubuhkan badan seperti yang UDA telah tubuhkan bersamaan dengan Perbadanan Jengka Negeri Pahang itu. Memang sudahpun ada negeri-negeri yang telah menubuhkan perusahaan bersama dengan UDA iaitu dinamakan PERUDA dan ada sebuah dua buah negeri lagi yang belum, ini dengan sebab barangkali negeri-negeri itu telahpun ada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negerinya yang sudahpun kuat dan barangkali harus tidak lagi perlu mengadakan badan bersama yang ditubuhkan di antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dengan UDA.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus mengesyorkan supaya mana-mana perusahaan perniagaan yang menanggung kerugian itu

ditutup supaya tidak lagi menanggung kerugian pada masa akan datang. Ini memanglah kita mengkaji dan pada masa ini Kementerian saya telahpun menubuhkan satu jawatankuasa ataupun pasukan petugas supaya mengkaji mana-mana syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan ataupun anak-anak syarikatnya yang menjalankan perniagaan-perniagaan yang rugi dan melapurkan keadaannya dan kalau sekiranya didapati tidak dapat diperbaiki lagi pada masa akan datang tentulah perusahaan itu akan ditutup.

Berkenaan dengan bangunan yang telah didirikan oleh MARA untuk peniaga di negeri-negeri, barangkali beliau menyentuh berkenaan dengan bangunan MARA yang ada di Kuala Trengganu di mana katanya Lembaga Kraftangan iaitu anak Syarikat MARA sendiri telah lari daripada bangunan itu meninggalkan peniaga-peniaga kecil di situ sehingga peniaga-peniaga kecil itu boleh dikatakan menghadapi kesulitan yang besar. Perkara ini saya akan mengkaji, tetapi barangkali Lembaga Kraftangan Malaysia memberi ruangan ini kepada syarikat-syarikat bumiputra yang hendak berniaga di situ. Kalau tempat itu tidak sesuai untuk peniaga-peniaga kecil bumiputra berniaga tentulah MARA tidak menggalakkan mereka masuk di dalam bangunan itu.

Sekianlah jawapan saya pada setengah-setengah perkara-perkara yang telah ditimbul dan sebagaimana saya katakan tadi kita akan mengkaji mana-mana yang tidak disentuh oleh saya dalam jawapan saya itu dan insya-Allah kita akan melaksanakan mana-mana yang dapat dilaksanakan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$39,527,600 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$394,696,010 untuk Kepala P. 37 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Sekarang, Jawatankuasa akan beredar menimbangkan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Kepala B. 39 hingga B. 45 dan juga di bawah Kepala P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan.

Kepala B. 39, B. 40, B. 41, B. 42, B. 43, B. 44 dan B. 45 (Jadual)

Kepala P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1977 di bawah Kepala Bekalan B. 39, 40, 41, 42, 43, 44 dan 45 yang berjumlah \$531,109,600 dan Kepala Pembangunan P. 40, 41, 44 dan 45 yang berjumlah \$227,151,750 yang kedua-duanya berjumlah \$758,261,350 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada jadual.

Detail-detailnya adalah seperti berikut:

Kepala B. 39 (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Peruntukan sebanyak \$26,594,800 telah diminta untuk urusan Ibu Pejabat Kementerian termasuk Bahagian-bahagian di bawahnya. Jika dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$22,330,000 bagi tahun 1976, ini adalah menunjukkan tambahan sebanyak \$4,264,800 atau sebanyak 19.1%. Ini adalah disebabkan atas dua perkara. Yang pertama ialah untuk menambahkan keanggotaan RELA, terutama sekali di kawasan-kawasan yang sensitif dan yang kedua ialah untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha pemulihan terhadap "Returned Enemy Personnel" di Negeri Sarawak.

Kepala B. 40 (Polis Di Raja Malaysia)

Untuk memenuhi keperluan rancangan ini Pasukan Polis berkehendakkan sejumlah \$446,969,000 untuk Perbelanjaan Mengurus iaitu sebanyak \$110,859,069 lebih daripada yang dianggarkan untuk tahun 1976 atau tambahan sebanyak 32.9%.

Perkembangan Pasukan Polis Di Raja Malaysia sebenarnya telahpun bermula dalam pertengahan tahun 1976. Bilangan anggota akan bertambah daripada 50,484 orang kepada 58,208 orang bagi tahun 1977. Ini ialah untuk memenuhi keperluan dalam bidang mencegah jenayah dan mengawal keselamatan negara daripada penjahat-penjahat serta juga daripada ancaman komunis terutama sekali di kawasan-kawasan bandar. Tambah lagi negara kita sekarang menghadapi masaalah "penyakit dadah" iaitu satu masaalah yang patut diambil berat. Di samping itu tiap-tiap unit Pasukan Simpanan Polis dan Pasukan

Polis Hutan sedang diperbesarkan. Beberapa Unit Keselamatan Kawasan juga sedang ditubuhkan bagi menjalankan satu strategi baru dan anggota-anggotanya sedang menjalani latihan. Buat permulaan unit-unit ini ditubuhkan di kawasan-kawasan sempadan.

Pada tahun 1977 juga, Pasukan Polis akan mula menggunakan sistem komputer. Pada permulaannya sistem ini akan memproses bayaran gaji dan rekod-rekod perkhidmatan anggota polis dan kemudiannya kelak bagi menyediakan maklumat-maklumat dalam bidang-bidang kepolisan. Walau bagaimanapun anggaran ini tidak termasuk tunggakan gaji di bawah gaji baru yang telah diluluskan baru-baru ini.

Kepala P. 40 (Polis Di Raja Malaysia)

Bagi tahun 1977 sebanyak \$211,886,000 telah dimasukkan. Jumlah ini ialah untuk membina Balai-balai Polis, rumah-rumah kediaman, Pasukan Polis Anjing (atau Pasukan Pengesan), Lonci-lonci Polis, alat-alat perhubungan radio, senjata-pi serta peluru dan untuk kenderaan. Mengenai peruntukan pembinaan Balai-balai Polis dan rumah-rumah kediaman, Peruntukan juga dimasukkan untuk membina Pengkalan Unit Kawalan Kawasan di dalam kawasan-kawasan sensitif di Semenanjung Malaysia. Adalah diharapkan 60 Pengkalan akan dapat disiapkan.

Kepala B. 41 (Imigresen)

Bagi tahun 1977 Imigresen telah diperuntukkan sebanyak \$11,095,800 dan lebih sedikit dari tahun lalu iaitu sebanyak \$10,152,700 lebih sebanyak 9.3%. Kelebihan itu ialah untuk membiayai perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan serta juga untuk membayar gaji dan elaun-elaun kepada 79 orang kakitangan tambahan bagi memperbaiki kawalan di beberapa lapangan terbang kerana jumlah pelawat-pelawat dijangka bertambah; memandangkan usaha-usaha yang giat dijalankan oleh pihak Kerajaan dan Perbadanan Kemajuan Pelancung untuk menggalakkan pelancung ke Negara ini. Kakitangan tambahan juga dikehendaki di Sabah dan Sarawak kerana bertambahnya lalu lintas masuk dan keluar daripada Kalimantan, Indonesia dan Brunei.

Kepala P. 41 (Imigresen)

Sebanyak \$1,532,000 telah dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan tahun 1977.

Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan projek-projek membina rumah kediaman kakitangan di Pulau Pinang, Pasir Gudang (Johor), dan beberapa tempat di Sarawak dan Sabah serta juga kerja-kerja tambahan bagi kompleks Imigresen di Rantau Panjang, Kelantan dan juga di Changloon (Kedah); dan juga pembayaran terakhir atas pembinaan 2 buah lonci yang telah siap dan mula digunakan pada tahun 1976.

Kepala B. 42 (Pendaftar Pertubuhan)

Peruntukan yang dipohon bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$631,000 dibandingkan dengan sebanyak \$600,000 untuk tahun yang lepas. Kenaikan belanja ialah sebanyak \$31,000 atau 5%. Ini adalah disebabkan pembayaran kenaikan gaji tahunan bagi pegawai-pegawai dan juga atas penubuhan sebuah Cawangan Pejabat di Kuala Trengganu dalam bulan Mei tahun ini.

Kepala B. 43 (Pendaftaran Negara)

Bagi Kepala Bekalan ini sejumlah \$9,287,600, telah dimasukkan untuk tahun 1977 dibandingkan dengan sejumlah \$8,411,500 untuk tahun 1976 iaitu lebih sebanyak \$876,100 atau 10.4%. Tambahan anggota seramai 30 orang kakitangan adalah perlu untuk melaksanakan tambahan kerja menyiapkan kad-kad pengenalan yang meningkat pada tiap-tiap tahun setinggi lebih kurang 3%; pendaftaran beranak, mati, perkahwinan dan anak angkat yang meningkat setinggi 3.4% dan pendaftaran kewarganegaraan yang meningkat setinggi 3.8%.

Kepala B. 44 (Penjara)

Sebanyak \$26,437,000 telah dimasukkan bagi tahun 1977 dibandingkan dengan \$23,939,000 bagi tahun 1976 iaitu tambahan sebanyak 10.4%. Tambahan ini adalah untuk bayaran kenaikan gaji tahunan termasuk perbelanjaan gaji dan lain-lain elaun bagi tambahan 28 perjawatan baru. Tambahan perbelanjaan adalah perlu disebabkan oleh tambahan bilangan banduan-banduan, orang-orang tahanan, budak-budak nakal dan banduan-banduan muda.

Kepala B. 44 (Penjara)

Sebanyak \$9,350,000 telah dimasukkan dalam tahun 1977 bagi melaksanakan pembinaan-pembinaan yang sangat perlu supaya pengurusan penjara dapat dijalankan dengan cekap dan teratur. Peruntukan ini adalah untuk pembinaan Penjara Pusat di Kajang

bagi menggantikan Penjara Pudu; untukediaan kakitangan penjara; untuk membeli tanah bagi Tempat Tahanan Perlindungan yang baru dan untuk membeli mesin-mesin perusahaan penjara. Jumlah Anggaran tersebut sekiranya dibandingkan dengan anggaran tahun 1976 iaitu sebanyak \$6,580,060 adalah melebihi dengan 44.8%.

Kepala B. 45 (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli)

Jumlah perbelanjaan mengurus yang dianggarkan untuk tahun 1977 ialah sebanyak \$10,094,400 dibandingkan dengan \$6,294,905 untuk tahun 1976. Ini bermakna perbelanjaan akan berlebih sebanyak 60.4%.

Kelebihan ini adalah untuk gaji kepada 147 jawatan baru, perubahan gaji bagi sekim-sekim perkhidmatan Pembantu Luar dan Pegawai Luar, dan tambahan perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan. Pada tahun-tahun yang lepas Jabatan ini telah berjalan dengan keadaan kekurangan kakitangan dan peruntukan. Dengan tambahan ini, Jabatan ini dapat bergerak dengan lebih baik dan sempurna terutama untuk mengelakkan ancaman pengaruh komunis di kalangan Orang Asli di kawasan pendalaman dan mencapai dasar Kerajaan terhadap Orang Asli.

Kepala P. 45 (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli)

Jumlah peruntukan yang telah dimasukkan bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$4,203,720 dibandingkan dengan \$3,599,000 bagi tahun 1976 atau berlebihan sebanyak 16.8%. Untuk melaksanakan dasar Kerajaan bagi mempercepatkan proses integrasi antara Orang Asli dengan masyarakat lain di Negara ini, maka Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 1977 akan menambahkan lagi kegiatannya dalam projek-projek ekonomi serta juga dalam kalangan perkhidmatan sosial.

Pada tahun 1977 seluas 3,000 ekar tanah baru dijangka akan dibuka berbanding dengan 1,000 ekar dalam tahun 1976. Ini untuk rancangan jangka panjang seperti tanaman getah, kelapa sawit, kelapa dan dusun. Rancangan ternakan akan ditambahkan juga.

Dalam segi sosial, pembinaan Sekolah Asrama dan pusat-pusat perubatan baru akan ditambahkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya memohon kebenaran diperintahkan bagi peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi menjadi sebahagian daripada Jadual.

5.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Kepala B. 40—Polis Di Raja Malaysia, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Pencegahan Jenayah, dan Aktiviti (3) Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah.

Tuan Pengerusi, mengikut Lapuran Perbendaharaan Malaysia, tujuan-tujuan utama Polis Di Raja Malaysia antara lain ialah untuk menjaga keamanan dan keselamatan dalam negeri dan ini dilaksanakan dengan pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman; kedua mengekalkan keamanan dan keselamatan; ketiga mencegah, mengesan jenayah dan keempat menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan kesalahan.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia tidak akan menghormati undang-undang atau ketenteraman atau pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memelihara ketenteraman dan undang-undang sekiranya Kerajaan sendiri mengeneipkan kepentingan kebangsaan dan menyalahgunakan undang-undang dan kuasa-kuasa untuk tujuan yang sempit dan tujuan partisan. Penyalahgunakan kuasa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini ialah satu contoh yang baik. Baru-baru ini kita semua sedia maklum dua pemimpin DAP saudara-saudara Chian Heng Kai, Ahli Parlimen Batu Gajah dan Chan Kok Kit dan Pengerusi PSRM, saudara Kassim Ahmad telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Semua mereka telah menjadi mangsa oleh apa yang disifatkan sebagai pembersihan anasir-anasir komunis atau pro-komunis dalam parti pemerintah dalam UMNO. Saya boleh bercakap dari pengetahuan persendirian saya bahawa saudara Chian Heng Kai dan saudara Chan Kok Kit tidak ada apa-apa perhubungan dan tidak tahu menahu mereka yang disifatkan sebagai UMNO Gang of Four, sungguhpun kita tahu mereka itu boleh ditahan untuk tempoh 62 hari untuk penyiasatan dan mereka akan dibebaskan sekiranya penyiasatan menunjuk tidak ada apa-apa bukti terhadap mereka. Saya sangat sceptical mengenai jaminan-jaminan ini. Saya mempunyai sebab untuk mengambil sikap ini: pertama ialah

kerana sebelum Yang Berhormat Menteri mengeluarkan suatu order atau perintah tahanan terhadap sesiapa, Special Branch tentulah sudah buat satu kes terhadap orang itu.

Kedua, apabila seorang tahanan disoal dalam tempoh 62 hari itu, apa yang dia soalkan itu tidak perlu mempunyai apa kaitan pun dengan tuduhan yang akan dibuat terhadapnya selepas 62 hari itu. Saya boleh berkata demikian, oleh kerana saya mempunyai pengetahuan (personal knowledge) dan pengalaman sendiri apabila saya dalam tahun 1969 ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam tempoh 62 hari untuk disoal atau disiasat oleh pihak Special Branch. Apa yang saya disoalkan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam tempoh 62 hari itu tidak ada berkaitan langsung dengan grounds of detention atau sebab-sebab saya ditahan dan allegation of facts atau tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, apabila Kementerian membuat satu keputusan untuk tahan saya dengan rasmi.

Tuan Pengerusi: Itu barangkali baru preamble sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Itu preamble tetapi tentulah sekiranya mahu mengadakan satu penyiasatan dalam tempoh 62 hari, preamble itupun mesti disiasat, disoalkan. Itu hanya akan memperkuat hujjah-hujjah saya iaitu apabila seorang ditahan pihak yang berkuasa sudah buat suatu keputusan mahu menahan. Dengan sebab itu saya sangat cynical bahawa ada satu jaminan dalam tempoh itu mereka ditahan untuk disiasat sahaja dan saya mahu tahu samada saudara Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit dan saudara Kassim Ahmad akan mendapat naib yang sama seperti saya dapati bahawa dalam tempoh 62 hari ini apa yang disifatkan sebagai penyiasatan ialah sebagai sham sahaja bukan sebenarnya untuk menyiasat samada mereka terlibat dengan apa-apa kegiatan yang tidak mengikut perlembagaan atau melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak sah atau haram atau gunakan kekerasan.

Dan sebab ketiga, ialah kerana kita dapat tahu daripada apa yang berlaku pada masa lampau ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan terhadap seseorang bukan kerana seseorang itu menjadi ancaman kepada keselamatan atau terlibat dengan apa-apa kegiatan yang tidak meng-

ikut perlembagaan atau melakukan kegiatan-kegiatan yang menggunakan kekerasan tetapi terhadap mereka yang bercakap perkara-perkara sebenarnya, legal menurut batasan yang termaktub dalam undang-undang dan perlembagaan, tetapi oleh kerana pihak berkuasa mendengar perkara-perkara itu.

Tuan Pengerusi, semuanya ini adalah penyalahgunaan kuasa dan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan untuk mendiam dan menakutkan Pembangkang yang berconstitutional dan berdemokratik dan oleh kerana sekiranya apa yang pemimpin-pemimpin Pembangkang berkata adalah melanggar undang-undang atau tidak mengikut perlembagaan, seditious, hasutan atau criminal libel dan cara yang patut diambil ialah untuk mendakwa mereka dalam mahkamah dan membiarkan kehakiman (judiciary) memutuskan samada undang-undang telah dilanggar atau perlembagaan telah dicabul. Tetapi tidak. Apa yang kita lihat ialah Kerajaan yang arrogate kepada sendiri, kuasa-kuasa penghakiman kuasa-kuasa pendakwa (prosecutor) untuk tahan seorang dan tidak memberikan dia satu peluang untuk membersihkan sendiri samada beliau telah menjadi ancaman kepada keselamatan negeri.

Tuan Pengerusi, apa yang sangat penting dan menarik hati ialah antara mereka yang ditangkap, saudara Chan Kok Kit ialah seorang yang telah dibebaskan dalam satu percakapan Akta Hasutan baru-baru ini berkaitan dengan poster-poster yang digunakan dalam pilihanraya besar tahun 1974. Adakah penahanannya itu menunjukkan membalas dendam (take revenge) oleh kerana dia menang dalam percakapan mahkamah. Saya sendiri telah membaca banyak tuduhan-tuduhan tahanan (grounds of detention) dan allegation of facts di mana ramai orang yang telah ditahan dan saya boleh katakan di sini ada beberapa kes di mana ground of detention dan allegation of facts itu sangat frivolous, tidak berasas atau dijadikan satu kes dalam mahkamah. Sebenarnya, saya pun ada dengar, saya dapat tahu sekiranya tidak mengikut any allegation of facts yang ada yang digunakan untuk menangkap seseorang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, saya sendiri pun boleh ditangkap oleh kerana saya telah membongkar dalam Dewan ini perhubungan ketua-ketua UMNO dengan kepentingan kewangan Russian Communists dan saya pun sedar ramai orang-orang yang sangat bimbang saya akan ditahan kerana

perkara ini dan ada orang yang menasihati saya supaya berjaga-jaga. Tetapi itu menunjukkan apa? Menunjukkan suasana takut dalam tanahair kita. Adakah kita mahu negara ini tumbuh dalam suatu suasana yang takut, mahukah kita mewarisi kepada anak-anak dan cucu-cucu kita perinsip-perinsip Rukunegara di mana undang-undang dilanggar, di mana hak asasi rakyat diketepikan dan di mana peranan untuk satu Pembangkang demokratik dan constitutional tidak ada.

Tuan Pengerusi, pihak DAP mengutuk penyalahgunaan kuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk mendiamkan dan menakutkan Pembangkang yang berdemokratik dan berconstitutional dan kita menyeru pihak yang berkenaan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membawa semua tahanan-tahanan ke mahkamah untuk dibicarakan kalau tidak boleh membebaskan mereka.

Peranan Polis untuk sebagai satu agensi yang memelihara keamanan dan keselamatan selalu disoalkan oleh rakyat jelata oleh kerana Polis telah terlibat dalam banyak keadaan-keadaan di mana pihak Polis tidak melibatkan diri. Sebagai satu contoh pada 19hb November, seorang pegawai Polis yang tertinggi telah dihantar ke Dewan Undangan Negeri Melaka di mana pada masa itu Dewan itu sedang bersidang untuk menahan seorang Wakil daripada pihak DAP iaitu saudara Bernard Santa Maria dari masuk ke dalam State Assembly. Masa itu saudara Bernard telah diperintah keluar daripada Dewan itu oleh Yang di-Pertua Dewan, oleh kerana beliau dituduh sebagai berkata yang beliau sebenarnya tidak kata, tetapi saya tidak mahu sebutkan perkara ini, oleh kerana ini perkara State Assembly Melaka.

Apa saya mahu sebutkan di sini ialah selepas itu, Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri Melaka telah menafikan bahawa beliau telah berhubung dengan Polis Melaka dan meminta seorang pegawai tertinggi Polis datang ke Melaka State Assembly untuk menahan seorang State Assemblyman. Apa telah berlaku? Saya harap pihak Polis dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh memberi satu penjelasan mengapa perkara semacam ini boleh berlaku. Siapakah yang memberi kuasa (authority) kepada Polis untuk pergi ke Melaka State Assembly untuk tahan seorang State As-

semblyman dari masuk ke dalam Dewan apabila selepas itu Datuk Yang di-Pertua ada menafikan yang beliau telah memberi perintah ini. Oleh kerana telah berlaku perkara-perkara semacam ini, orang ramai tentu menyoal apakah peranan Polis. Adakah Polis Di Raja Malaysia sebenarnya satu agensi yang bebas untuk menjalankan tugas memelihara undang-undang dan ketenteraman atau ianya boleh digunakan untuk orang-orang tertentu, orang-orang yang tidak sebenarnya melanggar undang-undang dan ketenteraman. Saya harap fiasco ini yang berlaku di Melaka State Assembly yang melibatkan Polis Melaka boleh diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila beliau mengguling perbincangan dan memberi satu penjelasan, oleh kerana sekiranya beliau gagal membuat demikian menunjukkan bahawa Polis Melaka telah membuat satu tindakan yang bukan sahaja melebihi kuasa, tetapi menunjukkan bahawa Polis di Melaka boleh digunakan oleh beberapa orang atau seorang dua untuk menghindarkan persidangan Dewan Negeri Melaka.

5.57 *ptg.*

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong anggaran belanjawan bagi Kementerian ini dan saya suka menyentuh B. 39, muka surat 289, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (5) dan (6) Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Peperangan Saraf.

Tuan Pengerusi, selain dari berbagai-bagai tindakan keselamatan bagi maksud mencegah dan menentang ancaman-ancaman pengganasan komunis dan anti-nasional, maka yang penting sekali, rasa saya Kerajaan khususnya Kementerian hendaklah melipat-gandakan kepada kegiatan projek-projek menawan hati dan jiwa rakyat untuk membantu anggota-anggota tentera dan Polis menentang anasir-anasir subversif, dan segala-gala perkara yang tidak diinginkan dan Kerajaan mestilah membuat penyelidikan pada maksud dan kaedah-kaedahnya supaya dibentang dan diberitahu secara menyeluruh kepada rakyat akan kegiatan-kegiatan mereka itu. Ikatan Rela, pada faham saya, hendaklah diperkembangkan dan diperluaskan aktiviti-aktiviti dan tidaklah seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi akan ditumpukan kepada tempat-tempat yang sensitif sahaja.

Saya rasa anggota ini dapat dan boleh menolong Kerajaan untuk membasmi kegiatan-kegiatan jahat yang meluas berlaku pada hari ini.

Tuan Pengerusi, selain dari itu Penolong Pegawai Luar mustahak ditambah lagi dan mereka ini perlu diberikan kursus dan diberi arahan yang specific supaya dapat menjalankan peranannya yang benar-benar dengan penuh dedikasi untuk dapat memikat dan menghubungi rapat rakyat dan menjalinkan salatu-rahim dan muhibbah dengan penuh kasih mesra.

Mereka ini perlu menghubungi selalu dan sentiasa merapatkan diri kepada Ketua-ketua Kampung, Penghulu-penghulu, Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan lain-lain orang-orang yang berpengaruh seperti Ketua-ketua parti, dan sebagainya dan dengan cara ini, saya rasa hubungan rapat dan pandangan baik rakyat kepada Kerajaan di samping membantu atas perkara-perkara anti-nasional dan subversif dan mencegah kegiatan kominis. Ini akan dapat berjalan dengan lebih pesat lagi dan melicinkan perjalanan atau kegiatan Angkatan Tentera dan Polis.

Tuan Pengerusi, biasanya pincang perhubungan yang menjadikan orang ramai tidak memberi kerjasama dalam masalah ini ialah kerana kurang hubungan rapat atau persefahaman baik di antara anggota keselamatan dengan orang ramai. Pada faham saya sistem muhibbah, sistem kasih mesra di antara rakyat dengan anggota Polis perlu dipergiatkan dan diperbaiki dengan seberapa baiknya supaya orang ramai dapat benar-benar memikirkan yang anggota Polis atau anggota keselamatan ini menjadikan perlindungan untuk mereka dan tidaklah seperti keadaan sekarang masih lagi ada ketakutan mereka dengan anggota-anggota keselamatan.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 40, muka surat 292, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) dan (5) berkenaan dengan kenderaan dan B. 40, muka surat 298, Pecahan-kepala 1—Balai Polis dan rumah-rumah kediaman.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Balai Polis Tanjong Karang mengenai rumah kediaman dan kekurangan tenaga Polis dan kenderaan di tempat itu. Balai dan rumah Polis di Tanjong Karang itu ialah Balai pusaka daripada penjajah dahulu sehinggalah pada hari ini keadaannya

sangat buruk dan mustahak diganti baru dan mencemaskan bagi anggota Polis yang duduk di tempat itu. Ia tidak seimbang dengan keadaan yang ada pada hari ini, kerana Tanjong Karang sudah pesat dengan pembangunan, perkembangan, dan bidang pertanian dengan sistem moden yang telah menarik perhatian orang ramai dan kunjungan orang ramai dari negeri-negeri lain hingga berhijrah ke situ dan menambahkan penduduk-penduduk Tanjong Karang lebih daripada empat kali ganda. Maka tenaga Polis masih dengan keadaan yang lama, jadi masalaah untuk mengatasi keselamatan bagi anggota yang begitu sedikit bilangannya tidak bertambah adalah menjadikan kerumitan dan ini diharaplah mendapat perhatian pihak Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dapat diatasi.

Dan begitu juga mengenai kenderaan Balai Polis ini tidak ada langsung, satu kenderaan digunakan untuk dua Balai Polis, iaitu satu di Balai Tanjong Karang, dan satu di Sekinchan dan kenderaan ini ditempatkan di Sekinchan. Kalau ada masalah yang timbul di Tanjong Karang maka terpaksa menunggu kenderaan itu datang daripada Sekinchan dan ini menjejaskan dan melemahkan kegiatan Polis di daerah itu. Begitu juga Inspector kawasan cuma ada seorang sahaja, Inspector kawasan bagi dua Balai Polis di tempat itu dan ini saya berharap mendapat satu perubahan bagi Balai Polis di Tanjong Karang pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 41, muka surat 300, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Kawalan Imigresen. Saya mendesak kepada Kementerian ini supaya dibuat kawalan ketat dan mencegah bagi tiap-tiap orang dengan tidak ada kira bulu dan pangkat dan sebagainya, mestilah diperiksa keluar dan masuk daripada negeri ini, kerana orang-orang kita bila keluar negeri, berasa malu. Orang-orang kita terpaksa diperiksa begitu ketat oleh sebab perkhbarannya yang tersibar mengatakan negara kita Malaysia, mengeksport morphine, dadah dan sebagainya dan ini menyebabkan nama kita kurang baik di luar negeri. Patut kita bersihkan dengan mengadakan kawalan ketat Imigresen di negara kita sendiri. Dengan cara ini, saya rasa lama-kelamaan, mudah-mudahan nama kita yang terjejas tadi dapat kita hapuskan.

6.07 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebanyak \$758,261,350 dan pada pendapat saya amatlah menasabah, dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh beberapa Pecahan-kepala di bawah Kepala B. 40—Polis Di Raja Malaysia; Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) muka surat 292, Bahagian Pentadbiran.

Kita semua faham kedudukan negara kita sekarang memandangkan keadaan inilah maka rakyat dan pihak Kerajaan akan bekerjasama untuk membasmi segala ancaman dari pihak anasir-anasir subversif anti-national serta fahaman kominis, supaya dapat Kerajaan Barisan Nasional menjalankan tugas untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Rancangan Malaysia Ketiga tidak dapat berjalan dengan sempurna jika ancaman-ancaman dari pihak-pihak yang saya sebutkan tadi semakin bermaharaja-lela, jadi dengan perkara ini adalah bebanan berat bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terutama sekali di pihak Polis.

Tuan Pengerusi, suka saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini nasib Polis-polis Tambahan yang mana mereka dikehendaki bertugas 24 jam. Mereka dikehendaki berkhidmat tidak kira tempat, tidak kira masa, di waktu negara ditimpa mala petaka seperti banjir, dharurat, dan juga mempertahankan negara yang kita kasihi.

Tuan Pengerusi, mereka tidak ada union, untuk membela mereka selain dari Wakil-wakil Rakyat yang mereka pilih untuk menyampaikan hasrat kesusahan dan juga isi hati mereka. Mereka ini telahpun berkhidmat lebih dari 20 tahun ataupun lebih daripada itu. Mereka hanya dapat gaji setengah daripada gaji yang diterima oleh Polis biasa.

Tuan Pengerusi, bagi anggota Polis biasa sekim gaji telah dinaikkan. Tidakkah rasa patut pihak Kerajaan ataupun Kementerian ini bercadang untuk menimbangkan perkara ini? Saya harap rayuan dari pihak Polis Tambahan ini patut diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala yang sama Kepala B. 40, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Pencegahan Jenayah.

Tuan Pengerusi, tentulah ada beberapa cara untuk mencegah jenayah ini, tetapi saya memberikan pandangan iaitu mencegah jenayah di pihak nelayan-nelayan. Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, di kawasan saya itu adalah kawasan nelayan. Saya suka mencadangkan supaya bot-bot ronda dari pihak Polis Laut diperbanyakkan rondaannya, kerana kerap kali terdapat kecurian dari pihak nelayan-nelayan dan juga pukuk-pukuk harimau kerap kali di waktu malam tidak memasang lampu menyebabkan kemalangan selalu terjadi dan menimpa kepada nelayan-nelayan kecil yang menjadi mangsa kepada pukuk harimau tadi. Perkara ini selalu berlaku di Kuala Sungai Muda, Tanjong Dawai dan juga di sebelah utara.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala P. 40, Pecahan-kepala 3200, Aktiviti (1)—Kemudahan, muka surat 299. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan Polis-polis yang bersara untuk mendapat kemudahan-kemudahan seperti Rancangan Tanah FELDA, FELCRA dan sebagainya. Buat masa ini umur yang dihadkan ialah setakat 45 tahun, patutlah ditimbangkan semula tentang umur mereka ini supaya dapat mereka yang bersara ini diberi peluang untuk mendapat tanah.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya suka cakapkan di sini ialah bagi pihak Kementerian patutlah memberi hadiah yang lebih tinggi kepada balu-balu anggota Polis yang telah terkorban memandangkan kepada pengorbanan jiwa dan masa yang tidak tertentu kerana mempertahankan negara. Mereka tidak pernah menolak apa-apa yang diberi tugas untuk mereka demi kepentingan orang ramai dan negara seluruhnya. Oleh itu saya harap pihak Kementerian akan memberi hadiah selain daripada hadiah dan pencen kepada balu dan anak-anak yatim tadi, kita adakan satu badan untuk menjaga pelajaran anak-anak mereka yang mana bapanya telah pergi untuk mempertahankan tanahair dan juga balu-balu tadi hendaklah diberi perhatian. Jadi, patutlah badan daripada pihak Kementerian ini untuk memberi bantuan kepada anak-anak tadi sehingga mereka dapat pekerjaan dan saya berharap apabila di dalam pemberian rumah-rumah murah, keutamaan

patutlah diberi kepada balu-balu tadi dan dengan cara ini dapatlah meringankan bebanan mereka, kerana pencen dan reward atau hadiah tadi tidaklah begitu banyak. Dengan ini, saya menyokong peruntukan Kementerian ini dan saya mengucapkan terima kasih.

6.14 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 40—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, muka surat 292, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Pencegahan Jenayah.

Kebanyakan rompakan bersenjata berlaku di bandar-bandar terutama di Bandar Kuala Lumpur. Walaupun rondaan Polis bertambah, tetapi kejadian rompakan tetap berlaku. Yang menyedihkan ialah bila rompakan bersenjata berlaku, orang awam yang tidak berdosa terkena tembak. Akhbar-akhbar luar negeri selalu menyiarkan berita mengenai kejadian jenayah. Ini boleh menakutkan orang luar datang melancung ke negara kita. Dengan kerana itu, ia boleh mengurangkan pendapatan negara dari segi pelancungan.

Kekuatan anggota Polis kita hendaklah sentiasa dikaji memandangkan keadaan yang berlaku di sekeliling kita. Saya ingin menekankan di sini bahawa rondaan Polis lengkap dengan senjata beserta dengan walkie-talkie hendaklah sentiasa berulang-alik dari penjur A ke penjur B, terutama di mana ada bank-bank perniagaan atau di kedai-kedai perniagaan yang besar. Bila kejadian rompakan berlaku, rondaan Polis boleh dapat dihubungi antara satu jalan dengan satu jalan yang lain. Ini saya fikir mudah mendapat tangkapan penjenayah-penjenayah itu.

Di Taiwan, rompakan bersenjata seperti ini tidak berlaku. Ini disebabkan hukuman yang dikenakan adalah berat. Siapa yang didapati bersalah oleh Mahkamah, ia akan ditembak mati.

Tuan Pengerusi, kita bukan sahaja mengkaji kedudukan kekuatan anggota Polis, tetapi juga kualiti pasukan Polis kita. Gaji anggota Polis telah dilaksanakan dan mengikut Gezet yang dikeluarkan bahawa tanggagaji Polis adalah lebih baik daripada Perkhidmatan Awam, jika dibandingkan dengan kelulusan SPM. Apabila gajinya dinaikkan, mutu perkhidmatannya mestilah

tinggi. Ini yang diharap-harapkan oleh orang ramai. Saya tidak mengatakan mutunya rendah. Sebaliknya tingkatan kecekapannya hendaklah ditinggikan, selaras dengan tanggagaji yang tinggi yang diluluskan baharu-baharu ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 292 juga, Aktiviti (4) Risiko Keselamatan.

Dalam Pasukan Keselamatan, perisik-perisik memainkan peranan utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat. Perisik-perisik kita hendaklah sentiasa cekap, pantas dan berani dalam memberikan laporan perisiknya. Ia hendaklah sentiasa mendapat maklumat-maklumat di mana-mana sahaja. Kita tengok sahaja bagaimana pemberita-pemberita akhbar memburu berita. Mereka terpaksa bekejar di mana sahaja untuk mendapatkan berita-berita. Begitu jugalah dengan perisik-perisik kita. Hadiah-hadiah untuk mendapatkan maklumat dari orang ramai, hendaklah diberi dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, sejak akhir-akhir ini sebaran propaganda komunis rancak semula. Bekas Perdana Menteri kita, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, pernah menyatakan bahawa surat-surat terbang yang beracun (poison letters) adalah kerja-kerja subversif anasir komunis. Surat-surat beracun ini hendaklah dianggap sebagai dokumen komunis. Kerajaan hendaklah berhati-hati atas perangkap yang dipasang oleh musuh-musuh kita. Musuh dari luar boleh kita hadapi, tetapi musuh dalam selimut, adalah yang paling merbahaya bagi negara. Kerajaan hendaklah mengawasi baki-baki ejen-ejen komunis meresap di kalangan kita. Sekiranya Kerajaan lambat membenteras anasir-anasir jahat ini, maka keyakinan rakyat terhadap Kerajaan akan berkurangan. Inilah yang diharap-harapkan oleh mereka.

Saya ingin mengesyorkan bahawa Kerajaan hendaklah mengambil beberapa banyak informers memerhatikan setiap gerak-geri ejen-ejen komunis, samada ia berpangkat besar ataupun kecil, dan setiap langkah hendaklah diawasi. Setiap Post Office samada di Kuala Lumpur ataupun di Petaling Jaya, atau di mana-mana sahaja, hendaklah diperhatikan. Mereka yang disyaki hendaklah ditahan dan disoal. Dengan ini Kerajaan akan dapat mengesan musuh-musuh negara yang berselindung di sebalik tabir sekarang ini. Langkah-langkah tegas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana

Menteri, Menteri Kewangan, Menteri Perusahaan Utama, dan pemimpin yang lain, saya mengucapkan syabas kepada mereka. Jalankanlah tugas negara. Rakyat adalah di belakang mereka. Kerajaan hendaklah menangkap siapa sahaja yang dianggap merbahaya yang mengancam keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, muka surat 313, Kepala Bekalan B. 44—Penjara, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Kurungan dan Pemulihan Orang Tahanan.

Orang-orang tahanan yang dihantar ke Pulau Jerjak atau di tempat-tempat lain yang seumpama dengannya, hendaklah diberi latihan yang keras. Umpamanya, mengangkat batu atau bekerja berat. Mereka hendaklah disuruh berkebun menanam sayur-sayuran. Ini lebih berfaedah dan berguna kepada Kerajaan. Hasil daripada tanaman ini boleh diberi kepada orang-orang cacat, orang-orang tua dan juga hospital. Ini dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, kerana kerja membaiki radio, alat-alat instrument, umpamanya, sungguhpun berfaedah, tetapi ia akan mendatangkan bahaya kepada Kerajaan kelak. Apabila mereka keluar, kepandaian yang diperolehi ini akan digunakan untuk kerja-kerja yang boleh merosakkan harta benda Kerajaan, umpamanya meletakkan bom jangka masa (time bomb) di bangunan-bangunan Kerajaan. Ini boleh menakutkan orang ramai. Adalah difikirkan bahawa kerja-kerja berkebun lebih berfaedah kepada negara dan menguntungkan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, muka surat 289, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Cogan kata Polis: "Sedia berkhidmat", hendaklah sentiasa diamalkan di sepanjang masa. Kerja-kerja lambat, red-tape, hendaklah diberhentikan. Misalnya, meluluskan Permit untuk memungut derma Masjid atau Balai Islam Petaling Jaya, adalah memakan masa yang lama. OCPD (Pegawai Penjaga Polis Daerah) Petaling Jaya menghantar ke CPO (Ketua Polis) Selangor. Bahagian Registry berkehendakan details yang remeh ini tidak dapat disegerakan, maka saya rasa mereka yang sengaja melambat-lambatkan kerja ini, patutlah diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

6.22 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap di bawah Kepala B. 41 Pecahan-kepala 1100—Aktiviti (2) Kawalan Imigresen. Ibu Pejabat Imigresen Kuala Lumpur bangunannya sangat usang dan terlalu sempit untuk pegawai-pegawainya bekerja di pejabat itu. Pejabat itu selalu didatangi oleh orang-orang yang hendak memohon visa dan passport dan sebagainya. Jika saya tidak salah pejabat ini ialah yang sibuk sekali dan penuh-sesak dengan orang ramai. Saya suka hendak menegesyorkan supaya satu bangunan yang baru didirikan sesuai dengan taraf sebuah Ibu Pejabat Imigresen yang mengendalikan kerja-kerja yang berkaitan dengan orang ramai bukan sahaja di dalam negara kita bahkan juga dari luar negeri.

Sekarang saya suka menyentuh Kepala B. 43 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Pendaftaran Kewarganegaraan. Tuan Pengerusi, banyak permohonan untuk sijil kerakyatan masih belum diselesaikan. Setengah-setengah permohonan telah dibuat dari tahun 1969 sampai hari ini belum dibereskan lagi. Kebanyakan daripada pemohon-pemohon ini terdiri dari orang-orang yang bekerja dan dengan sebab itu, mereka terpaksa diberhentikan kerja kerana majikan tidak sanggup menggaji mereka lagi. Saya merayu kepada Menteri supaya mengambil tindakan untuk cepat menyelesaikan permohonan ini dan janganlah membiarkan pemohon-pemohon terpaksa menunggu terlalu lama sangat.

6.25 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang pertama, saya suka bercakap di bawah Kepala B. 40 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Pencegahan Jenayah. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah menunjukkan kegiatan dan kejayaan-kejayaan yang cemerlang dalam perkara-perkara mencegah jenayah dan lain-lain kegiatan bagi membasmi berbagai-bagai soal jenayah sehingga kita terasa keredaan jenayah itu di negara kita, khususnya di bandar Kuala Lumpur ini dan di lain-lain tempat juga.

Walau bagaimanapun, saya suka membangkitkan tentang soal pengawasan keselamatan dalam kawasan saya sendiri di

mana dalam kawasan saya itu terdapat kawasan pantai yang panjang dan berhampiran pula dengan kawasan sempadan Malaysia/Thai dan kejadian jenayah dalam masa-masa yang akhir ini kerap terjadi. Demikian juga di tempat-tempat yang tertentu di dalam kawasan pilihanraya saya (Bachok), kerap berlaku pergaduhan-pergaduhan, perkelahian dan kadang-kadang rompakan. Ini semua, Tuan Pengerusi, berkehendakkan kepada kesempurnaan keadaan pasukan polis di kawasan ini seperti bilangan anggota-anggotanya, alat-alat kenderaan dan sebagainya. Maka apa yang berlaku di Bachok ini, pasukan polis yang kecil bilangannya di bawah pimpinan seorang Inspektor dan sebuah Land Rover buruk itu menyebabkan kerja-kerja kawalan keselamatan terjejas. Hal ini telahpun saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang lepas tetapi oleh sebab tidak nampak apa-apa hasil maka saya merayu sekali lagi supaya tenaga polis di Bachok ini diperbesarkan dengan dipimpin sendiri oleh seorang OCPD.

Pernah berlaku, Tuan Pengerusi, apabila Land Rover ini digunakan untuk pergi ke satu tempat kejadian jenayah dan dalam masa yang sama juga berlaku satu jenayah lain maka Inspektor ini terpaksa bekejar ke sana ke sini dengan berjalan kaki kerana menjalankan tugasnya.

Selain daripada itu, saya merayu dan memohon sebuah Pengkalan Polis Laut hendaklah ditempatkan di Bachok bagi mengawasi keselamatan nelayan-nelayan di laut yang sentiasa menghadapi ancaman dari lanun-lanun. Saya difahamkan bahawa pengkalan polis ini hanya akan diadakan di Kemaman dan di Pengkalan Kubur, Tumpat sahaja. Kalau kedua-dua tempat ini dicadangkan untuk menjaga keselamatan pantai laut Bachok juga, maka saya kira tidak praktikal kerana kedudukan kedua-dua pengkalan ini adalah berjauhan dari Bachok dan menyebabkan rakyat masih ragu-ragu atas keselamatan mereka. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya sebuah pengkalan laut di Bachok patut diwujudkan demi untuk menabuh keyakinan rakyat terhadap keselamatan.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala P. 40 Pecahan-kepala 1—Balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman. Memandangkan kepada peruntukan membangun balai polis dan rumah-rumah kediaman pada tahun

1977 ini sebanyak \$93.8 juta, di dalam kesempatan ini saya suka lah menimbulkan perkara bangunan baru balai polis Bachok yang sejak beberapa tahun yang lalu telah diluluskan dan pihak yang berkenaan serta orang ramai menunggu-nunggu untuk melihatkan bangunan baru itu. Tetapi malangnya, sehingga ini bangunan yang tersebut ini belum ujud. Saya berharap benar-benar dalam tahun 1977 ini bangunan yang tersebut itu akan dapat didirikan.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah masalah Ikatan Relawan Rakyat di bawah Pecahan-kepala 1100 muka surat 289. Peruntukan yang telah diminta di bawah Pecahan-kepala ini ialah \$1,579,680 dan jika dijumlahkan kesemuanya di bawah Pecahan-kepala yang lain ia akan berjumlah lebih daripada \$3.2 juta.

Ikatan Relawan Rakyat telah mencapai banyak kemajuan khususnya dalam tahun 1975 dari segi mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan dengan pergerakan-pergerakan kominis, subversif, anasir-anasir anti-nasional dan juga penjenayah-penjenayah. Keseluruhan maklumat-maklumat yang tersebut kita sedia maklum telahpun disalurkan kepada pihak polis, tentera, Biro Narkotik, B.S.N. dan juga jabatan-jabatan yang lain yang bersangkutan dengannya.

Memandang kepada tugas Rela yang begitu berat terutama sekali dari segi mendapat maklumat-maklumat yang tertentu maka diharapkan tugas-tugas ini akan dapat dijalankan dengan berhati-hati, sedar, cermat, cekap dan bijaksana supaya orang-orang yang diberi maklumat itu benar-benar mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan samada kegiatan mengenai anasir anti-nasional, penjenayah atau sebagainya. Yang menjadi masalahnya Tuan Pengerusi, di kampung sekarang di mana kita sedia maklum bahawa masih banyak di kalangan mereka kesedaran berfikir tidak begitu tinggi, perbalahan dan persengketaan kecil-kecil dibesarkan dan ini kerap berlaku. Hajat dan niat membalas dendam sukar dihapuskan dengan mudah. Oleh yang demikian, pemilihan anggota-anggota Relawan kita khususnya di kampung-kampung itu hendaklah benar-benar dilakukan dengan cara yang insaf, jujur, adil dan ingin melihat keselamatan dan keamanan serta keadilan dapat ditegakkan di dalam sesuatu kampung, sesebuah daerah, negeri dan seterusnya negara. Kita tidak mahu timbul

bahawa setengah-setengah daripada anggota Relawan kita menjadikan tugas mereka sebagai untuk membalas dendam dan melepaskan angin panas dan nafsu amarah di dalam keadaan-keadaan yang tertentu antara sesama mereka. Jadi, untuk mencapai matlamat Rela yang sebenarnya dan menjauhkan dari berlakunya suasana-suasana tegang di kampung di seluruh negara maka saya suka mencadangkan:

- (1) Kursus-kursus mengenai peranan Rela menjaga senjata, ugama, sivik dan disiplin hendaklah diadakan dengan kerap dan menyeluruh. Amaran dan hukuman kepada mereka terutamanya Ketua Yunit Rela yang tidak dapat mengikuti perkembangan dan kehendak-kehendak kursus hendaklah dikenakan. Semasa menjalankan kursus, hendaklah ditekankan bahawa tugas mereka adalah berat dan suci bukan kerana mencapai kepentingan diri mana-mana pihak, bahkan bertugas untuk keselamatan negara, ugama dan bangsa.
- (2) Pembahagian senjata hendaklah adil dan berhati-hati jangan terjatuh ke tangan orang-orang atau anggota-anggota tersilap pilih dan penyemakan terhadap setengah-setengah anggota dan Ketua-ketua yunit yang tertentu hendaklah dilakukan segera dengan berani, jika perlu tamatkan perkhidmatan mereka.
- (3) Pegawai-pegawai Luar Rela Daerah bersama-sama dengan penolongnya, jika ada, hendaklah sentiasa membuat lawatan mengejut ke rumah-rumah anggota yang diberi senjata untuk memastikan bahawa senjata-senjata itu disimpan di tempat-tempat yang terjamin, selamat dan tidak disalah-gunakan. Demikian juga mereka hendaklah selalu membuat lawatan ke kawasan-kawasan yang ditubuhkan Rela bagi mengetahui dari dekat apakah kegiatan-kegiatan dan peranan-peranan yang dijalankan oleh pasukan atau Yunit Rela di satu-satu tempat itu.
- (4) Bagi mana-mana kawasan yang belum ditubuhkan lagi Yunit Rela di dalam sesebuah daerah dan bagi pemilihan Ketua Yunit dan anggota-anggota Rela yang baharu hendaklah diselaraskan

di antara Pegawai-pegawai Daerah dan Penghulu, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai Luar Rela dan Polis.

- (5) Kawasan yang ditugaskan kepada sesebuah yunit hendaklah dihadkan, jangan sekali-kali misalnya, sesebuah Yunit A datang membuat rondaan atau kawalan ke kawasan di bawah jagaan Yunit B atau C jika ini berlaku terutama sekali di kampung-kampung, maka rasa tidak puas hati di kalangan mereka akan timbul dan berakhir dengan pergaduhan demi pergaduhan, kecualilah kawalan bersama bolehlah dibuat sekali-sekala dengan tujuan supaya menyatu dan memupuk perpaduan bagi meramaikan bilangan mereka yang boleh ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang sensitif. Inipun mestilah lebih dahulu dirunding dan diberi maklumat kepada pihak-pihak yang berkenaan.
- (6) Pemilihan atau perlantikan pegawai luar dan penolong-penolongnya hendaklah diasaskan kepada peribadi, ugama, pentadbiran yang cekap dan menyesuaikan diri dengan masyarakat. Kita dapati setengah-setengah daripada pegawai luar yang ada sekarang kurang cekap dalam pentadbiran dan kurang mendapat bantuan dan kerjasama dari orang ramai.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

6.37 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berjumlah sebanyak \$758,261,350 saya suka menyentuh Kepala B. 39, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Aktiviti (2) Keselamatan Sempadan dan Aktiviti (3) keselamatan Negeri-negeri.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kepada seluruh pegawai dan anggota Pasukan Keselamatan yang telah menunjukkan sesuatu tugas yang penuh dedikasi dan berani dengan tidak mengira nyawanya sendiri dalam mengawal tanahair terutama sekali di sempadan. Kita telah melihat betapa cekapnya perajurit dan Pasukan Keselamatan kita di sana sehingga kita mengalami satu peristiwa di

Betong di mana satu tunjuk perasaan dan penarikan Polis Hutan kita keluar dengan rasa penuh bertanggungjawab bagi menjaga perasaan harmoni di antara dua buah negara iaitu Malaysia dan Thai walaupun dengan perasaan sedih. Kita telah bertolak ansur dengan menarik Pasukan Keselamatan kita keluar. Dan dengan keluarnya Pasukan Keselamatan, kita nampak pada waktu yang akhir ini, kita mengawal lebih rapi di sempadan Betong dan hari ini baharu kita melihat bahawa rakyat di sana baharulah menghormati bagaimana kejujuran pasukan atau Kerajaan kita terhadap keselamatan negara.

Kita tahu waktu penarikan Pasukan Keselamatan perhubungan antara kita dengan Thai dari segi keselamatan sempadan tidak begitu baik sedikit, ini diakui oleh kedua belah pihak, tetapi kita mengerti dalam mengawal negara, kita tidak boleh bertolak ansur dengan anasir-anasir komunis. Kita tahu demonstrasi yang berlaku itu adalah harus dibelakangnya ada anasir-anasir komunis yang tidak suka melihat bagaimana kecekapan, keberanian dan ketegasan Pasukan Keselamatan kita menghadapi ancaman-ancaman komunis, pada hal dengan adanya Pasukan Keselamatan kita di sana ialah untuk memelihara negeri itu sendiri, tempat itu sendiri. Apabila kita berundur dan menjalankan kawalan yang lebih ketat, kawalan yang lebih cekap, baharulah mereka itu terasa bahawa mereka gelisah, mereka berkata susah hendak cari makan, sebagaimana yang kita dengar berita pengaduan daripada setengah pembawa-pembawa teksi dan bas yang hendak masuk ke sempadan Malaysia. Apa dahulu mereka tidak mengerti begitu timbang rasa Malaysia terhadap rakyat di sana sehingga sanggup mereka buat demonstrasi menolak Pasukan Keselamatan kita balik. Dengan ini saya minta bahawa Kementerian ini memberi arahan yang lebih tegas kepada Pasukan Keselamatan kita di sempadan, jangan sedikitpun bertolak ansur dengan anasir-anasir komunis. Kita nampak mereka merayu sekarang untuk melonggarkan permit teksi, melonggarkan ansuran bas dan lori hendak masuk ke Malaysia, ini merupakan satu tipu helah komunis. Orang-orang yang semacam ini sanggup tunduk, sujud kalau mereka fikir ini boleh mencapai hasrat mereka, dan jangan kita tertipu dengan masalaah itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Beberapa kali dalam Dewan ini Ahli-ahli Parlimen merayu di Dewan yang mulia ini dari dahulu lagi iaitu tiap-tiap kenderaan yang hendak masuk ke Malaysia mestilah diliputi oleh insuran kereta, tetapi selama ini nampaknya Malaysia terlampau berlembut—terlampau bertimbang rasa. Kita mengerti masalaah bertimbang rasa, tetapi dalam bertimbang rasa kepada orang lain kita juga ada maruah. Kita tidak mahu orang memandang bahawa maruah kita begitu rendah dengan sebab kita sentiasa bertolak ansur kepada mereka, fikirkan apa orang lain kata sehingga kita membiarkan mereka bergerak dengan tidak ada insuran kereta yang berjalan di atas jalanraya tanahair kita dan sekarang kita nampak Kerajaan sudah perketat dan hendaknya janganlah dilonggarkan sekiranya mereka tidak mengikut syarat-syarat kenderaan itu. Kita tidak mahu pujuk rayu, pelemah mereka, minta kesihan, dengan sebab itu maka kita akan bertolak ansur membenarkan mereka melanggar undang-undang jalanraya.

Waktu mereka menghalau Pasukan Keselamatan kita keluar, mereka tidak fikir bahawa mereka akan susah, mereka menyangkakan bahawa dengan keluarnya askar kita anasir komunis akan boleh bermaharaja-lela, padahal negara Thai sendiri tidak terkawal dan minta pula bantuan daripada Malaysia. Dengan adanya Perdana Menteri Thai yang baru, dapatlah berunding dengan Perdana Menteri kita. Alhamdulillah, baru-baru ini dapat satu saling mengerti bagi bersama-sama hendak memperketatkan kawalan di sempadan. Kita tidak mahu menggugat perbincangan di antara dua Perdana Menteri tetapi kita mahu bahawa kita jangan tersilap dua kali, jangan pisang berbuah dua kali dalam bidang keselamatan sempadan. Mereka hanya merayu kepada kita minta kerjasama waktu mereka dalam kesusahan, tetapi apabila mereka dalam kesenangan, mereka sudah memandang bahawa Pasukan Keselamatan kita di sempadan kononnya hendak mengganggu tanahair mereka, hendak mencampuri keselamatan mereka dan mereka sanggup menolak Pasukan Keselamatan kita balik. Kita tahu suasana di sana panas dan apabila merasa begitu panas maka mereka telah mengajak kita berunding dan dalam tolak ansur ini, kita mengucapkan tahniah kepada Perdana

Menteri kita yang telah bertegas dapat meyakinkan Kerajaan Thai bahawa peranan Pasukan Keselamatan Malaysia tidak ada tolok bandingnya dari segi kesetiaan, dari segi dedikasi dan dengan sebab itu kominis tidak dapat berganjak masuk ke negara kita walau berapa banyak orang-orang kita telah terkorban.

Kita tidak mahu dipandang sebagai negara yang tidak bertimbang rasa kepada jiran. Kita cukup bertimbang rasa, kita boleh bertolak ansur, sama-sama mengerti, rakyat di sempadan itu hendak mencari makan, tetapi saya ingatkan lagi sekali bahawa, dalam timbang-rasa kita, tolak ansur kita, kita tidak mahu maruah kita tergugat, maruah kita dipandang begitu rendah. Saya minta Pasukan Keselamatan kita di sana dilengkapi dengan senjata yang paling moden, pergilah melihat di Amerika, di Eropah, apakah senjata ringan yang paling moden di dunia hari ini, beli sekurang-kurangnya untuk 5,000 orang Pasukan Keselamatan kita di sempadan. Kalau tidak boleh dilengkapi semua pun, sekurang-kurangnya 2,000 atau 5,000 orang Pasukan Keselamatan kita di sempadan lengkap dengan senjata yang paling moden. Kita tidak mahu askar kita mati dengan begitu sahaja dengan sebab senjata kita sudah lapuk. Kita mahu setitik darah perajurit kita tumpah, mesti ada pembalasan. Inilah yang saya minta bertegas, sebab dengan kominis sama sekali tidak boleh bertolak ansur walaupun mereka merayu minta makan, mereka merayu minta kasihan, dan mereka merayu minta cari makan di Malaysia, saya minta Kerajaan kita memandang ini satu perkara yang sangat stratiji dan ini tergantung untung nasib kita. Kalau sekiranya sempadan kita terdedah, maka kita akan tahu apa akan jadi kepada nasib rakyat kita pada masa akan datang.

Menyentuh berkenaan dengan Tambahan Kos Kakitangan, Pecahan-kepala 1300—Polis Di Raja Malaysia, muka surat 293, saya mengalu-alukan ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan Kerajaan sedang hendak mengambil orang baru, menambah kekuatan Pasukan Polis Di Raja Malaysia kita. Saya harap ini bukan satu perkara yang diakui di sini sahaja tetapi hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang boleh, sebab kita terasa sangat bagaimana kekurangan Polis kita. Dengan sebab kekurangan ini, kita terasa benar hampir-hampir nyawa Polis kita tidak selamat

apabila mereka meronda hanya dengan satu orang sahaja. Mereka tidak ada berteman. Kita tahu berapa banyak sudah, dan baru-baru ini lagi anggota Polis kita dibunuh dengan sebab meronda seorang diri. Sebaik-baiknya Polis meronda terutama kawasan-kawasan yang sensitif atau kawasan-kawasan yang merbahaya, mestilah diberi kawan sekurang-kurangnya dua orang. Apabila dia pergi keseorangan walau bagaimana hebat senjata pun kita lengkapkan kepada dia, berapa berani sekalipun nyawa dia terancam dan tidak dapat pembalasan, tetapi kalau dia berdua, sekurang-kurangnya dapat membela terutama sekali di kawasan-kawasan yang kita tahu di sana banyak gangster, anasir-anasir kominis dan lain-lain. Kementerian hendak letak dua orang, tentulah tidak ada cukup kakitangan, dengan sebab itu tolonglah segerakan dalam pengambilan kakitangan Polis yang baru.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya tidak sedap sangat mendengarnya bahawa Kerajaan menyalahgunakan undang-undang dalam menjalankan keselamatan negara. Saya tidak mengerti apakah yang dikatakan menyalahi undang-undang dan bagaimana pula yang dikatakan Kerajaan menjalankan undang-undang. Adakah Kerajaan membiarkan anasir-anasir subversif bermaharaja-lela, pembunuhan tidak dapat dibalas, perosak-perosak negara dibiarkan, anasir subversif bermaharaja-lela, maka itu bererti Kerajaan sudah menjalankan undang-undang? Dan apabila Kerajaan menangkap anasir subversif, Kerajaan menangkap anasir kominis, Kerajaan membuat hukuman yang ketat, membuat penyiasatan, maka itu Kerajaan menyalahgunakan undang-undang? Mereka hanya memandang dua anggota D.A.P. yang ditangkap. Apa dia tidak memandang orang lain yang ditangkap? Apa dia tidak memandang askar kita yang mati katak di tengah jalan dibunuh oleh anasir-anasir yang jahat maka itupun Kerajaan tidak boleh menjalankan undang-undang? Inilah yang saya fikirkan, yang saya nampak bahawa Ahli Pembangkang itu hanya memikirkan kepentingan diri dan partinya sendiri sahaja, tidak pernah mereka menyuarakan dalam Parlimen ini untuk kepentingan negara, untuk kepentingan dan keselamatan umum pada hal sebagai seorang Ahli Parlimen, dia bertanggungjawab kepada keselamatan negara. Dia sendiri mengerti orang

yang ditangkap di bawah I.S.A. ini disiasat dalam masa 62 hari dan dia sendiri mengerti bahawa dia pernah mengalami begitu. Apa yang dia bimbang dengan penangkapan yang ada sekarang? Kerajaan hendak siasat, Kerajaan boleh tangkap anasir-anasir yang disyakinnya untuk disiasat, bukan untuk dihukum dengan tidak dibicarakan—disiasat, apa aktiviti, ke mana dia bergaul, siapa yang dihubungi. Kerajaan tidak pernah menangkap orang yang bercakap dalam Parlimen ini dengan lantang suaranya walaupun oleh pihak Pembangkang tetapi sebaliknya Ahli dari Kota Melaka itu masih mengatakan Kerajaan menangkap kononnya Kerajaan takut kepada suara-suara Pembangkang yang lantang, mengeluarkan rahsia ketua-ketua, pemimpin-pemimpin UMNO dan sebagainya. Kerajaan tidak takut itu sama sekali. Kita tahu Kerajaan kita berdasarkan demokrasi dan Dewan ini ialah sebuah Dewan yang mulia dan penuh demokrasi. Kita tahu dia sudah bercakap dengan cukup lantang dan Kerajaan tidak pernah menangkap beliau dengan sebab bercakap dalam Parlimen, tetapi Kerajaan akan menangkap sesiapa sahaja yang akan mengancam keselamatan negara. Inilah yang saya minta Ahli dari Kota Melaka itu faham, apa sebab Kerajaan menangkap beberapa orang yang berkenaan baru-baru ini dan itu bukannya suatu kezaliman Kerajaan, bukan suatu ketidakadilan Kerajaan, tetapi itu adalah untuk menyelamatkan negara daripada tuduhan bahawa Kerajaan ini tidak tegas.

Banyak rakyat yang sudah bersungut kerana ada anasir-anasir subversif di luar yang telah membuat sesuatu hasutan yang mengelirukan, bercakap hal-hal yang mengelirukan, melaga-lagakan pemimpin, melaga-lagakan rakyat. Kerajaan patut siasat perkara itu dan Kerajaan sudah berbuat demikian. Adakah itu merupakan bahawa Kerajaan tidak adil? Inilah yang saya sangat kesal dengan apa yang dicakapkan oleh Ahli dari Kota Melaka dalam membahaskan hal keselamatan negara kita. Yang sepatutnya difikirkan hari ini ialah keselamatan negara kita. Apa jadi kalau negara kita ini diancam oleh kominis begitu teruk, apa jadi kalau sekiranya negara kita ditakluk oleh kominis. Apa, Ahli dari Kota Melaka boleh senang peluk tubuh sekiranya negara ini ditakluk oleh kominis? Ini yang patut dibicarakan. Hanya dia berpura-pura menuduh pemimpin-pemimpin UMNO yang menjalankan per-

niagaan dengan menggunakan bantuan Bank Russia. Apa orang yang menggunakan Bank Russia atau sesiapa juga menggunakan Bank of China bahawa orang itu kominis. Ini cuma tuduhan yang melulu yang tidak berasas. Sekarang Kerajaan kita berniaga dengan Russia. Walaupun banyak getah kita jual ke Russia, walaupun banyak getah yang kita jual ke negeri China, apakah kita kominis? Dan sudah berapa banyak peniaga-peniaga kita melawat negara-negara kominis. Apakah mereka sudah jadi ahli kominis? Yang kita hendak jagakan sekarang ialah anasir-anasir yang hendak merosakkan negara ini, yang menzalimi rakyat, yang hendak menumbangkan Kerajaan kita, yang melakukan kekerasan bersenjata. Ini anasir yang kita hendak kawal. Bukan dengan sebab orang berniaga. Berapa banyak orang China yang berniaga dengan Bank of China, berapa banyak orang China yang berniaga dengan Singapura, berapa banyak orang China yang pergi melawat ke China, tetapi orang itu apabila balik ke sini kita tidak tangkap. Inilah yang saya minta Ahli dari Kota Melaka itu supaya faham dan mengerti bahawa masaalah negara mengatasi segala-galanya.

Saya suka juga memberi tahniah kepada Kementerian ini yang telah menimbang dengan penuh walaupun mengalami beberapa kesulitan tentang kenaikan tanggagaji Pasukan Polis yang telah dapat diselesaikan dan saya harap perkara ini dapat dibayar ataupun dijalankan dengan seberapa segera, sebab banyak lagi anggota Polis yang bersungut mereka belum dapat tanggagaji yang baru dan menimbang balik peralihan (conversion) itu yang tidak puashati. Ini adalah satu langkah yang baik kerana kalau sekiranya Pasukan Polis kita bekerja dengan perasaan yang tidak puashati, maka kita tahu apa akibatnya. Untuk menyelesaikan masaalah ini, pihak Kementerian telah bertindak dengan begitu rupa dan saya harap perkara ini dapat memuaskan hati pihak anggota-anggota Polis Di Raja kita.

Mengenai Imigeresen, saya hendak sebut sedikit. Kita tahu Imigeresen ialah satu daripada jabatan yang sangat terdedah kepada anasir-anasir yang cuba hendak merosakkan negara. Yang pertama sekali kemasukan secara haram. Yang kedua, terdedah kepada rasuah. Banyak kita baca dan kita dengar

pegawai Imigresen ditangkap kerana rasuah, melepaskan paspot, mengelirukan paspot, meluluskan paspot yang tidak boleh diluluskan. Saya minta kepada pegawai Imigresen segala keturunan, bertugasilah seperti saudara-saudara mengawal negara sendiri walau daripada keturunan China, walau daripada keturunan India, walau daripada keturunan Melayu. Saya suka bercakap terus terang di sini, janganlah hendaknya seorang pegawai Imigresen keturunan China cuba hendak meluluskan paspot kepada seorang yang haram hendak masuk daripada keturunan China. Apa jadi negara kita kalau begini. Begitu juga kalau seorang keturunan India yang cuba mengelirukan paspot orang India yang hendak ke mari. Apa jadi negeri ini? Ke manakah taat-setia itu? Ke mana taat-setia pegawai itu kepada Kerajaan Malaysiakah atau kepada seorang rakan yang di luar hendak masuk ke mari? Saya minta Ketua Pengarah Imigresen tolong mengambil tindakan ini dengan lebih tegas dan saya berharap bekerja dengan penuh semangat, bukan kita bekerja makan gaji dan kalau boleh kita hendak mengelirukan Kerajaan yang ada hari ini supaya lebih susah dan lebih rumit lagi kerana kalau setiap pegawai bekerja dengan keliru seperti itu, Polis tidak tertangkap dan B.S.N. tidak dapat diselesaikan masaalah ini. Yang boleh selesai ialah setiap pegawai bekerja dengan penuh dedikasi dan taat-setia.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Embong bin Yahya: Sudah habis.

Akhir sekali saya suka menyentuh berkenaan dengan Pasukan RELA sedikit iaitu kalau boleh berilah peluang kepada anggota Pasukan RELA ini, di antara berpuluh-puluh ribu itu tentu ada yang baik. Kalau ada yang baik itu berilah peluang mereka menjadi Polis Hutan yang mungkin dapat makan gaji, dapat bayaran sedikit ataupun kita pindahkan dia kepada Polis biasa atau kepada Pasukan Keselamatan supaya boleh bekerja sedikit. Janganlah dibiarkan mereka itu menjadi RELA sepanjang-panjang hayat mereka di kampung. Mana yang muda, yang baik, yang berpelajaran sedikit, yang cergas, boleh pilih dipindahkan mereka kepada pasukan yang boleh diterima dan dibayar gaji supaya dapat kita membantu lagi Pasukan Polis ataupun apabila memilih Polis yang baru akan datang

ini, cuba utamakan anggota-anggota RELA yang muda-muda yang berbakat, orang-orang itu dahulu dijadikan Polis, letak di kampung supaya mereka dapat sedikit faedah dan lebih bersemangat bekerja untuk negara.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya bercadang hendak jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab selewat-lewatnya pukul 7.15 dan kalau lebih awal lagi baik.

6.58 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membangkitkan dua tiga perkara yang saya anggap adalah penting di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang pertama, saya merujuk kepada Kepala B. 43, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Pendaftaran Kewarganegaraan. Atas perkara ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada tidak puashati mengenai cara yang mana permohonan kewarganegaraan secara masukkan (naturalization) atau di bawah Akta 19 Perlembagaan diproses oleh Menteriannya.

Tuan Pengerusi, suasana tidak puashati berlaku oleh sebab kelewatan daripada Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji dan membuat satu keputusan terhadap tiap-tiap permohonan kerakyatan di bawah Borang G yang disampaikan kepadanya. Mengikut proses permintaan kewarganegaraan dengan cara masukkan sekarang tiap-tiap permohonan mengkehendaki kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri sungguhpun sipemohon telah lulus Ujian Bahasa. Pada masa sekarang permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Borang G atau dengan cara masukkan bukan sahaja dikehendaki menunggu keputusan permohonan mereka dalam masa beberapa bulan, tetapi sehingga beberapa tahun. Kebanyakan permohonan-permohonan ini telah menunggu tiga hingga lima tahun tetapi belum mendapat kedudukan permohonan mereka samada diluluskan atau ditolak. Ini semua berpunca daripada kelewatan Yang Berhormat Menteri untuk membuat satu-satu keputusan. Adalah didakwa bahawa pada masa ini tidak kurang daripada 10,000 permohonan kerakyatan masih belum dibereskan dan angka ini termasuk beberapa permohonan yang telah dikemukakan sejak lima tahun yang lalu.

Akan tetapi, kelambatan yang terlampau untuk memproses permintaan kerakyatan akan menyebabkan kesulitan-kesulitan dan kesukaran-kesukaran kepada pemohon-pemohon itu kerana dua sebab. Yang pertama, pada masa permohonan mereka di dalam pertimbangan dokumen-dokumen penting mereka seperti surat beranak, paspot dan surat-surat perjalanan adalah disimpan oleh Pejabat Pendaftaran. Penyimpanan dokumen-dokumen itu bagi tempoh yang lama boleh menjadi halangan bagi pemohon-pemohon menguruskan lain-lain perkara peribadinya.

Yang kedua, kebanyakan daripada pemohon-pemohon itu adalah orang-orang yang tidak dapat pekerjaan dan kelambatan itu akan melanjutkan tempoh pengangguran mereka dan seterusnya membawa kesusahan dan kekecewaan kepada mereka dan dengan itu mungkin akan menjauhkan Kerajaan daripada kesetiaan beberapa orang bakal warganegara yang baik dan berguna, dan dengan itu menentang akan dasar Kerajaan bagi menawan hati dan perasaan penduduk-penduduk negara ini. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membetulkan keadaan ini. Saya suka menyatakan di sini bahawa kebanyakan pemohon-pemohon kewarganegaraan ini tidak ada tempat lain yang mereka hendak pergi, melainkan hidup dan mati di negara ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan permohonan sijil kerakyatan di bawah peraturan pendaftaran atau registration seperti di bawah Akta 16 Perlembagaan iaitu Borang E. Saya juga berharap bahawa Jabatan Pendaftaran akan mencari jalan-jalan atau cara-cara untuk mempercepatkan kelulusan permohonan tersebut. Sehingga hari ini saya masih menerima pengaduan-pengaduan bahawa sipemohon kerakyatan dan di bawah Akta 16 Perlembagaan belum mendapat tahu kedudukan permohonan mereka sungguhpun mereka telah lulus ujian bahasa lapan bulan atau satu tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara B. 43, Aktiviti (3) Pendaftaran Beranak. Tuan Pengerusi, mengenai permohonan untuk membetulkan butir-butir di dalam sijil beranak, saya ingin mencadangkan satu kelonggaran ke atas syarat yang ujud sekarang mengenai kelulusan

permohonan untuk pembetulan butir-butir di dalam sijil-sijil beranak. Banyak daripada jenis-jenis pemohon ini memerlukan sijil-sijil beranak untuk memohon sijil kewarganegaraan. Oleh yang demikian, Jabatan yang berkenaan patut menolong menentukan bahawa kesilapan-kesilapan dan keganjilan di dalam surat beranak itu tidak menghalang permohonan kerakyatan.

Mengenai permohonan-permohonan pendaftaran lewat untuk mendapatkan sijil beranak adalah sangat penting. Pejabat Pendaftaran Negara patutlah mengambil sikap yang liberal dan longgar dalam menguruskan permohonan-permohonan ini. Sekiranya Jabatan ini mengambil sikap yang ketat akan menimbulkan banyak kesusahan kepada mereka untuk membetulkan sijil beranak mereka.

Tuan Pengerusi, kebanyakan pemohon-pemohon ini telah dilahirkan semasa penjajahan Jepun dan mereka telah hilang surat-surat beranak mereka dan tidak dapat dicari bagi tujuan memohon kerakyatan. Oleh kerana itu, mereka dipaksa memohon pendaftaran lewat mengenai kelahiran mereka. Dengan ini saya berharap Jabatan berkenaan akan bersikap liberal dan longgar supaya boleh membantu orang-orang yang berkenaan membetulkan sijil beranak mereka.

Selain dari itu, saya ingin merujuk sedikit kepada perkara Aktiviti (2) Pendaftaran Kad Pengenalan. Bersabit dengan pendaftaran kad pengenalan ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kepada kesusahan yang dihadapi oleh pemegang kad pengenalan berwarna coklat yang ingin memohon untuk menukar kad pengenalan mereka kepada kad biru. Apa yang saya mengetahui ramai pemegang kad pengenalan coklat tidak berjaya mengembalikan kad-kad mereka ke kad-kad biru sungguhpun mereka tidak lagi mengganggu atau tidak dianggap sebagai orang-orang yang akan mengancam keselamatan negara. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil perhatian berat atas perkara ini dan akan bertindak untuk memberi satu peluang kepada mereka yang memegang kad coklat untuk mendapat balik kad-kad biru itu asal sahaja pihak Polis berasa puashati bahawa mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara, supaya mereka boleh membuktikan bahawa mereka berazam untuk menjadi warganegara yang baik, yang positif dan berguna.

Akhirnya, saya ingin merujuk sedikit mengenai Aktiviti 4, Kepala B. 39 mengenai Tapisan Filem dan Penerbitan. Mengenai perkara ini izinkan saya menyentuh taraf penapisan filem di sini yang mana adalah sangat mundur dan tidak berfaedah dalam ertikata yang sebenarnya berbanding dengan tujuan asal yang Lembaga ini ditubuhkan. Kerap kali filem-filem yang disalurkan melalui Lembaga ini telah dipotong (censor) dengan teroknya sehingga kesatu peringkat dengan mana filem-filem itu menjadi keratan-keratan cerita yang terputus atau hilang kaitan antara satu babak dengan satu babak yang seterusnya yang mana menyebabkan pihak penonton tidak dapat memahami persembahan cerita itu pada keseluruhannya. Ramai orang-orang awam kerap kali menulis surat-surat kepada penyunting-penyunting suratkhbar mengadu masalah penapisan filem yang tidak menasabah dan tidak memberi makna yang dilakukan oleh pihak Lembaga tersebut. Sekiranya Timbalan Menteri sudi menyiasat atas perkara ini maka saya yakin beliau akan menemui kebenaran atas yang saya katakan itu. Aduan-aduan juga telah dicurahkan kepada saya yang mengatakan terlalu banyak redtape atau kelambatan memproses untuk mendapatkan kelulusan ke atas filem-filem yang diimpot terutama sekali berkaitan dengan gambar-gambar, foto-foto berupa bahan publisiti untuk dipamirkan dipanggung-panggung mereka. Sebagai contoh dalam bulan September tahun ini Jabatan Penapisan Filem mengeluarkan surat-surat Pekeliling kepada semua pengusaha-pengusaha panggung wayang dengan tujuan menarik perhatian mereka kepada syarat baru ketika menyampaikan filem-filem serta keping-keping gambar atau foto untuk pertimbangan dan kelulusan mereka. Peraturan baru ini berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1976 telah menyaratkan supaya setiap helai gambar itu mestilah menunjukkan tanda pengenalan itu di sebelah belakang gambar itu lebih-lebih lagi gambar itu mestilah disusun mengikut ukuran dan mesti pula mengikut borang-borang tertentu sebelum barang-barang itu boleh dihantar kepada Lembaga untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan. Nyata sekali peraturan ini telah menimbulkan banyak kerumitan dan menambah beban kerja yang cerewet dan tidak menyenangkan, bukan sahaja kepada pihak pengusaha panggung wayang bahkan juga pihak Lembaga. Di negara-negara lain saya difahamkan bahawa peraturan seperti

ini tidak berlaku. Malahan kesemua sistem memproses kelulusan itu boleh dipermudahkan untuk kesenangan semua pihak.

Menyentuh masaalah Lembaga ini dari segi kakitangan, suka saya menekankan di sini bahawa untuk membolehkan Lembaga ini supaya dapat bergerak dengan lebih berkesan, maka semua pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang luas dan cukup terlatih diambil kerja dalam Lembaga ini. Kepercayaan orang ramai mengenai pekerja-pekerja Lembaga ini mestilah dipelihara supaya dapat menyakinkan mereka bahawa pengambilan pegawai-pegawai tersebut adalah berasas kepada kelayakan dan pengalaman yang cukup.

Saya suka mengambil peluang di sini bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu berapa banyakkah filem-filem yang telah diharamkan sejak tahun 1976 ini dan berapa banyak pula filem-filem yang telah diharamkan itu diluluskan pula oleh pihak Bahagian Rayuan Lembaga itu dalam tempoh masa yang sama.

Saya harap bahawa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu penjelasan atas perkara ini.

7.10 mlm.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, lebih dulu bagi pihak Yang Berhormat Menteri saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada teguran-teguran dan juga lebih-lebih lagi kata-kata yang baik itu dapat meninggikan lagi moral pihak anggota pujian-pujian yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian ini, anggota kita dalam Kementerian ini, khasnya pihak Polis Di Raja Malaysia di dalam bidang mereka menjalankan tugas sehari-hari. Almaklum tugas mereka itu diperlukan dari satu masa ke satu masa dengan tidak mengira panas atau hujan dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tidak hendak menjawab cara detil kerana perkara-perkara yang dikemukakan itu banyak telah diberi jawapan dalam Soalan Bertulis ataupun Soalan Mulut dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab dan memberi penerangan serba-sedikit berhubung dengan mauduk, kepala-kepala atau tajuk yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya berterimakasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah memberikan ataupun menjawab hujjah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dalam pada itu, sukalah saya hendak menambah sedikit kepada Ahli dari Kota Melaka berhubung dengan tuduhannya, beliau berkata, Kerajaan kita menyalahgunakan undang-undang dan juga menangkap Ahli-ahli Parlimen daripada partinya, kononnya, kita takut kepada Ahli-ahli Pembangkang dan menggunakan kuasa untuk menghapuskan mereka, dan beliau juga berkata, dia jamin orang-orang dia elok. Tetapi saya suka mengatakan begini seperti kata pepatah Melayu; Siapakah yang hendak mengakui tahinya apabila berak ditepi jalan.

Jadi bagi Kementerian ini undang-undang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat ini, maka tugas Kementerian ini menjalankan undang-undang itu. Berhubung dengan soal tangkapan, pihak Polis diberi kuasa untuk menyoal mengikut undang-undang yang diberi kepada mereka, mendapatkan maklumat dalam masa dua bulan dan selepas itu jika didapati mereka itu ada bukti-bukti menentang ataupun menimbulkan mudharat kepada keselamatan mereka boleh ditahan lagi dengan syarat dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, tuduhan beliau yang kita takut kepada Pembangkang itu, barangkali ini perkara selalu dikemukakan dan tiap-tiap kali beliau bangun dalam soal keselamatan ini atau Kementerian ini itulah perkara yang dikemukakannya. Kalaupun pihak Kerajaan hendak menghapuskan pihak Pembangkang, barangkali sudah lama hapus, tetapi kita tahu mereka itu duduk di sini kerana adanya Kerajaan kita memberi keadilan dan mengakui Perlembagaan kita. Beliau juga mengatakan kita dengan sewenang-wenang menggunakan untuk menekan parti-parti Pembangkang. Kalau kita ingatkan kepada beberapa tahun dahulu peristiwa 13 Mei, 1969 di waktu itu tidak ada kuasa yang lebih besar yang diberi kepada Kerajaan kita berkuasa mutlak, tetapi untuk membolehkan kuasa itu diberi kepada rakyat, Parlimen diberikan semula. Dan ini satu tanda menunjukkan Kerajaan kita bukan gila kuasa dan kebolehan kita memulehkan undang-undang waktu itu, tahun 1969 berbalik kepada Dewan, satu rekod yang tidak dapat dicari dalam mana-mana negara. Setengah negara suka kepada kuasa yang begitu besar, tetapi kita di sini, daripada kuasa yang begitu besar, diserahkan kepada rakyat dan rekod ini jelas menunjukkan

kepada seluruh rakyat di negara ini dan juga di dunia bahawa Kerajaan kita sentiasa mengakui keadilan rakyat dan berpegang kepada undang-undang negara, kita yang ada dalam Perlembagaan, dan juga yang dijalankan oleh kita sehari-hari, tidak pernah Kerajaan kita menggunakan undang-undang itu sewenang-wenangnya mengikut hati atau kehendak Kerajaan sendiri.

Berbalik kepada soal tangkapan. Soal tangkapan ini, seseorang yang ditangkap sebagaimana saya kata tadi mengikut undang-undang dan bukan ahli parti DAP sahaja kita tangkap, ahli parti lain pun ditangkap juga, orang parti kami pun ditangkap juga. Dan ini menunjukkan pihak Kerajaan tidak memilih bulu, apabila seseorang itu diragukan dibimbangkan, melanggar undang-undang, maka undang-undanglah yang akan digunakan untuk mengadili mereka itu. Jadi tidaklah saya fikir kena atau suka saya hendak melayan beliau itu dengan panjang kerana tuduhan itu tiap-tiap kali Dewan bersidang, tiap-tiap kali Kementerian ini mengemukakan belanjawanya, soal itu juga yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Saya kata kalau kita layan juga mereka yang begitu rupa maka kita pun seperti dia juga gilanya.

Dalam beberapa perkara yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, umpamanya, soal keselamatan negara, soal jenayah, soal mutu polis kita dan semua itu berpunca ataupun berbalik kepada soal asal iaitu kekurangan anggota-anggota polis kita yang ada di negara kita ini. Untuk memberikan keselisaan ataupun coverage keselamatan yang begitu pesat kepada rakyat, maka perlulah kita mengadakan kakitangan yang cukup walau bagaimanapun, seperti yang saya jawab dalam Dewan ini dalam Soal Mulut beberapa kali kita akan menambah, dalam ucapan saya tadi sudah saya sebut, tetapi tak dapat kita tambah polis itu sekali gus. Target kita hendak mengambil 27,000 orang dalam masa 5 tahun akan datang. Kalau kita ambil sekali gus, problemnya ialah soal melatih mereka itu. Kita memerlukan jumlah yang besar ini, ketua-ketua yang terlatih dan pegawai-pegawai yang terlatih dan yang lebih penting sekali kalau kita ambil 27,000 sekali gus dalam tahun ini apabila sampai waktu mereka hendak pensen, maka kesemuanya juga sekali pensen. Jadi itulah sebab kita atur pengambilan mereka ini mengikut jadual-jadual tertentu membolehkan

bukan sahaja memberi latihan yang sesuai pada mereka, tetapi juga tidak akan menimbulkan kerumitan di masa yang akan datang.

Soal RELA. Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat memuji dan juga mengesyorkan beberapa perkara berhubung dengan RELA ini. Yang sebenarnya, Yang Berhormat Menteri telahpun mengarahkan saya sendiri supaya struktur RELA ini disusun semula di tahun akan datang. Masaalah yang besar yang kita hadap hari ini, ramai anggota RELA ada di satu-satu daerah, tetapi pegawai luar yang hendak menjaga mereka itu tidak ramai. Maka itulah di waktu akhir ini kita sedang melatih dalam satu-satu daerah itu dihendaki sekurang-kurangnya satu pelatun, 33 orang diberi latihan yang secukupnya, sekurang-kurangnya selama dua minggu latihan intensif, supaya 33 orang itu dapat mengelolakan jumlah ahli RELA yang beribu-ribu dalam satu daerah itu. Jadi dengan cara demikian dapatlah kita mengadakan saluran daripada atas sampai ke bawah dan daripada bawah sampai ke atas supaya information daripada peringkat bawah dapat disalurkan kepada pihak berkuasa dan tindakan yang sewajarnya diambil dalam masa yang singkat. Jadi dengan adanya struktur yang baru diharapkan pentadbiran RELA daripada Pusat sampai ke Negeri dan sampai ke peringkat daerah dapat efektif lagi daripada masa lalu. Pihak Kerajaan memang mengakui usaha dan pengorbanan mereka ini terlalu banyak kepada negara terutama di kawasan sempadan dan maka itulah pemberian senjata diutamakan kepada kawasan sempadan dan kawasan sensitif. Jadi soal RELA di bawah struktur baru itu bukan semata-mata kita tuju kepada soal kawalan, di samping mereka menjaga kampung dan juga menolong pihak keselamatan di kawasan itu mereka juga akan diberi galakan dan mengambil bahagian dalam aktiviti sosial dan juga pembangunan negara, supaya di samping mereka bertugas untuk menjaga kampung mereka juga dapat faedah daripada usaha pembangunan negara kita. Memanglah satu perkara kita utamakan orang-orang muda dalam RELA itu bukan sahaja diberi peluang memasuki Polis Di Raja Malaysia tetapi juga dalam Area Security Unit (ASU) dan mereka itu diberi keutamaan mengikut kebolehan masing-masing dan keperluan jawatan yang ada ditawarkan kepada mereka pada satu-satu tahun.

Dalam soal mengawal keselamatan ini seperti saya katakan tadi punca dari kekurangan ahli-ahli polis kita. Salah satu cara kita hendak membolehkan pertahanan keselamatan ini beberapa langkah atau strategi sedang disusun. Misalnya, kawasan FELDA waktu ini pihak Kementerian telah bersetuju supaya FELDA mengadakan kawalannya sendiri dengan diketuai oleh polis sahaja. Dengan demikian maka dapatlah jumlah polis yang sepatutnya meronda kawasan FELDA dan keselamatan FELDA itu dijaga sendiri oleh pasukan keselamatan yang direkrutkan oleh FELDA itu sendiri tetapi diketuai oleh pihak polis. Begitu juga Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan supaya rundingan-rundingan diadakan dengan, misalnya, housing estate supaya kawalan di kawasan itu juga dapat dipertanggungjawabkan kepada pihak yang mengelolakan housing estate itu. Dengan yang demikian maka dapatlah kita mengendorok sedikit atau mengurangkan sedikit beban atau tanggungjawab pihak polis kita dan polis kita dapat dibawa ke kawasan-kawasan tertentu. Sebagaimana kita tahu, pada hari ini kita banyak kawasan-kawasan perusahaan yang lebih penting yang perlukan juga security coverage, kerana kawasan-kawasan perusahaan ini, kita tahu perlu keselamatan ini, kerana jika satu-satu perkara berlaku di kawasan-kawasan ini akan menimbulkan kerosakan kepada pihak-pihak pemodal dan seterusnya akan menjejaskan kedudukan ekonomi kita. Maka inilah langkah-langkah yang diusahakan oleh Kementerian ini supaya disamping kita mengambil kakitangan polis banyak lagi dan kita cuba menggunakan tenaga-tenaga yang ada, di kampung kita gunakan FELDA dan di setengah tempat Rukun Tetangga dan juga kawasan-kawasan FELDA kita cadangkan mengadakan pasukan pertahanannya sendiri, di kawasan perumahan diadakan pasukannya sendiri. Tetapi seluruhnya ini akan diketuai oleh pihak Polis Di Raja Malaysia supaya soal keselamatan ini dan soal menjaga senjata dan sebagainya tidaklah diperkecil-kecilkan atau mereka yang bertanggungjawab mendapat latihan yang sewajarnya mengikut kehendak pihak polis kita.

Ada yang menyebutkan soal bekas Polis Di Raja Malaysia dan juga balu-balu mereka yang terkorban. Memanglah pihak Kementerian ini sangat mengambil berat hatta satu unit ada dalam Kementerian ini ditanggungjawabkan menjaga welfare bekas-bekas polis

yang sudah bersara dan balu-balu serta anak-anak mereka terutama pelajarannya itu tidak tergendala oleh kerana bapanya terkorban dalam usaha mempertahankan negara. Di samping kita memberikan insuran dan pensen, begitu juga yang terkorban dapat daripada Tabong Pertahanan Negara. Dari segi persekolahannya seberapa yang boleh kita akan berusaha menolong mereka supaya pengorbanan yang bapanya itu tidak akan menjejaskan peluang anak-anaknya daripada meneruskan pelajaran mereka hinggalah setinggi-tingginya. Nampaknya sekim ini berjalan dengan baik, maka saya yakin dan percaya tidaklah dapat memberi 100% puas hati. Ini adalah mustahil, tinggal lagi jika ada perkara-perkara seperti ini keciciran di kawasan—masing-masing maka bolehlah dikemukakan kepada Kementerian ini dan kita ada bahagian khas di situ.

Soal mereka hendak masuk rancangan FELDA, sebagaimana kita tahu polis ini pencen semasa berumur 55 tahun dan syarat yang dikenakan oleh FELDA itu rendah. Jadi kenalah kita fikirkan boleh atau tidak mempunyai mereka yang berumur 55 tahun menyangkol lagi. Tetapi walau bagaimanapun, kita usahakan juga seberapa yang boleh mereka ini dimasukkan ke rancangan-rancangan tanah ataupun projek-projek yang lain yang boleh memberikan faedah kepada mereka selepas mereka bersara. Di waktu ini sedang kita mengira supaya disesuaikan Syarikat Kerjasama Polis itu dengan Pertubuhan Bekas Polis supaya program-program syarikat itu dari segi projeknya juga dapat memberi faedah kepada pihak-pihak polis yang bersara atau yang akan bersara. Saya fikir program ini, jika dapat dilaksanakan, dapat memberi pekerjaan kepada mereka dan juga misalnya soal meluluskan security unit atau securicor ataupun badan-badan kawalan yang diperlukan, maka kita sentiasa memberitahu pihak yang berkuasa itu supaya memberi keutamaan kepada mereka yang sudah bersara daripada polis atau pihak tentera. Nampaknya, kerjasama daripada pihak yang berkenaan adalah memuaskan, cuma seperti saya katakan tadi setakat ini kita ada lebih kurang 30,000-40,000 orang polis yang sudah bersara; ini termasuk bekas-bekas SC dahulu dan juga pada tiap-tiap tahun lebih kurang kalau tidak silap saya 200 lebih yang akan pencen. Jadi, maklumlah kalau sudah ramai begitu ada juga tercicir. Tetapi niat Kerajaan kita tidak hendak melupakan jasa

mereka itu. Seperti saya katakan tadi apakala sudah ramai itu kadang-kadang ada juga yang tercicir, tetapi bagi kita semua kalau perkara itu berlaku boleh kita bawa ke atas seberapa yang boleh seperti scholarship mereka boleh kita salurkan kepada badan-badan yang tertentu lebih-lebih lagi untuk menolong balu-balu ini dan juga untuk menolong anak-anak mereka meneruskan sekolah.

Ada yang menyebut soal orang-orang tahanan. Orang tahanan ini terbahagi kepada dua tiga perkara. Ada orang tahanan yang sudah convicted oleh mahkamah. Ini kita beri mereka tugas mengikut hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan kepada mereka. Ada juga tahanan-tahanan political detainees, ada juga tahanan macam Pulau Jerjak atau Restricted Residence dan untuk makluman Dewan memanglah kita memberi latihan kepada prisoners ini seperti pertukangan kayu, jahit-menjahit, pertukangan rotan dan juga untuk menggunakan mereka itu, bukan sahaja bagi faedah mereka itu sendiri tetapi untuk faedah negara. Kalau tidak silap saya pada tahun yang lalu sahaja hasil daripada kerja-kerja mereka ini dalam prison kita dapat lebih kurang \$1.5 juta—hasil daripada tenaga mereka itu kita gunakan dan ini merupakan satu revenue kepada negara kita.

Soal ronda ini terbahagi kepada dua, satu ronda darat dan satu ronda laut. Ada yang menimbulkan ronda di pantai timur. Barangkali saya semalam atau dahulu semalam ada memberi jawapan secara mulut di Dewan ini iaitu cara kita hendak mengadakan ronda di pantai timur. Di waktu ini kita ada di Tampoi, memang tak cukup. Dan program kita hendak adakan di Kemaman satu base yang besar supaya base ini dapat meronda laut di pantai timur ke utara dan keselatan. Di Kelantan di Pangkalan Kubur, kalau tak silap saya, kita hendak adakan base kecil dan akan diperhitungkan base kecil dengan base yang besar ini sebelah pantai timur dapat menjaga pantai kita yang luas. Satu lagi usaha yang sedang diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri ialah memikirkan aerial surveillance iaitu menggunakan kapal terbang. Projek ini besar, samada boleh atau tidak boleh belum dapat pastikan untuk menjaga laut kita ini. Laut kita ini terlalu luas, tetapi kalau projek ini dapat diluluskan yang memerlukan belanja

yang banyak aerial surveillance ini, mengikut negeri-negeri lain, boleh dikatakan berjaya dan barangkali dapat menolong kita mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di kawasan pantai kita. Kita memang tidak sunyi daripada mengambil usaha atau langkah-langkah melengkapkan kawalan-kawalan sempadan kita bukan sahaja di laut dan juga di kawasan-kawasan sempadan kita di negeri Thai, misalnya, di tahun hadapan kita memperkemaskan lagi dengan menubuhkan border security unit yang mengandungi bukan sahaja Polis Di Raja Malaysia tetapi juga pihak Imigresen, pihak Kastam pihak LPN atas tugas yang diberikan untuk mencegah smuggling. Ini ditujukan lebih kepada soal smuggling. Smuggling ini boleh jadi dari segi dadah, dari segi senjataapi yang mungkin dapat lebih kita kesan dengan menggunakan pasukan-pasukan yang kita hendak bentuk ini di masa yang akan datang.

Begitulah juga dengan soal senjata moden ini seperti yang saya telah sebutkan dalam ucapan saya tadi dalam satu-satu masa kita hendak lengkapkan mereka dengan senjata moden dan ini bersesuaian sangat dengan usaha kita meninggikan mutu Polis kita. Mutu Polis kita sudah diakui tinggi oleh banyak negeri di dunia, tinggal lagi kita tidak puas hati (complacent) dengan keadaan yang ada, kita hendak supaya mutunya tinggi lagi. Sungguh pun negara-negara lain memberi pujian kepada mutu Polis kita maka kita menjalankan usaha seperti hendak menggunakan computer, menggunakan alat-alat secara moden bukan sahaja setakat walkie-talkie tetapi benda-benda yang lain juga kita hendak modenkan sesuai dengan keadaan yang sophisticated pada hari ini.

Dalam soal Marine Polis, saya telah sebutkan tadi termasuklah soal menjaga kawasan pantai kita disebelah timur, dan disebelah barat kita akan mengadakan base yang besar di Lumut untuk gerakan yang lebih besar dan di Langkawi pengkalan yang kecil, begitu juga di Kota Kinabalu dan Kuching supaya kawasan-kawasan pantai laut kita dapat dijaga kerana kita tahu disebelah utara, sempadan kita dengan negeri Siam, memang berlaku beberapa perkara tetapi nampaknya dengan adanya kerjasama antara Kerajaan kita dengan Kerajaan negeri Siam atau Thailand petrol kita di perairan dekat Langkawi nampak semakin sehari semakin hebat dan jenayah atau perompak-perompak

semakin sehari semakin kurang kerana adanya kerjasama antara kedua-dua pihak. Ini berkait juga dengan soal pertahanan di sempadan. Bagi pihak Kementerian ini memang sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri Thailand untuk menjaga kawasan sempadan negeri kita. Seperti yang diketahui dua minggu yang lalu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pergi ke Bangkok untuk menguruskan hal ini dan pada minggu yang lalu Perdana Menteri Thailand dan juga Perdana Menteri kita bersama-sama pegawai-pegawai lain telah berunding di Pulau Pinang melafazkan hasrat masing-masing untuk bekerjasama dan menjaga kawasan sempadan kita. Apa yang boleh saya memberi jaminan pihak Kerajaan kita tidak akan bertolak ansur dengan kominis kerana kita tahu akibat buruk akan timbul menimpa negara kita jika kita lemah dalam soal ini.

Soal rasuah di Imigresen. Ini barangkali kita pun sedia maklum kerana mereka bagi pihak Kementerian ini menjalankan tugas sesiapa juga yang melanggar undang-undang akan dikemukakan kepada keadilan; dan pihak Kementerian ini bekerjasama dengan mana-mana badan seperti Biro Siasatan Negara dan sebagainya untuk bukan sahaja pegawai-pegawai di Kementerian ini sendiri tetapi juga pihak yang berkenaan yang lain yang melanggar undang-undang merekalah yang akan menjawab sendiri terhadap undang-undang itu. Rekod kita dimasa-masa lalu berkenaan dengan keadilan undang-undang ini jelas kelihatan oleh kita semua. Ada bukti yang nyata bahawa negara kita mengambil berat sangat kepada soal menjaga undang-undang bagi kepentingan rakyat sekalian.

Satu lagi yang dikemukakan berkenaan soal orang-orang masuk haram. Saya telah sebutkan tadi dalam masa soal jawab mulut kita seberapa yang boleh dengan adanya tambahan pegawai-pegawai kita, kompleks baru Imigresen di Chang Loon, dengan memperbaiki lagi keadaan di Padang Besar dan juga cadangan untuk mengadakan kompleks Imigresen di Betong maka barangkali dapatlah kita menguatkan kawalan kita dengan pegawai-pegawai kita yang akan ditambah pada tahun-tahun akan datang. Tetapi seperti yang saya sebutkan semalam, pelancung sahaja lebih 1 juta masuk ke negara kita tiap-tiap tahun dan denai-denai

yang masuk ke negara kita melalui kawasan-kawasan sempadan, banyak. Jadi dengan adanya kakitangan yang ramai insya Allah kita dapat pesatkan lagi kawasan kita bagi mencegah kemasukan orang-orang haram ke negara kita.

Satu lagi ialah mengenai soal kelambatan Sijil Kerakyatan. Soal pemberian Sijil Kerakyatan bukanlah satu perkara yang boleh kita ambil senang. Bagi pihak Kerajaan mengambil dan memikirkan, mengkaji dari berbagai-bagai segi sebelum satu-satu Sijil Kerakyatan itu diberikan kepada si pemohon terutama sekali di waktu ini soal keselamatan itu dipentingkan. Bukanlah semata-mata apabila seseorang lulus ujian bahasa dengan otomatik diberi dia Sijil Kerakyatan. Kita kena selidik dikaji dan diuji dari berbagai-bagai aspek terutama sekali berhubung dengan soal keselamatan kerana kita dapati ada dokumen-dokumen palsu yang dikemukakan. Maka dengan adanya dokumen-dokumen palsu maka telah memberi ingatan kepada Kementerian/Jabatan supaya berhati-hati jangan Sijil Kerakyatan ini jatuh ketangan mereka yang tidak berhak mendapatnya. Pada hemat kita biarlah lambat asalkan negara kita selamat iaitu satu-satu hak negara menerusi kerakyatan itu tidak jatuh ketangan mereka yang tidak berhad memenimanya.

Begitu jugalah dengan soal I/C dan sebagainya. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kita telah menguatkuasakan undang-undang tiap-tiap orang diwajibkan membawa I/C kemana-mana ia pergi. Setelah undang-undang itu diumumkan maka timbulah orang yang I/C hilang pun datang hendak I/C baru, budak sekolah yang berumur 18 naik 19 tahun patut tukar, inilah masanya dia hendak tukar, orang yang tukar alamat pun inilah masanya dia hendak tukar. Jadi terlalu rush terlau besar sangat jumlah yang datang bertumpu kepada Jabatan ini apabila undang-undang dikuatkuasakan, tidak seperti dahulu berganda-ganda kerja dia. Maka inilah yang diminta dengan adanya kakitangan ini dapat kita cepatkan proses menukar I/C dan begitu juga surat beranak, surat nikah dan sebagainya adalah di bawah satu Jabatan belaka yang memerlukan kakitangan.

Tuan Pengersui, satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan ialah soal Film Censor Board. Di bawah tugas yang baru ini Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem dikehendaki

supaya menitikberatkan jangan satu-satu filem itu diluluskan dengan senang sahaja. Kita pentingkan soal potongan terhadap babak-babak jenayah kerana terlalu banyak trend di waktu ini pengimpot-pengimpot filem menitikberatkan filem-filem bercorak jenayah yang mengandungi banyak dengan tembak-menembak, banyak kepada curi-mencuri banyak kepada drug, banyak kepada babak-babak yang mengandungi jenayah. Jadi kita telah mengarahkan kepada mereka supaya mengetatkan potongan-potongan ini supaya tidak terlepas daripada filem itu. Kita tahu filem satu media yang terlalu powerful dan penuntun-penuntun terutama sekali gulungan-gulungan muda mudah sangat terikut-ikut dengan babak-babak (scene) yang keluar daripada filem itu.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab pada seluruh rakyat bukan sahaja di peringkat tua juga di peringkat muda terutama sekali di waktu ini kita mementingkan soal keselamatan, maka perkara-perkara yang semacam ini diambil berat supaya seberapa yang boleh tidak dapat influence pandangan-pandangan (audience) itu dengan babak-babak yang ada terkandung di dalam filem-filem yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam perkara ini kerana saya sudah sentuh seberapa ringkas yang boleh. Walau bagaimanapun, segala syor-syor dan teguran-teguran yang mungkin saya tidak sentuh, semuanya itu adalah baik belaka dan pihak Kementerian ini akan cuba memenuhi kehendak-kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat seberapa yang boleh mengikut kemampuan dan tenaga yang ada dalam Kementerian ini. Satu perkara yang saya suka hendak sebut mengenai masaalah yang besar pada kita hari ini ialah menjaga keselamatan negara kita dan inilah punca segala-galanya, jika keselamatan negara kita terjamin, maka kemajuan sosial, ekonomi dan pembangunan-pembangunan yang lain akan turut terjamin.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja yang dapat saya jawab dalam Dewan ini dan saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas segala teguran-teguran dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$26,594,800 untuk Kepala B. 39, \$446,969,000 untuk Kepala B. 40, \$11,095,800 untuk Kepala B. 41, \$631,000 untuk Kepala B. 42, \$9,287,600 untuk Kepala B. 43, \$26,437,000 untuk Kepala B. 44 dan \$10,094,400 untuk Kepala B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$211,886,000 untuk Kepala P. 40, \$1,532,000 untuk Kepala P. 41, \$9,530,030 untuk Kepala P. 44 dan

\$4,203,720 untuk Kepala P. 45 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 7hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.44 malam.